

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 21**

**Selasa**

**24 April 2007**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 27)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006	(Halaman 28)
Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006	(Halaman 95)
Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006	(Halaman 97)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Selasa, 24 April 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin Rukun Tetangga dari Taman Kampar Jaya dari kawasan Parlimen Kampar dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Melawati, Kuala Lumpur. *[Tepuk]*

**1. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pelancongan menyatakan adakah penganjuran festival dan anugerah bertaraf antarabangsa berjaya mengangkat nama Malaysia dan menarik lebih ramai jumlah pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007.

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tidak dapat dinafikan penganjuran festival anugerah bertaraf antarabangsa mampu memberi impak yang positif kepada sektor pelancongan negara. Sekali gus boleh menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Malaysia terutamanya sempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Ini adalah kerana penganjuran festival dan anugerah ini contohnya seperti Global Indian Film Awards (GIFA) dan juga Anugerah Zee Cine TV Ke-10 yang telah diadakan baru-baru ini telah berjaya menarik perhatian peminat-peminat artis Bollywood khususnya di rantau Asia untuk datang ke Malaysia dan berjumpa dengan idola mereka.

Selain itu, negara kita juga akan mendapat publisiti yang meluas memandangkan kebanyakan festival anugerah bertaraf antarabangsa ini mempunyai pelan promosi yang memberangsangkan. Publisiti yang meluas juga akan diperolehi kerana festival dan anugerah ini biasanya akan mendapat liputan yang meluas dari pihak media.

Oleh itu, dengan segala publisiti dan promosi yang diperolehi melalui penganjuran festival anugerah bertaraf antarabangsa ini, para pelancong asing tentunya akan lebih berminat untuk datang ke Malaysia.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kementerian di atas usaha-usaha untuk memajukan lagi sektor pelancongan.

Tadi Yang Berhormat telah menyebut anugerah GIFA telah berjaya merencanakan lagi perjalanan industri pelancongan kita dan juga anugerah-anugerah yang lain. Apakah pihak kementerian juga melihat kehadiran ramai pelancong dari negara-negara seperti China? Barangkali sudah tiba masanya satu *award* dengan izin, anugerah yang melibatkan pelakon-pelakon utama daripada negara China yang boleh juga turut membantu membuat filem dengan pelakon-pelakon seperti Jackie Chan, Gong Li, Chow Yun Fatt dan Jet Li. Itu yang saya ingat ataupun mungkin dapat membawa filem festival yang boleh juga merencanakan lagi industri perfileman.

Semalam Yang Berhormat Menteri pula menyebut bahawa Tahun Melawat Malaysia ini akan diganjakkan atau akan disambung sehingga tahun 2008, dipanjangkan lagi. Saya hendak tahu apakah sebabnya? Adakah kerana keuntungan yang kita peroleh, kita hendak panjangkan lagi atau kerana kesannya yang tidak begitu bagus, lembap, gagal ataupun mungkin oleh kerana berlakunya banjir yang melanda negara kita baru-baru ini terutama di Johor yang merupakan pintu masuk pelancong-pelancong dari selatan. Ini juga telah merugikan atau menyebabkan kita sudah ketinggalan sedikit dalam bulan Januari sampai bulan Jun, barangkalilah.

Adakah itu yang menyebabkan bahawa kementerian hendak sambungkan lagi Tahun Melawat Malaysia ini supaya kita membuat promosi yang lebih berkesan dan agresif lagi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Memang kita merancang untuk mendapatkan lebih ramai lagi pengusaha filem dalam industri perfileman di seluruh dunia untuk datang dan menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi perfileman dan juga suatu destinasi untuk mereka mengadakan festival-festival mereka. Insya-Allah, Kementerian Pelancongan akan terus berusaha supaya mendapatkan mereka untuk datang ke negara kita.

Soalan Yang Berhormat yang kedua berkenaan dengan perlanjutan Tahun Melawat Malaysia hingga ke tahun 2008. Tujuan kementerian ialah bukan untuk melanjutkan *Visit Malaysia Year 2007* tetapi memandangkan oleh kerana negara kita akan menyambut kemerdekaan ke-50 tahun pada tanggal 31 Ogos 2007 dan 50 tahun ini akan berlarutan sehingga tahun 2008. Pada 31 Ogos 2008 baru negara kita menjadi 51 tahun.

Kementerian berpandangan lebih eloklah kalau kita teruskan usaha-usaha untuk menarik pelancong untuk datang melihat Malaysia. Selain daripada keindahan negara, Malaysia juga boleh mempamerkan sikap toleran dan juga pembangunan yang telah dicapai selama 50 tahun yang kebelakangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bukan masalah kekurangan kehadiran pelancong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi bulan pertama dan kedua tahun ini iaitu Januari dan Februari, kita telah mencapai kehadiran pelancong sebanyak lebih kurang 3,101,691

orang, meningkat sebanyak 9.3% daripada bulan yang sama pada tahun 2006. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya kagumlah di atas perancangan di atas penglibatan pihak kementerian dalam menguruskan Tahun Melawat Malaysia ini. Saya ucapkan tahniah. Cuma ada beberapa perkara saya melihat perlu diambilkah perhatian tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, iaitu penganjuran filem, misalnya baru-baru ini dianjurkan oleh pihak swasta.

Saya bersetuju swasta memainkan peranan tetapi ada baiknya saya berpendapat kalau boleh penganjuran-penganjuran sesuatu perkara bersifat internasional ini harus dikaitkan sama dengan badan-badan berkanun atau agensi-agensi kerajaan yang lain supaya ia tidak menyimpang jauh ataupun ia melanggar garis-garis panduan yang memang telah ditetapkan oleh kementerian.

Misalnya akan datang saya difahamkan ada pameran filem antarabangsa. Seharusnya dalam bab ini FINAS harus bersama-sama untuk melihat, monitor dan juga memberikan garis panduan-garis panduan tertentu supaya terikat dengan budaya kita. Kita tidak hendak besok apabila swasta, ia memikirkan untuk mendapatkan keuntungan sahaja tanpa mengambil kira budaya kita, budi bahasa kita dan sebagainya. Oleh kerana itu, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya harap penjelasan saya daripada Yang Berhormat Menteri ada tidak cadangan pihak Kementerian Pelancongan ini untuk melihat perkara ini dapat dikaitkan sekali dengan agensi-agensi kerajaan yang sedia ada.

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Usaha yang kita laksanakan sentiasa kita bekerjasama dengan pihak Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan atau KeKKWa sebenarnya. Dan, segala usaha yang kita laksanakan ini mengikut garis panduan KeKKWa dan juga FINAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, selalunya pihak Kementerian Pelancongan hanya akan menjadi, dengan izin, *facilitator*, sahaja. Ini kerana kita berkehendakkan supaya industri pelancongan ini, dengan izin, menjadi *private sector driven industry*, kerana kita tidak mahu melibatkan wang rakyat dan wang kerajaan untuk melaksanakan anugerah ataupun program-program yang dirancang oleh pihak swasta. Saya memberi satu keyakinan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, memang senantiasanya kita akan memastikan bahawa budaya kita ini ataupun apa-apa yang diperlukan oleh FINAS dan KeKKWa akan dipatuhi oleh pihak-pihak swasta untuk melaksanakan program-program mereka di dalam negara kita.

Umpamanya, kalau mereka hendak membuat satu penggambaran kita juga akan memberi garis panduan bagaimana perkara ini boleh dilaksanakan dengan cara-cara yang ditetapkan oleh FINAS. Sekian, terima kasih.

**2. Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kerajaan sedar mengenai niat dan tujuan negara China menambah kuat keupayaan angkatan lautnya untuk menguasai perairan Asia Tenggara yang sekarang ini dikuasai oleh Amerika Syarikat.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pulaui ke atas soalan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, mengikut sejarah negara di rantau ini sudah lama mempunyai perhubungan politik dan kebudayaan yang baik dengan negara China. Malah sejarah juga menunjukkan bahawa China tidak pernah menjajah mana-mana negara jirannya, dengan izin, *never non as a colonial power*.

Malaysia melihat penambahan kekuatan keupayaan angkatan lautnya adalah selari dengan peningkatan ekonomi tersebut. Oleh itu ianya tidak akan memberikan ancaman kepada Malaysia atau mana-mana negara di rantau ini malah kebangkitannya perlu dianggap sebagai satu rakan yang strategik dan bukannya semata-mata dilihat sebagai musuh yang perlu ditakuti.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat bahawa peningkatan keupayaan Angkatan Laut China dalam bentuk modenisasi adalah terhasil daripada hasrat negara tersebut untuk menjaga kepentingannya semata-mata dan bukan dengan niat, dengan izin, *expansionist*. Pandangan ini terbukti daripada perhubungan pertahanan dua hala Malaysia-China serta hubungan diplomasi pelbagai hala di mana China menjadi rakan dialog positif kepada ASEAN pada tahun 1996 dan seterusnya menjadi ahli *ASEAN Regional Forum*, dengan izin, pada tahun 1993 dan kini dalam proses Asia Timur. Oleh itu, kebangkitan China bukanlah dianggap sebagai sesuatu yang menghairankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam arena pelbagai hala pula, China telah menunjukkan hasratnya untuk mengambil bahagian di dalam pelbagai bentuk aktiviti yang bertujuan bagi membina keyakinan, iaitu *confidence building*, dengan izin, di kalangan negara di rantau ini. Sebagai contoh, Deklarasi Manila pada tahun 1992 yang disokong oleh China telah mencadangkan satu modus operandi di Laut China Selatan atas cadangan ASEAN, China telah menunjukkan minat untuk mengadakan satu *code of conduct*, dengan izin, yang akan menjadi asas kepada tingkah laku semua negara bagi menjamin bahawa segala jenis perselisihan dan akan diselesaikan dengan cara dialog dan perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik untuk Orde Baru Dunia Global ini berasaskan sistem kepelbagaian daripada kekuatan unilateral mana-mana negara. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Secara tradisi, Amerika Syarikat menguasai kekuatan laut di rantau Asia Tenggara ini. Dan, rantau Asia Tenggara ini merupakan kawasan yang kaya dengan sumber hasil bumi seperti petroleum dan sebagainya. Kekayaan ini boleh menjadi sumber konflik seperti yang berlaku di Kepulauan Spratlys beberapa tahun dahulu.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan melihat penambahan kekuatan tentera laut China ini sebagai satu langkah yang baik dan positif, dan akan menambah baik suasana keselamatan di Asia Tenggara ini atau sebaliknya ia akan meningkatkan lagi *tension* di rantau ini disebabkan oleh percanggahan dengan peranan tentera laut Amerika tadi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pulau di atas soalan tambahan. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kepentingan strategik bukanlah satu perkara yang beku dan tidak bergerak dengan kecairan yang berlaku dalam jiwa politik dunia. Oleh itu, apa tindakan yang diambil oleh China tidak seharusnya dilihat sebagai satu tindakan yang mengancam ataupun melahirkan ketegangan di kawasan perairan laut di perantauan kita.

Apa yang penting ialah kita hendak negara-negara yang mempunyai kekuatan dan tanggungjawab bersama untuk kestabilan dan keselamatan perdagangan, bekerjasama dengan negara-negara maritim bagi tujuan menjamin keselamatan perairan di kawasan rantau kita ini.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan setiap kali sebuah negara kecil menambah kekuatan tenteranya, baik laut, darat mahupun udara, ianya akan dilihat oleh negara jiran sebagai suatu perlumbaan senjata. Singapura beli kapal laut, kita beli kapal laut, Indonesia ada kapal laut. Tetapi jawapan-jawapan daripada menteri sebentar tadi menjelaskan bahawa ianya hanya timbul sekiranya hubungan diplomatik antara dua negara itu tidak erat, barulah dianggap sebagai perlumbaan senjata.

Soalan tambahan saya ialah apakah pembelian dua kapal selam kita ini tidak menimbulkan pula anggapan daripada negara jiran yang berkongsi Pulau Spratlys dengan kita dan pandangan daripada Indonesia yang menghadapi masalah dengan Pulau Ambalat, satu pulau yang mempunyai harta minyak yang banyak. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh di atas soalan. Sebagai perlumbaan ini kadangkala negara yang membuat tuduhan ke atas perlumbaan kesenjataan adalah negara-negara yang menjual senjata-senjata tersebut. Jadi, oleh itu kita kena melihatnya dalam bentuk sinis. Kalau kita mahu memainkan peranan di peringkat rantau sudah tentu pertahanan nasional kita mesti kukuh dan dapat ditentukan ia dapat berhadapan dengan segala kemungkinan.

Tetapi yang pentingnya ialah apabila Malaysia ini memang dikenali sebagai negara maritim, tidak menjadi satu negara yang aneh untuk kita memiliki dua kapal selam yang akan

memenuhi keperluan negara kita, sama ada di Lautan Ambalat ataupun di Spratlys, yang pentingnya kita mahu kawasan maritim di rantau ini sebagai satu kawasan selamat dan boleh dilalui untuk kapal-kapal perdagangan bagi tujuan keamanan.

**3. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) adakah pendekatan yang keterlaluan kepada budaya sendiri akan membantutkan usaha membina rakyat Malaysia yang mempunyai pandangan sejagat terbuka, dan progresif; dan
- (b) memandangkan budaya berupaya menyemai kecemerlangan sebagaimana juga boleh memupuk kegagalan, adakah kementerian telah membuat kajian supaya budaya tidak mencetus pandangan mundur dan kurang daya-saing kepada masyarakat Malaysia.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sesuatu yang keterlaluan memang mengandungi risiko negatif, begitu juga dalam bidang budaya. Justeru, usaha harus ditumpukan ke arah membina rakyat Malaysia yang mempunyai pandangan sejagat terbuka dan progresif. Ini akan mengukuhkan jati diri dalam aspek seni budaya masyarakat sendiri dan meningkatkan pencapaian positif di peringkat antarabangsa. Adunan seni budaya masyarakat Malaysia meliputi pelbagai kaum menjadikan rakyat Malaysia lebih inovasi dan mampu meningkatkan imej di mata dunia.
- (b) KeKKWa belum melaksanakan kajian berhubung pengaruh budaya dengan kemunduran atau kecemerlangan masyarakat Malaysia. Namun begitu, seni dan budaya semua kaum di Malaysia menjurus ke arah kecemerlangan. Sikap toleransi terhadap masyarakat pelbagai kaum menambahkan daya saing rakyat Malaysia kerana berupaya menyesuaikan diri di dalam apa jua keadaan. Sekian.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan budaya yang saya sebut di sini adalah dalam konteks di Amerika umpamanya *KFC* dan *McDonalds* adalah budaya eksport Amerika ke dunia tetapi dalam soalan saya ialah tekanan kepercayaan dan budaya dalam konteks minda yang dibentuk, umpamanya kepercayaan, khususnya di kalangan orang Melayu, cukup makan, “yang seperiuk takkan menjadi sebelanga, yang secupak takkan jadi segantang”, budaya berpeluk tubuh iaitu percaya kepada takdir dan tidak berusaha dengan gigih, berhubung dengan minda dan permintaan jati diri, “ukur baju di badan sendiri” dan ini telah mencanai dan *mould*...

**Seorang Ahli:** Membentuk.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Membentuk, terima kasih. Telah membentuk kepercayaan seseorang itu. Jadi kepercayaan seseorang ini telah menyerap ke seluruh masyarakat. Dalam keadaan sebegini, dunia *is not a level playing field*, dengan izin. Dalam keadaan sedemikian, kita telah membentuk batasan-batasan budaya dan kita akan berhadapan dengan cabaran yang hebat di luar dan macammanakah kita boleh mengeluarkan masyarakat kita sendiri daripada pembentukan budaya ini supaya boleh menahuti cabaran yang bakal menggugat kemampuan kita berhadapan dengan *the non playing field* yang di luar, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Sebenarnya soalan beliau adalah penjelasan satu teori secara terperinci iaitu beliau *expounded*, dengan izin, teorinya di sini. Untuk saya menjawab, ambil masa yang panjang. Jadi saya secara ringkasnya pun amat tertarik dengan pemikiran-pemikiran ilmuwan atau cendekiawan Melayu. Jadi saya petik daripada Encik Mohd. Yusof Hassan dalam satu kertas yang beliau kemukakan kepada *1st International Conference On Malay Civilization* iaitu tajuknya "Paradigma Pemikiran Dalam Epistemologi Melayu" di mana beliau *expounded* kaedah 3P iaitu pendidikan, pemikiran dan perlakuan ini adalah tunjang dan tonggak kemuliaan dan keagungan peradaban bangsa.

Beliau juga menekankan pembangunan pemikiran yang mantap iaitu teori 4L iaitu kemahiran pemikiran Luhur, kemahiran pemikiran Lahir, kemahiran pemikiran Logik, kemahiran pemikiran Lateral dan ini akan mewujudkan seorang insan bukan kamil tetapi sekurang-kurangnya ianya seorang yang bersifat 4S iaitu selepas itu mereka menjadi Soleh, Sarjana, Saintis dan Seniman secara bersepadu.

Saya fikir ini bolehlah diguna pakai oleh semua rakyat di Malaysia mahupun kaum Melayu, kaum Cina atau kaum India dan daya pembangunan pemikiran yang mantap akan menjadi landasan keagungan bangsa dan negara dan janganlah kita takut. Kita ada kekebalan daripada pengaruh-pengaruh daripada negara barat. Sekian, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dunia sudah berubah, Tuan Yang di-Pertua. Keadaan juga sudah berubah. Jadi soalan saya, apakah kementerian berhasrat mencadangkan pelan induk budaya masyarakat Malaysia agar lebih berbudaya ke arah yang lebih positif sebab banyak ungkapan, antaranya harus diberi penekanan seperti "kalau hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih", "di mana ada gula, di situ ada semut", "bersatu teguh bercerai roboh". Ini mudah. Tetapi untuk memahami budaya ungkapan-ungkapan sebegini bukan mudah. Jadi apakah kementerian berhasrat untuk mempromosi lebih hebat lagi ke arah membudayakan rakyat Malaysia supaya kita boleh berkeyakinan diri dan bersedia menerima cabaran-cabaran masa depan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih. Saya tidak akan menjawab secara teori. Tetapi untuk negara kita, kita ada satu DKK iaitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan negara di mana kita memegang kepercayaan kepada agama, kebudayaan dan pendidikan di negara kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal dasar. Adakah Kementerian berhasrat untuk lebih memastikan rakyat Malaysia supaya lebih prihatin dan proaktif?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Belum sampai lagi. *[Ketawa]* Ada gula, ada semut, semut mati kerana gula juga. *[Ketawa]* Jadi kita akan menggubal satu dasar yang boleh diguna pakai untuk semua rakyat di negara kita sebab kita pun faham negara kita adalah sebuah negara yang majmuk di mana kita mesti ada satu rancangan yang boleh diterima oleh semua rakyat jelata dan saya haraplah dalam satu masa yang tidak lama nanti, kita akan ada satu dasar budaya negara. Sekian, terima kasih.

**4. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah amaun yang dihabiskan setiap bulan bagi setiap orang untuk penjagaan kesihatan dan sama ada kerajaan berpuas hati dengan penjagaan kesihatan awam di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan kesihatan bagi setiap orang penduduk Malaysia dianggarkan berjumlah RM46 sebulan. Jumlah tersebut telah diperolehi daripada kajian Akaun Kesihatan Nasional Malaysia pada tahun 2002. Kerajaan juga berpuas hati dengan sistem penjagaan kesihatan awam yang sedia ada di negara kita, khususnya yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan pada masa ini. Sekian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucap terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang membelanjakan RM46 sebulan bagi setiap warganegara Malaysia. Soalan tambahan saya, berapa banyak yang kita belanja untuk pendatang-pendatang ataupun untuk pekerja-pekerja luar negara yang datang bekerja di dalam negara kita ini? Ia pun melibatkan kos kerajaan untuk menjaga kesihatan mereka. Kalau tidak penyakit mereka akan berjangkit kepada rakyat kita.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah berapa banyak kerajaan membelanjakan wang untuk kita memberi pelajaran ataupun penjelasan, penerangan kepada rakyat tentang menjaga kesihatan? Ini perlu kita ambil tahu juga, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya, bila Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star, Kedah ini boleh digunakan kerana sudah lama, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Kedah kecuali Alor Star ini berasa tertunggu-tunggu dan penungguan itu adalah satu penyiksaan, Tuan Yang di-Pertua dan Tuanku Sultan Kedah pun tidak seronok pasal kelewatan hospital Kedah ini. Jadi mintalah sedikit penjelasan dan penerangan supaya saya dapat balik beritahu orang Kedah. Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan perbelanjaan kesihatan yang kita belanjakan atas pekerja asing, kita ada dua aspek. Aspek pertama ialah pekerja asing yang sah. Bagi pekerja asing yang sah bermakna majikan mereka terpaksa bayar perbelanjaan kesihatan mereka. Tetapi bagi pendatang asing tanpa izin ini kita memang menghadapi satu cabaran. Bermakna kita kena jaga kesihatan mereka juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, jikalau kita tidak jaga mereka barangkali mereka menjadi punca penyebaran penyakit berjangkit.

Setakat ini kita tidak ada satu akta yang kukuh tetapi perbelanjaan itu memang ada dan berkaitan dengan Hospital Alor Star ini kita tengah buat *testing* dan apabila semua sudah siap kita akan buka hospital ini berperingkat. Sekian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, kos, dia tidak jawab kos.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapalah

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, untuk membantu rakyat untuk mengurangkan lagi kos penjagaan kesihatan adakah kerajaan bersedia membuka jabatan pesakit luar di hospital besar ini di waktu malam? Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Penjagaan kesihatan di waktu luar adalah dijalankan di *emergency department*. Kita masih adakan perkhidmatan. Tetapi kerana untuk *stream line* perkhidmatan kita kepada rakyat pada waktu malam, kita buka *emergency department* kita untuk pesakit luar. Tetapi pada masa *office hour*, kita buka dua *department* iaitu pesakit luar dan juga *emergency*. Sekian.

*[Soalan No 5 – Yang Berhormat Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal (Parit Buntar) tidak hadir]*

**6. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk meluaskan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan atau PROSPER kepada masyarakat India memandangkan kejayaan projek ini meningkat penyertaan bumiputera dalam sektor kecil perdagangan runcit melalui penyediaan perkhidmatan bantuan dan sokongan seperti penyediaan premis dan modal, pengenalpastian peluang perniagaan serta latihan dalam pengurusan perakaunan dan tunai.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan peruntukan yang terhad diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, melaksanakan Program Usahawan Bumiputera dalam Bidang Peruncitan (PROSPER) adalah untuk membangunkan usahawan bumiputera yang berdaya saing ke arah merealisasikan perwujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Namun demikian ia tidak bermakna bahawa MECD tidak menyediakan kemudahan dan sokongan kepada usahawan bukan bumiputera termasuk dalam bidang peruncitan. Agensi-agensi di bawah MECD seperti Bank SME, Bank Kerjasama Malaysia, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), TEKUN ada menyediakan kemudahan pembiayaan dan khidmat nasihat kepada semua pihak termasuk usahawan keturunan India.

Selain itu Institut Keusahawanan Negara turut memberi peluang kepada bakal usahawan bukan bumiputera untuk mengikuti Program Latihan dan Pembudayaan Keusahawanan. Khusus untuk peserta keturunan India, MECD bukan sahaja telah menandatangani MoU dengan Yayasan Strategik Sosial (YSS), bahkan telah pun memberi latihan keusahawanan termasuk pengurusan perkauman dan tunai kepada 1,045 orang peserta keturunan India pada tahun lepas.

Sementara itu beberapa agensi kerajaan yang lain seperti PUNB, SMIDEC, MATRADE yang menyediakan skim bantuan pembiayaan dan latihan untuk semua usahawan termasuk daripada kalangan bukan bumiputera bagi membangun dan mengembangkan perniagaan masing-masing. Terima kasih.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedia maklum bahawa pemangkinan antara warga yang bekerja di sektor pertanian dan perburuhan, langkah pertama mereka untuk ke arah keusahawanan adalah untuk memulakan kedai-kedai runcit dan mereka sekarang tercabar akibat daripada perkembangan pesat dan sengit daripada pasar raya-pasar raya yang muncul seperti cendawan. Maka golongan ini merupakan golongan pertama ke arah memperkasakan ekonomi negara di peringkat akar umbi.

Pertanyaan saya, soalan tambahan saya adalah sejauh manakah golongan ini telah terancang secara teratur di seluruh negara di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera dan masyarakat India untuk dimangkinan di peringkat yang lebih tinggi. Apakah mekanisme yang sedia wujud dalam Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya kita akan adakan *midterm review* dengan izin untuk memastikan keberkesanan perkara yang dirancang untuk 1.5% yang dirancang untuk ekuiti masyarakat India. Saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian, belum lagi ada satu mekanisme yang *clear*, yang jelas dan jitu. Minta penjelasan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, peruncitan yang dilaksanakan ini merupakan pelan strategik MARA, ia merupakan salah satu daripada program kita yang kita hendak memantapkan usahawan kita di bidang peruncitan kerana kita sedar rata-rata masyarakat bumiputera belum pun cukup dibudayakan di bidang perniagaan.

Kita tidak mempunyai masalah untuk sama-sama membangun masyarakat India atau membudayakan di bidang peruncitan. Sebab itu kita buat program peruncitan ialah usahawan membangun usahawan dan kita mempunyai syarikat *anchor* yang besar yang boleh melahirkan usahawan-usahawan kecil yang boleh memberi segala khidmat nasihat pembayar dan sebagainya.

Masyarakat India juga tidak ketinggalan, kita tengok beberapa contoh, Syarikat Mydin dengan sendiri syarikat ini telah pun membangunkan peruncit-peruncit...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Mydin bumiputera bukan India.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat banyak lagi Yang Berhormat, bumiputera atau bukan bumiputera, tetapi banyak memberi keuntungan kepada masyarakat India dan masyarakat India sendiri boleh mengenal pasti beberapa *anchor* di kalangan masyarakat India untuk membangunkan peruncit-peruncit yang berjaya di bidang perniagaan.

Jadi yang kedua bila Yang Berhormat menyebut persaingan pasar raya yang telah menghakis perniagaan peniaga-peniaga kecil, ini Yang Berhormat kena tanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri yang meluluskan lesen pasar raya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Pertambahan, adakah Yang Berhormat sedar Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bertindak semacam samseng di Ijok semalam yang mengugut mahasiswa mahasiswi. Adakah Yang Berhormat akan tanya Yang Berhormat bagi Cameron Highlands mengenai kelakuan beliau.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua itu adalah tuduhan yang melulu tidak ada kaitan dengan apa yang diperkatakan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Keluar soalan, keluar tajuk.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua ini keluar tajuk, dia membuat tohmahan kepada saya.

**7. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah pecahan kos mengerjakan haji bagi seorang jemaah haji tahun 2006 dan apakah kos yang boleh dikurangkan bagi mengelak/mengurangkan kenaikan kos mengerjakan haji untuk tahun-tahun berikutnya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, pecahan kos mengerjakan haji musim haji yang lalu adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Kos	Peratusan
1	Pasport haji dan perkhidmatan pemprosesan di tanah air dan juga di Tanah Suci.	RM119.50	1.2%
2	Tambang kapal terbang dan juga cukai lapangan terbang.	RM4,615.40	45.5%
3	Penginapan dan makanan di Tanah Suci.	RM4,408.96	43.5%
4	Pengangkutan darat di Arab Saudi dan bayaran perkhidmatan di bawah kawalan pihak berkuasa Arab Saudi.	RM989.26	9.8%

	<b>Jumlah</b>	<b>RM10,133.17</b>	<b>100%</b>
--	---------------	--------------------	-------------

Namun demikian kos sebenar yang wajar dikenakan pada musim haji 1427 Hijrah ialah sebanyak RM10,330 setelah mengambil kira tanggungan-tanggungan berikut. Buku-buku panduan haji dan kursus haji RM70, perbelanjaan tambahan bagi setiap jemaah haji RM127 jumlah RM197.

Di samping itu terdapat juga tanggungan tidak langsung Tabung Haji bagi setiap jemaah haji iaitu sebanyak RM496 dalam bentuk menyediakan infrastruktur, perkhidmatan dan operasi haji. Komponen terbesar dalam wang perbelanjaan haji ialah tambang kapal terbang 45% dan juga penginapan jemaah haji semasa berada di Mekah dan juga Madinah 43%, kos ini tidak akan berkurangan walaupun tempoh berada dipendekkan.

Lain-lain komponen bayaran seperti bayaran wajib mengikut peraturan haji Arab Saudi seperti perkhidmatan Muassasah, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perkhemahan adalah merupakan bayaran-bayaran tetap yang dikenakan kepada setiap jemaah haji dan tidak dapat dikurangkan. Ruang dan pengurangan kos hanya terdapat dalam urusan penginapan. Sekiranya ini dilakukan, maka kualiti bangunan yang disediakan akan terjejas dan penempatan juga lebih jauh daripada masjid. Sekian terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan tadi jelas menunjukkan bahawa kebanyakan kos adalah di luar kawalan. Maknanya tidak dapat dikawal di peringkat kita. Ia berlaku di Tanah Suci Mekah. Apakah jabatan ataupun Tabung Haji akan juga menaikkan kos mengerjakan ibadat haji pada tahun hadapan? Sekian terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebenarnya untuk menaikkan harga ataupun kos mengerjakan haji bukan boleh dibuat sewenang-wenangnya oleh Lembaga Tabung Haji. Terpaksa kemukakan kepada menteri yang bertanggungjawab dalam urusan Lembaga Tabung Haji iaitu saya selama ini. Selepas itu, cadangan-cadangan tersebut saya akan mendapatkan pandangan daripada satu jabatan baru yang telah diwujudkan iaitu Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, sebuah jabatan lain untuk menilai pandangan-pandangan, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Lembaga Tabung Haji.

Setelah itu barulah saya siapkan kalau telah dapatkan persetujuan, saya siapkan memorandum untuk Kabinet dan sebelum itu mesti juga dapat pandangan dari beberapa kementerian terutamanya Kementerian Kewangan. Setelah segala-galanya selesai, barulah saya kemukakan memorandum itu kepada Jemaah Menteri untuk dibincangkan dan mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri.

Sehingga sekarang ini, saya masih belum lagi mendapat cadangan sebagai mana yang diura-urakan mereka akan mencadangkan kepada saya cadangan baru tambang haji. Sekian terima kasih.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di antara jawapan Yang Berhormat Menteri adalah kos penginapan tidak dapat dikurangkan walaupun masa haji itu dipendekkan. Jadi, soalan yang ingin saya tanya adakah Tabung Haji berhasrat untuk mungkin memajak satu bangunan? Misalnya kalau tidak silap saya lima tahun yang lepas ada ura-ura yang mengatakan Tabung Haji akan membeli satu bangunan yang boleh memuatkan 25,000 jemaah di dalam bangunan tersebut, sebelah...saya tidak ingat tempatnya. Maknanya adakah hasrat Tabung Haji untuk memajak untuk setahun bukan sahaja untuk jemaah haji tetapi untuk pengerja-pengerja umrah juga yang saban tahun berkunjung ke Tanah Suci untuk mengerjakan umrah. Itu saja persoalannya, terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Memang benar kos mengerjakan iaitu harga ataupun kos penginapan semasa di Mekah dan juga Madinah sebagaimana yang saya sebut tadi iaitu merupakan 43% daripada tambang haji daripada kos mengerjakan haji pada keseluruhan, selain daripada itu tambang kapal terbang ialah 45%. Untuk membeli memang tidak dapat, menurut peraturan yang berjalan di Saudi sekarang ini iaitu warga asing, selain daripada Saudi tidak dibenarkan membeli bangunan. Cuma boleh diuruskan, sekarang ini Tabung Haji sedang mengusahakan untuk menyewa dalam jangka masa yang panjang. Mungkin dalam lima belas tahun. Pengalaman kita hanya di sekitar lima tahun itu saja. Maknanya kita sekarang ini kita mengusahakan jangka yang panjang. Jadi ini juga boleh menjimatkan.

Selain daripada itu, kalau nak kurang, maka saya rasa agak sukar kerana kalau hendak dikurangkan dari segi kos penyewaan ini mungkin kena cari yang jauh daripada Masjidil Haram ataupun daripada Masjid Nabawi. Jadi kalau jauh pula, menyusahkan jemaah haji kita. Kita telah set satu kriteria iaitu daripada Masjidil Haram ataupun kalau di Masjidil Haram tidak boleh lebih daripada 700 meter. Kalau daripada Masjid Nabawi ialah 400 meter. Ini adalah merupakan di antara yang terbaiklah saya rasa, yang paling dekat dan yang paling baik rumah yang disediakan oleh Tabung Haji. Tetapi dengan usaha kalau sekiranya berjaya dalam masa yang panjang kita menyewa tadi sudah tentulah kos boleh diijimatkan sedikit saja.

Tetapi harga-harga yang lain terus naik misalnya, Kerajaan Saudi telah mengenakan satu syarat baru iaitu ruang bagi seorang jemaah haji mesti disediakan 3.5 meter. Maknanya dulu tiga meter sahaja. Jadi tiga meter mungkin dalam bilik yang sederhana besar boleh kita isi dengan enam orang. Maka dengan adanya syarat-syarat baru begini, maka daripada enam itu kepada empat ataupun daripada lapan kepada enam. Ini juga memberi beban kepada Tabung Haji. Sekian.

**8. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan hasil perdagangan negara mencecah melebihi Ringgit Malaysia Satu Trilion.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2006, perdagangan negara telah mencapai RM1.07 trilion

dengan eksport sebanyak RM588.96 trilion dan import sebanyak RM480.77 trilion iaitu *surplus* sebanyak RM108.19 billion.

Antara faktor-faktor yang mendorong kepada pencapaian ini adalah pertumbuhan ekonomi dunia pada 2006 dianggarkan sebanyak 3%. Manakala pertumbuhan perdagangan negara dianggarkan meningkat sebanyak 7%. Iklim pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang baik ini telah meningkatkan permintaan bagi barangan di pasaran dunia terutamanya di negara-negara ASEAN, Amerika Syarikat, Jepun dan Republik Rakyat China.

Penglibatan aktif syarikat-syarikat Malaysia dalam aktiviti promosi perdagangan yang diadakan dari masa ke semasa oleh kerajaan telah membawa hasil. Liberalisasi perdagangan melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia atau WTO telah meluaskan integrasi dan akses pasaran global. Perkembangan ini turut menyumbang secara langsung kepada peningkatan eksport dan import negara. Usaha berterusan ke arah liberalisasi perdagangan yang lebih luas melalui perjanjian Perdagangan Bebas Serantau dan Dua Hala telah meningkatkan peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia memasuki rantai bekalan serantau dan akses pasaran baru.

Pelaburan langsung asing dan domestik telah meningkat dan ini telah menambahkan kapasiti yang baru dalam sektor perindustrian. Kapasiti baru ini secara langsung menyumbang kepada penambahan dalam pendapatan eksport. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT dan teknologi perkilangan terkini membolehkan sektor perkilangan mengeluarkan eksport yang bernilai tidak ditambah yang lebih tinggi yang akan meningkatkan harga produk dan menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi. Sekian.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan di atas kejayaan ini. Namun begitu, terdapat cakap-cakap di luar yang masih kurang yakin dan tidak percaya di atas hasil dan kejayaan perdagangan negara kita, kerana disebut bahawa di kalangan peniaga dan juga kontraktor mengatakan bahawa ini hanyalah gimik pihak kerajaan sahaja.

Sejauh manakah fenomena ini benar? Dan sejauh manakah hasil perdagangan ini memberi manfaat kepada masyarakat di dalam negara kita khususnya di peringkat akar umbi dan dapat juga menjana ekonomi di dalam negara kita hasil daripada perdagangan yang begitu berjaya ini? Terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Saya hendak beritahu bahawa tuduhan-tuduhan itu tidak benar. Kalau kita tengok angka-angka yang kita ada ini, setiap bulan kita ada angka dari kastam dan sebagainya. Kalau kita tengok perdagangan yang kita ada dengan rakan perdagangan yang terbesar kita, ia termasuk kumpulan ASEAN, Amerika Syarikat, Europe, Japan, negara China dan sebagainya.

Semua perdagangan kita dengan negara-negara itu sudah meningkat dan saya ucap tahniah. Ucapan tahniah itu bukan untuk kerajaan, tetapi kita juga ucap tahniah kepada rakyat

kita, khasnya mereka yang terlibat dalam sektor perdagangan dan perkilangan yang telah bekerja keras untuk meningkatkan perdagangan negara kita ini. Kita ada banyak program promosi eksport bagi setiap tahun dan itu telah membantu kita masuk ke dalam pasaran *non-traditional* dan juga membantu kita meningkatkan perdagangan kita. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga ucapkan tahniah kepada kerajaan dan negara kerana mencapai lebih daripada RM1 trilion. Tetapi, sekarang ini satu ancaman yang serius sekali ialah mengenai kebaikan dan juga keburukan peningkatan nilai ringgit jika dibandingkan dengan *dollar* Amerika. Keburukannya ialah mengenai mungkin pengeksport-pengeksport kita ini akan menghadapi masalah iaitu sukar untuk memasarkan barangan mereka sebab nilai kita telah meningkat. Kebaikannya ialah pengimport-pengimportnya menjadikan pengimportan mereka ini menjadi lebih murah. Saya hendak bertanya kepada kementerian, lebih dagangan ini adalah satu jumlah perdagangan yang sudah dieksport dengan diimport.

Hari ini kita ada lebih dagangan (*surplus*) yang lebih kurang USD29.7 bilion. Tahniah. Tetapi dengan ancaman peningkatan nilai ringgit ini, kalau FTA kita dengan Amerika tidak akan ditandatangani, apakah langkah-langkah utama kerajaan supaya kita boleh memastikan bahawa lebih dagangan kita ini dapat *disustain* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua, kita boleh mempertingkatkan lagi jumlah aktiviti perdagangan kita di dalam negara kita. Sekian.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Walaupun nilai ringgit telah meningkat atau naik, tetapi kalau kita lihat angka-angka yang ada untuk bulan Januari dan Februari tahun ini berbanding dengan angka yang kita ada untuk Januari dan Februari 2006, perdagangan telah meningkat sebanyak 5.4%. Ini memberi bukti bahawa walaupun nilai ringgit telah naik, tetapi eksport dan import kita juga masih ada kompetitif kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain. Saya yakin bahawa sektor perkilangan dan perdagangan kita boleh mengatasi kenaikan nilai ringgit ini.

Berkenaan FTA dengan Amerika Syarikat, kalau kita menandatangani ini, ia akan membuka pasaran yang lebih luas. Tetapi seperti apa yang saya katakan tadi, kita telah masuk dalam pasaran *non-traditional* dan banyak negara *non-traditional*, perdagangan kita pun sudah banyak meningkat. Selain daripada program promosi dijalankan oleh MITI dan agensi-agensi di bawah MITI, pemimpin-pemimpin kerajaan seperti Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pun selalunya apabila mereka buat lawatan di luar negeri, mereka turut mengadakan *business forum* dan *business launching* dengan rakan-rakan kita di luar negara. Itu telah membantu kita menambahkan lebih banyak eksport kita. Terima kasih.

**9. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar pihak kementerian berkaitan penyeragaman uniform sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan dan sekolah agama di negeri-negeri.



**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah menetapkan dasar berkaitan penyeragaman uniform bagi semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan termasuklah sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan seperti yang ditetapkan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 3/1983 Pakaian Seragam Murid-murid Sekolah.

Namun demikian, bagi sekolah-sekolah yang bukan di bawah Kementerian Pelajaran termasuk sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat, peraturan pemakaian uniform adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak sekolah berkenaan. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ataupun gambaran realiti di bawah sana ialah di dalam Kementerian Pelajaran sendiri kita ada anak-anak kita yang terpaksa memakai lima atau enam uniform. Daripada baju putih kepada baju pengawas yang berwarna biru, ini sekolah Kementerian Pelajaran, sekolah kerajaan. Pengawas Skim Pinjaman Buku Teks yang bajunya berwarna merah jambu dan pengawas perpustakaan yang berwarna hijau dan sebagainya.

Saya percaya apabila disamakan dengan sekolah agama negeri dan rakyat, selagi proses penyeragaman uniform ini akan hanya berlaku jika sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat ini didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran. Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah setakat ini berapa banyak sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri telah mendaftar dengan Kementerian Pelajaran? Berapa ramaikah guru-guru sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri ini yang telah dilantik di bawah Skim Perkhidmatan Pendidikan bagi menyelaraskan isu-isu tempatan seperti uniform ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Mengenai pakaian seragam yang saya nyatakan tadi, itu ialah pakaian yang telah dikenakan kepada semua pelajar iaitu baju putih dan seluar biru untuk sekolah rendah, baju putih dan juga seluar hijau yang gelap untuk sekolah menengah. Dalam masa yang sama, kita juga memberikan kebenaran kepada pihak sekolah untuk membenarkan para pelajar memakai pakaian seragam untuk melambangkan identiti khas bagi murid-murid di sekolah tertentu seperti lencana, tali leher ataupun pakaian yang telah menjadi tradisi di sesebuah sekolah boleh diteruskan. Demikian juga dengan pakaian-pakaian seperti Yang Berhormat nyatakan tadi boleh dilaksanakan di sekolah dengan syarat mendapat kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing.

Mengenai persoalan Yang Berhormat tentang isu pendaftaran di sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri di bawah Kementerian Pelajaran sehingga Februari 2007, sebanyak 119 buah sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri telah pun mendaftar sebahagian sekolah agama bantuan kerajaan.

Bagi tahun 2007 sehingga tahun ini, kita sasarkan sebanyak 300 buah sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri akan mendaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan di mana bezanya dengan SMKA ialah sekolah-sekolah SAR dan SAN ini didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran. Mereka ini akan dikenali sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Bilangan guru yang mendaftar sehingga hari ini ialah seramai 555 orang guru-guru sekolah agama rakyat yang telah pun dilantik dan menerima gaji di bawah Skim Perkhidmatan Pendidikan mulai Disember 2006. Manakala guru sekolah agama negeri di Kelantan, Perlis dan Melaka, mereka akan mula menerima gaji pada Mac 2007 dan guru di Selangor pula akan menerima gaji di bawah Skim Perkhidmatan Pendidikan pada April 2007. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pasal uniform Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Kita tahu uniform ini merupakan satu uniform yang beraneka warna, macam kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terutama sekali pengawas dan berbagai-bagai lagi jawatankuasa di sekolah-sekolah. Tidakkah ada pihak kementerian untuk meringankan sedikit beban ibu bapa tentang uniform ini supaya dapat diseragamkan cuma kita bezakan dengan lencana di baju atau tali leher.

Ini melambangkan satu uniform yang bercorak antarabangsa dan menjimatkan perbelanjaan itu sendiri. Apa pendapat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau kementerian mengenai dengan perkara ini, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang telah saya nyatakan tadi bahawa pakaian ini sebenarnya kita telah tetapkan. Namun demikian kita dapati ada sekolah-sekolah tertentu dia meneruskan dengan pakaian tradisi mereka sendiri. Sekolah-sekolah ini kita benarkan dengan syarat mendapat kebenaran jabatan pelajaran negeri masing-masing. Manakala cadangan Yang Berhormat untuk kita selaraskan itu memang ada. Saya faham dengan Yang Berhormat maksudkan itu, kadang-kadang ada anak-anak atau pelajar-pelajar dilantik menjadi pengawas atau pengawas perpustakaan. Mereka kena beli pakaian tambahan dan mungkin membebankan ibu bapa.

Ini semuanya kita serahkan kepada budi bicara sekolah bagaimana untuk mereka melaksanakan pakaian-pakaian khas di sekolah dengan tidak membebankan pelajar-pelajar yang dilantik untuk memegang jawatan-jawatan tertentu di sekolah masing-masing, terima kasih.

**10. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia kesembilan bagi setiap kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan bagi Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkaitan untuk setiap kawasan Parlimen tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Cheras, peruntukan pembangunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan adalah sebanyak RM20.4 bilion.

Manakala Rancangan Malaysia Kesembilan pula adalah sebanyak RM9.5 bilion. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak 74 projek bernilai RM1.4 bilion akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Manakala yang lain-lainnya bernilai RM8.1 bilion akan dilaksanakan oleh kementerian dan agensi lain khusus bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara projek utama Rancangan Malaysia Kesembilan bagi Wilayah Persekutuan adalah projek pembinaan Istana Negara, projek Lebuh Raya Kuala Lumpur - Putrajaya dan projek pembinaan Kompleks Keselamatan Dalam Negeri.

Peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen bagi setiap kementerian, agensi ialah seperti berikut:

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Peruntukan (RM juta)</b>
Batu	553.8
Setia wangsa	95.6
Lembah Pantai	2335.6
Bandar Tun Razak	1672.9
Titiwangsa	1512
Bukit Bintang	991.4
Wangsa Maju	950.2
Segambut	786.6
Cheras	434
Seputih	83.2
Kepong	67.4

Bagi kawasan Parlimen Cheras, projek yang akan dilaksanakan antara lain termasuklah pembinaan asrama Kolej Poly-tech Mara, pembinaan Pusat Giat Cheras serta pembinaan sekolah-sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Cheras

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat sama ada adakah peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan itu merangkumi peruntukan Parlimen yang setahu kami sepatutnya dinikmati oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional.

Saya mengaitkan soalan ini kerana saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, bahawa menurut satu jawapan yang saya terima baru-baru ini. Saya terperanjat apabila diberitahu secara bertulis bahawa kawasan-kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dimenangi oleh DAP iaitu Kepong, Cheras dan Seputeh juga disalurkan peruntukan Parlimen dari tahun 2004 hingga 2006.

Dan dalam tempoh tiga tahun ini peruntukan Parlimen yang dinikmati oleh Kepong misalnya ialah RM3,100,498.30, bagi Bukit Bintang ialah RM3,100,4816.50 bagi Seputeh RM3,148,966.51 dan bagi kawasan saya RM3,149,355.84.

Nampak bagus, tapi saya sebagai Ahli Parlimen kawasan saya itu dan rakan-rakan saya di tiga kawasan Parlimen tidak terima satu sen pun.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sudah terima.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Maka Tuan Yang di-Pertua saya ingin tanya Yang Berhormat, mengapa? Ini paling memeranjatkan di mana wang itu disalurkan dan siapa yang menerima peruntukan itu? Dalam jawapan itu, sebahagian besar digunakan oleh pusat perkhidmatan Wakil Rakyat. Kami satu sen pun tidak terima. Pusat perkhidmatan kami adalah diselenggarakan dan dibelanjakan oleh kami sendiri. Dua Ahli Parlimen di kawasan kami.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yalah, kerajaan bagi rakyat bukan bagi *you*.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Perkara yang itu cukup menganiyai.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang penting rakyat kerajaan bagilah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Meliputi sambutan Hari Raya, Tahun Baru Cina dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat silakan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ahli Parlimen DAP tidak sanggup merayakan itu perayaan majlis Hari Raya dan Tahun Baru Cina secara besar-besaran kerana tidak mendapat peruntukan, siapa yang menganjurkan majlis itu? Di mana kamu pergi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, biar Timbalan Menteri jawab Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, biar Timbalan Menteri jawab Yang Berhormat

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Duduklah saya jawab, dah tanya saya jawablah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan yang diberikan ke seluruh negara termasuk kawasan-kawasan Parlimen adalah diluluskan oleh Dewan ini.

Yang kedua, kita salurkan peruntukan bagi kawasan-kawasan tertentu melalui ICU iaitu sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, disalurkan mengikut saluran-saluran yang memang mengikut peraturan dan undang-undang.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Yang di-Pertua itu bukan jawapan. Ahli Parlimen yang tulen tidak mendapat wang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat bagi Kepong.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu wang disalurkan kepada pegawai kerajaanlah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ini skandal!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong. Baik, sudah Yang Berhormat cukup, cukup sudahlah. Yang Berhormat sudah menyuarakan, itu tidak kira. Beliau sudah jawab. Yang Berhormat bagi Kepong. Tak mahu tanya ke? Kalau tidak saya pergi kepada yang lain.

*[Dewan riuh]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua. Diam dulu. Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi sayalah tidak menjawab soalan, tidak menjawab soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada macam-macamlah itu. [Ketawa].. *I don't see you.*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *I don't see, don't money ya?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, sudahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macamana dengan 219 kawasan parlimen? Macamana ICU dapat mengendali semua, mengurus semua? Adakah bermakna ICU mempunyai satu anggota satu kawasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tujukan soalan kepada saya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Wah. Bukan. Ya, saya tujukan kepada Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat terangkan di sini adakah peruntukan daripada RM8.1 bilion ini untuk Istana, Wilayah Persekutuan, Istana ya dan juga untuk Lebu Raya KL- Putra. Apakah sebenarnya perbelanjaan untuk KL- Putra?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan soal lain, ini masuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** - Yang Berhormat, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Masuk di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cukup ke?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik dia akan jawab.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak jawab apa itu ICU itu mengambil masa yang panjang sangatlah. Tapi kena fahamlah bahawa ICU ialah satu agensi kerajaan pusat, kemudian di negeri ada SDO, sekejap lagi tanya SDO pula?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *Implementing Core Unit.* Bagitahu dia *Implementing Core Unit.*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Hendak tahu apa dia SDO? SDO, di Pejabat Daerah ada Pegawai Daerah semuanya ini berjalan sejajar seperti mana arahan yang saya katakan sebab itu saya katakan mengikut peraturan mengikut undang-undang. Itu sebab saya jawab mengikut peraturan dan undang-undang. Kalau tidak ikut undang-undang boleh bawa kepada pihak-pihak yang tertentu ambillah tindakan yang sewajarnya pula. Ikutlah undang-undang juga.

Yang keduanya Yang Berhormat tadi tanya tentang pembinaan Istana Negara yang baru dan juga jalan daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya, saya ingin maklumkan bahawa maklumat mengenai perkara ini saya akan sampai secara bertulis kerana saya tidak ada dalam pengetahuan saya mengenai perkara ini.

**11. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) adakah dengan pertambahan universiti-universiti di dalam negara mampu memberi peluang yang lebih cerah kepada graduan; dan
- (b) adakah syarat kemasukan ke universiti swasta amat mudah menyebabkan bilangan graduan yang tidak menepati kehendak industri juga meningkat.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, pertambahan bilangan IPT baik IPTA mahu pun IPTS merupakan salah satu usaha kementerian untuk memperluaskan lagi access dengan izin atau peluang bagi pelajar-pelajar untuk mengikuti pelajaran di peringkat universiti. Ini merupakan salah satu strategi pembangunan modal insan bagi memenuhi perancangan dan keperluan guna tenaga negara untuk menghadapi cabaran globalisasi dan ianya juga selaras dengan hasrat kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, bagi memastikan agar siswazah yang dihasilkan oleh Institusi Pengajian Tinggi atau IPT tempatan adalah *marketable* dan *employable* dengan izin sama ada dalam negara mahu pun di peringkat antarabangsa sekali gus mengurangkan kes pengangguran siswazah, pelbagai langkah telah pun dijalankan oleh kementerian antara lain termasuk program pengajian dilaksanakan secara komprehensif atau menyeluruh dan holistik dalam memberikan

ilmu pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah atau *soft skill* dengan izin kepada para pelajar sama ada melalui kokurikulum, ko-kurikulum dan program latihan industri.

Kurikulum pengajian disemak dan dikemas kini dari masa ke semasa bagi memenuhi kehendak pasaran. Menyelaraskan program latihan industri selama enam bulan bagi memberikan lebih impak dalam meningkatkan pengetahuan kemahiran *hands on* dengan izin, kemahiran insaniah dan pengalaman kerja kepada pelajar sewaktu pengajian di IPT.

Melaksanakan modul keusahawanan bagi memupuk budaya keusahawanan dan memberi pendedahan asas kepada pelajar mengenai ilmu keusahawanan, sikap berdaya saing dan sebagainya. Memantapkan unit bimbingan kerjaya dan kaunseling dan menyelaraskan jawatan Pegawai Pembimbing Kerjaya bagi membantu dan membimbing siswazah bagi memilih kerjaya dan persiapan awal kerjaya dan menganjurkan Karnival Kerjaya IPT Peringkat Kebangsaan secara tahunan bagi memberi peluang dan pendedahan kepada graduan terhadap realiti sebenar dunia pekerjaan dan meningkatkan kemahiran, kebolehan dan potensi graduan untuk mendapat kerjaya masing-masing.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut mengambil pendekatan bagi membantu siswazah yang telah tamat pengajian untuk mengikuti program latihan kursus dengan kerjasama KHAZANAH Nasional Berhad, *Multimedia Development Cooperation* dan *Malaysian Industries Government Group for High Technology* atau pun MIGHT. Program tersebut bukan sahaja dapat membantu siswazah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal malah dapat mempertajamkan kemahiran berkomunikasi, berbahasa Inggeris, berinteraksi interpersonal ICT serta memberi peluang kepada siswazah untuk mendapatkan pengalaman kerja di samping berpeluang cerah ditawarkan pekerjaan setelah tamat latihan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan memperluaskan peluang pendidikan tinggi negara tidak bermaksud kelayakan masuk pelajar ke IPT dan kualiti graduan boleh dikompromi. Bagi tujuan kemasukan ke IPTS, pihak pentadbir institusi perlu mematuhi ketetapan yang telah digariskan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara atau MPTN. Manakala bagi memastikan graduan yang dikeluarkan adalah berkualiti pihak IPTS perlu menawarkan kursus pengajian yang menepati standard yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Pemantauan berterusan terhadap pematuhan ketetapan dan standard tersebut dilaksanakan melalui proses jaminan kualiti yang dijalankan oleh Lembaga Akreditasi Negara. Dari segi kelayakan masuk, proses jaminan kualiti akan memastikan dua perkara yang berikut:

- (i) IPTS mematuhi ketetapan kelayakan masuk yang ditetapkan; dan
- (ii) IPTS mempunyai sistem pemilihan pelajar yang *valid* dengan izin dan *reliable* dengan izin.

Untuk itu sistem tersebut perlu dilaksanakan berasaskan kriteria dan prosedur yang bersesuaian bagi memastikan pelajar yang dipilih benar-benar layak serta berkemampuan mengikuti dan menamatkan pengajiannya. Dari segi kualiti graduan, Tuan Yang di-Pertua,

proses jaminan kualiti yang dilaksanakan akan memastikan bahawa kursus pengajian IPTS mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) iaitu menepati standard jaminan kualiti dari segi hasil pembelajaran, jumlah kredit dan reka bentuk kurikulum;
- (ii) kaedah penyampaian adalah berkesan serta bersesuaian dengan keperluan pengajian dan pasaran; dan
- (iii) proses penilaian yang di laksanakan adalah teratur, *valid* dan *reliable*.

Sukacita pihak kementerian menegaskan di sini bahawa tiada kompromi dalam memastikan kursus IPT tempatan adalah berkualiti dan berdaya saing. Dalam pada itu fleksibiliti pelaksanaan diberikan berdasarkan kepada kesesuaian strategi dan pendekatan pendidikan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan panjang lebar. Mendengar jawapan kita senang hati tetapi dalam pelaksanaan memang banyak perbezaan. Jadi saya bagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua. Ada pelajar telah menamatkan pengajian di peringkat diploma daripada IPT swasta tempatan dan juga universiti luar negara.

Beliau berhasrat untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi dalam negara tetapi sijil yang didapati tidak mendapat pengiktirafan daripada LAN. Ini 'LAM' ke tak taulah..LAN atau LEN, memang susah!

**Beberapa ahli:** [Disampuk]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itulah, saya tidak fahamlah, LAN dengan LANG ke? Tak apalah.

Soalan tambahan, bagaimanakah pihak Kementerian Pengajian Tinggi menyelesaikan masalah graduan yang telah tamat pengajian tetapi sijil tidak mendapat pengiktirafan daripada LAN. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bintulu atas keprihatinan beliau tetapi malangnya apa yang disebutkan tadi iaitu soal pengiktirafan itu sebenarnya bukan ditangani oleh pihak LAN bukan LEN, LAN (Lembaga Akreditasi Negara) ataupun *National Accreditation Board* dengan izin. Sebab setakat ini apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu saya rasa mungkin tersilap sebab soal pengiktirafan adalah ditangani oleh JPA.

Kalaulah sesuatu kursus atau program pengajian yang ditawarkan oleh IPTS itu kenalah mendapat akreditasi oleh Lembaga Akreditasi Negara terlebih dahulu sebelum ia dapat dimulakan dan ia perlu memenuhi serta menepati standard minimum yang dikehendaki, sebagaimana yang saya huraikan dalam jawapan asal saya. Sama ada program yang sama akan diiktiraf atau tidak oleh pihak JPA, ia banyak tertakluk kepada keinginan IPTS yang



berkenaan iaitu sama ada hendak membawa kepada pihak JPA untuk kelulusan dan pengiktirafan atau pun sebaliknya.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Gerik.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara perbandingannya adakah penerimaan dan juga pengiktirafan terhadap graduan dari universiti kerajaan lebih tinggi kalau dibandingkan dengan graduan dari universiti-universiti swasta dan keduanya, saya ingin tahu apakah bidang-bidang yang selalunya para graduan ini, sama ada IPTA atau pun IPTS menghadapi kesukaran untuk mendapat pekerjaan dalam bidang-bidang Sosial Sains atau pun Sains Tulen. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gerik. Sebenarnya kalau kita hendak membuat perbandingan di antara graduan atau siswazah-siswazah dari IPTA atau IPTS, payah kita hendak buat satu perbandingan secara menyeluruh sebab ia berbeza daripada sesebuah universiti dengan universiti yang lain dan kadang kala dalam universiti yang sama pun bukannya semua jurusan pengajian yang ditawarkan kepada semua graduan itu boleh mencapai tahap *marketability* dengan izin yang sama. Ini saya kena jelaskan.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat yang kedua iaitu setakat mana pelajar-pelajar IPTA kita mendapat pekerjaan ataupun kemungkinan peluang mereka mendapat pekerjaan. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, bahawa mengikut satu hasil kajian pengesanan IPT tempatan buat tahun 2006 atau pun *traces study* dengan izin, daripada saiz sampel yang telah di temu duga seramai 108,275 orang antara lain termasuk 93,605 orang graduan dari IPTA, 25,317 orang dari politeknik, 3,339 orang dari kolej komuniti dan 10,639 orang dari IPTS.

Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Gerik bahawa setakat ini pada keseluruhannya, 42.2% sudah pun bekerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajiannya, 17.7% yang melanjutkan pengajiannya, 1.8% ingin meningkatkan kemahirannya, 7.4% yang sedang menunggu penempatannya, ini khas untuk mereka yang mengambil program pengajian dalam bidang perguruan atau pun pendidikan dan yang masih menunggu kerjaya atau pun belum bekerja adalah 31%.

Yang belum bekerja ini, suka saya memaklumkan bahawa tidak semestinya mereka ini menganggur sebab kadang kala, dalam bulan yang ke tujuh sesudah tamat pengajiannya kemungkinan mereka akan dapat kerja. Jadi, inilah statistik yang kita dapat kongsi buat ketika ini. Sekian, terima kasih.

**12. Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kedudukan kelengkapan dan pengajaran melalui makmal komputer di sekolah kebangsaan kini memandangkan masih terdapat sekolah kebangsaan di luar bandar yang belum

mempunyai makmal komputer dan bilakah semua sekolah kebangsaan akan mendapat kemudahan ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan makmal komputer di sekolah pada hari ini iaitu pertanyaan tersebut adalah dari Yang Berhormat bagi Temerloh, soalan no. 12 dan pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Parit Sulung soalan no. 42. Oleh itu, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan itu secara serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran Malaysia akan berusaha untuk membina dan membekalkan kemudahan komputer kepada semua sekolah termasuklah di sekolah kebangsaan sama ada di bandar mahupun di luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan ini.

Pihak Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti sebanyak 3,549 buah sekolah termasuklah sekolah-sekolah bantuan kerajaan di seluruh negara yang masih belum mendapat kemudahan makmal komputer. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan makmal di 3,549 sekolah ini akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan bermula dengan pembinaan 734 buah makmal pada penghujung tahun 2006. Sehingga kini, Kementerian Pelajaran telah berjaya membina dan membekalkan kemudahan pengkomputeran di 6,431 buah sekolah di seluruh negara. Adalah menjadi hasrat kementerian bagi memastikan seratus peratus sekolah di Malaysia mendapat kemudahan komputer agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan berkesan. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah agaknya nisbah pelajar dengan bilangan komputer yang dibekalkan ke sekolah-sekolah sekarang ini, itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin tahu adakah pihak Kementerian Pelajaran menjalankan pemantauan tentang perisian dan juga apa yang diajarkan kepada pelajar-pelajar kita terutama sekolah-sekolah di luar bandar supaya dengan perisian ini kita dapat melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan akhirnya akan menjadikan pelajar ini sebagai inovator di peringkat global. Saya kira ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran, saya kira dari segi penyediaan kemudahan komputer, makmal komputer dan peralatan komputer ke sekolah-sekolah, saya ingat ini satu model yang terbaik. Tidak banyak negara-negara lain yang buat seperti kerajaan kita buat dari segi memberikan pendidikan komputer ini kepada pelajar-pelajar kita terutamanya pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di luar bandar. Terima kasih.

**11.30 pg.**

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh yang ada dua persoalan.

Pertama, mengenai nisbah Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran terbahagi kepada dua bahagian, iaitu satu sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah biasa dan yang kedua ialah sekolah kurang murid.

Bagi sekolah biasa untuk pelajar seramai 100 hingga 399, jumlah komputernya ialah 12. Untuk pelajar seramai 400 sehingga 799, komputer yang dibekalkan ialah 20 buah. Bagi sekolah yang melebihi 800 pelajar akan dibekalkan sebanyak 40 buah komputer.

Bagi sekolah kurang murid, kita juga memberikan bantuan komputer iaitu jika ada sekolah yang mempunyai seorang pelajar hingga 29 orang dibekalkan tiga buah komputer. 30 hingga 59 pelajar lima buah komputer dan 60 hingga 99 pelajar akan dibekalkan sebanyak 8 buah komputer.

Mengenai pemantauan penggunaan komputer ini memanglah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran bahawa segala kemudahan yang diberikan ini dapat digunakan dengan sepenuhnya. Tidak ada maknanya kita membekalkan komputer-komputer ini tetapi ia tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Teknologi Pendidikan telah pun menyediakan instrumen pemantauan Program Makmal Pengkomputeran bagi membolehkan pemantauan secara berstruktur dilaksanakan untuk kita memastikan penggunaan makmal komputer adalah di tahap yang optimum.

Salah satu caranya ialah kita akan memberikan *grading* kepada sekolah-sekolah ini. Jika sekolah ini kita dapati menggunakan kemudahan makmal komputer ini dengan baik sehingga 100%, kita mungkin bagi lima bintang. Jika kurang bagus sedikit, kita bagi empat bintang. Ia macam hotel jugalah Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan adanya penggredan ini nanti kita berharap sekolah-sekolah ini akan berlumba-lumba untuk mendapat lima bintang, dan dalam masa yang sama kita juga akan terus memberikan latihan kepada guru-guru untuk mengoptimumkan penggunaan ICT ini di kalangan guru-guru. Terima kasih.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kementerian. Penjelasan yang begitu hebat sekali. Hanya saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kawasan B1824 - Pensiangan iaitu kebanyakan komputer yang dibekalkan adalah komputer yang.... boleh saya umpamakan ia seperti "*gajah putih*" kerana tidak dapat digunakan oleh murid-murid sekolah di kawasan pedalaman khususnya di kawasan Pensiangan.

Masalahnya, satu tidak dibekalkan dengan generator-generator untuk menggerakkan ataupun menjana komputer ini.

Kedua, bekalan-bekalan petrol ataupun diesel yang tidak dapat dibekalkan khususnya di luar-luar bandar, akhirnya komputer yang dibekalkan sebanyak lima hingga lapan buah itu

menjadi “*gajah putih*” ataupun menjadi bahan ataupun barang-barang perhiasan sahaja. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan itu ada kebenarannya kerana kita sedia maklum bahawa ada sekolah-sekolah yang masih lagi belum mendapat bekalan elektrik dengan sepenuhnya. Generator-generator yang kita bekalkan sebelum ini telah pun kita dapati tidak mencukupi untuk digunakan oleh sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, sekarang ini sama ada di Sarawak atau di Sabah, memang kita telah pun melantik beberapa kontraktor untuk membekalkan generator dengan kadar kilowatt yang lebih tinggi supaya dapat digunakan dalam tempoh 24 jam.

Dalam masa yang sama, mungkin juga sekolah di situ belum ada *school net* sebagai contoh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, semua ini memang di dalam pengetahuan Kementerian Pelajaran dan kita yakin dengan adanya enam teras, terutamanya teras untuk merapatkan jurang bandar dan luar bandar termasuklah jurang ICT ini sedang dilaksanakan dan kita yakin dalam tempoh yang terdekat ini masalah-masalah tersebut dapat kita atasi.

Sekiranya dalam tempoh ini tidak dapat diatasi, kita mengharap untuk mendapatkan *feedback* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu Kementerian Pelajaran melaksanakan projek-projek seperti yang telah kita rancangkan. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG 2007**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan, penubuhan majlis bagi antipemerdagangan orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KEADILAN JENAYAH (PINDAAN) 2007**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1953; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PELUASAN) 2007**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Sudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukan tertentu ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya;; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA  
KOPERASI MALAYSIA 2006**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.37 pg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta yang dinamakan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 bagi penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sektor koperasi merupakan satu gerakan sosioekonomi yang universal. Secara umumnya, objektif sesebuah koperasi adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada anggotanya melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang berasaskan kepada tujuh prinsip berikut:

- (i) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (ii) kawalan secara demokrasi oleh anggota;

- (iii) penglibatan ekonomi anggota;
- (iv) kebebasan dan autonomi;
- (v) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (vi) bekerjasama di antara koperasi; dan
- (vii) prihatin terhadap masyarakat.

Di negara kita, sektor koperasi bermula pada tahun 1922 dengan kelulusan undang-undang koperasi yang pertama yang dinamakan *Cooperative Society Enactment* 1922. Sejak dari itu, pergerakan koperasi telah berkembang dengan pesatnya dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sehingga 30 Disember 2006, sebanyak 4,918 buah koperasi telah didaftarkan dengan keanggotaan seramai 5.9 juta orang melibatkan syer yuran berjumlah RM7.4 bilion dan aset bernilai RM38.4 bilion.

Kerajaan menyedari tentang kepentingan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh sektor koperasi di negara ini. Malah berkeyakinan sektor ini mempunyai potensi dan kelebihan yang tersendiri di mana sekiranya diurus tadbir secara profesional dan bertanggungjawab ia dapat diterima oleh masyarakat secara menyeluruh kerana ia dapat mengatasi masalah ekonomi dan sosial mereka yang menganggotai.

Di samping itu, aktiviti dan perniagaan yang diceburi oleh koperasi juga semakin bertambah luas dari segi skop dan saiznya yang melibatkan semua golongan lapisan masyarakat.

Oleh itu untuk memandu koperasi ke arah organisasi yang berdaya maju kerajaan telah melancarkan Dasar Koperasi Negara pada 29 Januari 2004 untuk menjadikan koperasi sebagai sektor ketiga dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha meningkatkan sumbangan gerakan koperasi ini, Jabatan Pembangunan Koperasi yang bertanggungjawab membangun dan mengawal selia koperasi telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun 2004. Peletakan JPK di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memberi platform baru kepada sektor koperasi di negara ini untuk bergerak ke arah keusahawanan.

Fokus ke arah keusahawanan koperasi diberi penekanan kerana kementerian berpendapat institusi koperasi juga merupakan sebuah institusi ataupun entiti keusahawanan. Sehubungan dengan itu hala tuju dan skop gerakan koperasi diperluaskan dengan menggalakkan sektor koperasi terlibat dalam aktiviti keusahawanan seperti program pepadanan perniagaan, 'groom big', rantai nilai, francais, vendor satu wilayah satu industri dan juga hub koperasi. Program ini adalah bertujuan mendedah dan mewujudkan kerjasama strategik di antara koperasi dengan swasta dan di antara koperasi dengan koperasi lain yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak melalui Program Keusahawanan Koperasi.

Pada masa yang sama perlu juga ditekankan bahawa gerakan koperasi berpotensi untuk mengemblem lebih dana di dalam sektor koperasi bagi digunakan untuk membiayai

perusahaan mikro dan perniagaan kecil. Perusahaan mikro dan perniagaan kecil berkeupayaan menjana aktiviti ekonomi bagi sebahagian besar penduduk Malaysia di kawasan bandar dan juga luar bandar. Pelaksanaan ini menepati hasrat kerajaan yang menggalakkan sektor koperasi turut serta dalam usaha membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di samping kemajuan dan potensi yang terdapat dalam sektor ini tidak dinafikan juga bahawa terdapat koperasi-koperasi yang menghadapi masalah dan kelemahan-kelemahan serius iaitu antaranya prestasi kewangan dan kedudukan mudah tunai yang teruk, standard urus tadbir yang lemah, ketidakpatuhan kepada akta serta sistem operasi yang lemah. Semua ini boleh menjejaskan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap sektor koperasi. Tambahan pula kos yang tinggi diperlukan oleh kerajaan untuk menangani koperasi bermasalah setiap kali ini berlaku.

Menyedari hakikat dan peranan yang boleh dimainkan oleh sektor koperasi serta isu masalah dan cabaran yang sektor ini juga hadapi maka Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bercadang untuk mengubah JPK yang kini merupakan jabatan kerajaan, menjadi Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang merupakan sebuah badan berkanun. Tujuan utama penubuhan suruhanjaya adalah untuk merangsang pembangunan sektor koperasi yang terancang dan mapan, memastikan kedudukan kewangan dan operasi sektor koperasi kukuh dan selamat, memastikan kestabilan di dalam sektor koperasi disamping menyediakan persekitaran yang kondusif untuk membantu koperasi menjalankan aktiviti dengan lebih cekap dan aktif ke arah merealisasikan usaha menterjemahkan dasar koperasi negara.

Penggubalan rang undang-undang ini akan membolehkan SKM ditubuhkan sebagai satu pertubuhan perbadanan yang bertanggungjawab bagi membangun dan mengawal selia sektor koperasi di negara ini dan termasuk juga koperasi asas tani dan perikanan yang ketika ini di bawah penyeliaan Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Susulan penggubalan rang undang-undang ini beberapa pindaan sama ada berbangkit atau penambahan peruntukan baru perlu dibuat ke atas Akta Koperasi 1993, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978, Akta Persatuan Nelayan 1971 dan Akta Pertubuhan Peladang 1973 bagi tujuan untuk menyelaraskan kesemua peruntukan undang-undang berkenaan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pengawalseliaan sektor koperasi yang efisien, efektif dan berdaya saing memerlukan sokongan perundangan yang mantap. Justeru rang undang-undang digubal bagi mengandungi perkara-perkara berikut:

(i) Objektif perbadanan.

Sebagai pertubuhan, perbadanan SKM ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan koperasi dan sektor koperasi secara tersusun dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi. SKM juga berperanan

untuk menggalakkan sektor koperasi mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, progresif dan mapan demi mengekalkan keyakinan dalam pergerakan koperasi.

(ii) Tadbir urus perbadanan.

Lembaga Pengarah diperuntukkan untuk bertanggungjawab dalam memastikan fungsi dan objektif penubuhan SKM dapat dilaksana dan dicapai iaitu memastikan sektor koperasi dibangun dan dikawal selia dengan sepenuhnya. Peruntukan undang-undang koperasi dikuatkuasakan dan dasar-dasar pembangunan berkaitan koperasi dilaksanakan. Lembaga Pengarah akan bertanggungjawab kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Lembaga Pengarah akan dianggotai oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Eksekutif. Kedua-duanya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Empat orang ahli mewakili kerajaan, tiga daripadanya ditetapkan dalam Rang Undang-undang iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau timbalannya daripada Kementerian Kewangan dan Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia. Menteri Pembangunan Usahawan juga diberi kuasa melantik seorang lagi Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha yang mewakili mana-mana kementerian yang berkepentingan dalam gerakan koperasi mengikut keperluan semasa dan enam anggota yang lain di mana sekurang-kurangnya dua orang daripadanya terdiri daripada orang yang mempunyai reputasi dan pengalaman dalam pergerakan koperasi. Komposisi di atas dicadangkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang bebas dan seimbang. Pengerusi Eksekutif yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan kelancaran tadbiran dan urusan harian SKM. Kuasa Ketua Pendaftar seperti mana yang ditetapkan dalam Akta Koperasi 1993 akan dipindahkan kepada Lembaga Pengarah SKM.

(iii) Kuasa-kuasa SKM.

Rang Undang-undang SKM memberi kuasa kepada SKM untuk mengambil alih seluruh fungsi, tugas dan kuasa Ketua Pendaftar Koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 11 Akta SKM dan mengawal selia semua koperasi berdaftar termasuklah koperasi asas tani di bawah kawal selia Ketua Pengarah



Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga Koperasi Nelayan di bawah kawal selia Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

(iv) Hal ehwal kewangan.

Rang Undang-undang SKM memperuntukkan had modal RM300 juta. Jumlah modal berbayar yang akan dilanggan sepenuhnya oleh kerajaan semasa penubuhan SKM adalah RM50 juta dan Yang Berhormat Menteri boleh menaikkan jumlahnya dari masa ke semasa sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 31 Akta SKM. Bagi memastikan urusan operasinya yang efisien, SKM diperuntukkan kuasa untuk menubuh dan menyelenggara kumpulan-kumpulan wang tertentu, meminjam, mengeluarkan bon, debentur, stok dan *security* lain serta diberi kuasa untuk membuat pelaburan. Rang Undang-undang memperuntukkan kuasa kepada SKM untuk mengendalikan beberapa kumpulan wang sedia ada seperti Kumpulan Wang Pusat Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan Akaun Pelikuidasian Koperasi. Bagi memastikan sektor koperasi kukuh dan stabil SKM akan menubuhkan Kumpulan Wang Likuiditi Pusat di bawah Seksyen 42 dan akaun deposit koperasi di bawah Seksyen 43 Akta SKM. Peraturan-peraturan mengenai bidang tugas operasi dan pengurusan akan disediakan dan dilulus dan kelulusan Yang Berhormat Menteri hendaklah diperoleh terlebih dahulu. Semua dana tersebut penting bagi membangunkan satu pasaran kewangan tersendiri dan kukuh bagi sektor koperasi.

(v) Kuasa penguatkuasaan undang-undang koperasi.

Bagi memastikan undang-undang koperasi dipatuhi demi kestabilan sektor koperasi rang undang-undang memberi kuasa kepada SKM untuk menyiasat, menggeledah dan menyita bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran sebarang peruntukan rang undang-undang ini.

Akta Koperasi 1993 dan mana-mana undang-undang bertulis yang di bawah bidang kuasa SKM. Kuasa yang diberikan membolehkan pengawalseliaan yang berkesan, cekap dan pantas ke atas koperasi atau mana-mana orang yang melanggar undang-undang koperasi.

Selanjutnya, rang undang-undang juga mengadakan kuasa bagi SKM untuk mengkompaun dan mendakwa kesalahan. Di bawah Seksyen 45, SKM boleh melantik pegawai-pegawai penyiasat dan diberi kuasa masuk, menggeledah dan menyita di bawah Seksyen 46 Akta SKM.

Dalam menjalankan fungsi tugas berkenaan, SKM boleh mendapatkan bantuan daripada polis, pegawai awam dan lain-lain melalui peruntukan Seksyen 52. Kuasa yang diberi akan membolehkan pengawalseliaan yang berkesan, cekap dan pantas ke atas koperasi atau mana-mana orang yang melanggar undang-undang koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan di atas butiran terperinci mengenai rang Undang-undang adalah seperti berikut:

Bahagian I – Rang undang-undang mengandungi perkara permulaan.

Fasal 2 mengandungi takrif bagi ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Rang Undang-undang.

Bahagian II – Rang undang-undang memperkatakan mengenai penubuhan Suruhanjaya.

Bahagian III – memperkatakan mengenai kuasa dan fungsi Suruhanjaya.

Fasal 23 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah mempunyai kesemua kuasa yang diperuntukkan di bawah akta ini Akta Koperasi 1993 atau mana-mana undang-undang bertulis lain termasuk untuk menasihati menteri mengenai semua perkara yang bersangkutan dengan koperasi dan sektor koperasi.

Fasal 25 memberi kuasa kepada menteri untuk memberi arahan kepada Suruhanjaya dan menghendaki maklumat yang berhubungan dengan fungsi Suruhanjaya.

Bahagian IV - Rang undang-undang memperkatakan mengenai peruntukan yang berhubungan dengan pegawai dan pekerja Suruhanjaya.

Bahagian V - Rang undang-undang mengandungi peruntukan kewangan.

Fasal 31 menetapkan modal Suruhanjaya; dan

Fasal 32 menubuhkan Kumpulan Wang Rizab Am Suruhanjaya.

Fasal 33 dan Fasal 34 masing-masing menetapkan peruntukan tahunan pemberian kerajaan dan menubuhkan Kumpulan Wang Operasi dan menetapkan sumber-sumber kumpulan wang itu.

Fasal 41 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya mestilah mengendali, mengurus dan menyelenggarakan beberapa kumpulan wang dan akaun seperti Kumpulan Wang Pusat Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, Akaun Likuiditi Koperasi dan kumpulan-kumpulan wang lain yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya dengan kelulusan menteri.

Fasal 44 memperuntukkan bahawa Bahagian VI akta terpakai bagi kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta Koperasi 1993, mana-mana undang-undang bertulis lain yang dikuatkuasakan oleh suruhanjaya, peraturan, perintah dan arahan yang dibuat di bawah akta-akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis itu.

Bahagian VII – Rang undang-undang mengandungi peruntukan mengenai hal-hal am.

Fasal 55 memperuntukkan kesalahan khusus yang dilakukan oleh seseorang di bawah akta; dan Fasal 56 memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengkompaun apa-apa kesalahan

yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah akta.

Yang terakhir Fasal 63 memberi kuasa kepada Suruhanjaya dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan objektif akta. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada sesiapa yang menyokong.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sri Gading.

**11.54 pagi.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang membentangkan akta ini. Tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan sahabat-sahabat Datuk yang juga sahabat saya Ahli-ahli Majlis Perbandaran daripada Perbandaran Kulai, Johor dari kawasan Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, juga pelajar-pelajar yang berada di belakang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Juga pelajar-pelajar yang berada di belakang saya ini. Ini rombongan dari Kulai ini agaknya Datuk belanja makan tengah hari agaknya. Boleh tak saya ikut sama makan tengah hari, kalau Datuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, selama ini Yang Berhormat sentiasa ... kita memang berada jamuan bersama.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya tahu Datuk memang salah seorang yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, kepada kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa memberikan perhatian kepada kehidupan rakyat negara ini. Ini salah satu contoh yang dibawa oleh Menteri Kabinet Kerajaan Barisan Nasional.

Barisan Nasional ini Datuk, memang memberikan segala-gala yang baik untuk rakyat, jadi di Ijok ini rakyat tidak ada pilihan lain Datuk. Dia kena pilih Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sebab itu DAP pun tak berani hendak bertanding Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini rang undang-undang berkaitan dengan koperasi. Tidak ada kena-mengena dengan pilihan raya kecil.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya sengaja hendak menggambarkan Datuk, bagaimana keprihatinan kerajaan kita. Ini contohlah menteri yang membawa cadangan, pindaan kepada akta ini. Akta ini, ini satu pindaan yang besar. Saya lihat daripada Seksyen 2 sampai ke Seksyen 93A, boleh dikatakan setiap seksyen itu ada pindaan ataupun ada seksyen baru atau ada penggantian seksyen yang sudah barang tentu hendak meremajakan semula semangat, hendak meremajakan ..... betul bahasa saya ini? Kalau salah Yang Berhormat Menteri boleh betulkan tadi.

Maknanya hendak meremajakan ..... Kepong dia pandai Bahasa Melayu ini. Meremajakan semangat, benda dah lama jadi cuma diberi semangat baru untuk menentukan bahawa koperasi ini salah satu daripada enjin negara yang begitu penting sampai berbilion-bilion Datuk. Dikumpulkan oleh rakyat daripada peringkat yang paling rendah, yang di bawah sampailah ke pihak yang lebih tinggi. Tahniah Yang Berhormat Menteri di atas ..... satu yang saya hendak tekankan di sini bahawa tujuan besar selain daripada memperkemas, memantapkan, apa lagi bahasa yang seumpama itu, memperkemas, memantap, menguatkan, lagi apa itu, lagi. Apa Datuk lagi? Hendak melicinkan apa itu?.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, Seputeh jangan kacau sayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia kata "mempersrigadingkan", dia kata.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Ketawa]* Seksyen-seksyen ini ..... ialah bagi menentukan bahawa peruntukan-peruntukan ini nilai-nilai kejujuran yang memang pun diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri, nilai-nilai kejujuran, kebolehpercayaan, ketelusan, pengendali koperasi ini. Ini bermakna kepercayaan yang diberi oleh ahli-ahli yang menganggotai satu-satu ataupun sesebuah koperasi itu mesti benar-benar menjalankan tugas dan amanah itu dengan jujur.

Kalau kejujuran, kepercayaan dan ketelusan itu berada di tangan Lembaga Pengarahnya yang mengendalikannya sudah barang tentu harapan ahli yang ramai yang memberikan kepercayaan, yang memberikan wangnya, yang memberikan hartanya untuk diperdagangkan, untuk di ..... diapa itu, untuk diapa ini? Yang dilaburkannya, yang hendak ..... apa bahasa ini. Susah juga Datuk bercakap ini ..... bercakap yang hendak membetulkan Datuk boleh terima percakapan saya ini dan menteri senang menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, menteri fahamlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Memang menteri ini sahabat saya Datuk, dia orang pandai. Memang dia faham Datuk. Dia lebih faham lagi daripada apa yang saya hendak cakap ini. Ini satu, jadi saya hendak berpesan kepada Yang Berhormat Menteri. Ini

tugas saya. Ini bukan tugas Yang Berhormat Menteri. Saya hendak memberi pesanan kepada Yang Berhormat Menteri, kuasa diberi kepada menteri. Kuasa diberi di bawah Akta 502 yang dipinda pada tahun 1993 ini, diberi kepercayaan penuh kepada menteri. Menteri berkuasa. Dalam erti kata bahawa menteri berkuasa dan kuasa itu saya harap dipergunakan oleh menteri dengan semaksimum yang betul. Itu harapan saya.

Oleh sebab akta ini banyak sangat pindaan-pindaannya, Yang Berhormat Menteri memang begitu faham, dia yang membuat. Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai di peringkat tertinggi memang faham pasal mereka yang menggubal. Okey, tidak ada masalah. Tetapi di peringkat negeri, di peringkat daerah dan di peringkat yang bawah, kakitangan kementerian ini harus diberi kefahaman yang begitu luas. Di samping itu yang terpenting, tidak ada maknanya akta ini, tidak ada makna undang-undang yang kita pinda dan insya-Allah akan lulus. Undang-undang yang dibawa ke Parlimen ini akan lulus kerana tentulah semua sekali termasuk pembangkang pun akan menyokong kerana akta ini baik.

Di kampung-kampung ini Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli koperasi kadang-kadang tidak faham apa tujuan, apa kehendak, apa makna dan apa kaitan, dia tidak faham. Jadi, satu usaha daripada pihak kementerian untuk memahamkan pihak-pihak yang di bawah, yang terlibat secara langsung dengan koperasi yang sekarang ini kita pinda ia punya akta ini, hendaklah mereka benar-benar faham barulah....

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Di Bagan ada apa? Di Bagan ada koperasikah?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ada.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dana Koperasi Nelayan misalnya.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ada. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading, rang undang-undang ini bukan satu pindaan kepada rang undang-undang yang sedia ada tetapi rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang baru dan akan ditubuhkan. Suruhanjaya ini tugasnya adalah untuk menggalakkan serta mengekalkan kestabilan sektor koperasi untuk bertanggungjawab dalam memantau, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi untuk menggalakkan dan mempromosikan pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh, teratur dan lain-lain lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, ya.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Belum habis, sikit lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya pun sikit lagi ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi Sri Gading menaruh harapan berat kepada suruhanjaya ini supaya menjaga aktiviti-aktiviti suruhanjaya. Di sini juga ada satu Suruhanjaya Tenaga, di mana Suruhanjaya Tenaga diwajibkan dan dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna. Tetapi apabila pengguna-pengguna ada masalah seperti potongan bekalan kerana disyaki mengusik meter atau apa-apa, mereka diberi amaran 14 hari untuk membayar atau menjelaskan tuntutan sebanyak mungkin ribu-ribu ringgit sehingga berpuluh-puluh ribu ringgit.

Apabila mereka berunding dengan TNB...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ini suruhanjaya juga. Saya ingin kaitkan dengan suruhanjaya yang ditubuhkan untuk mengawal selia dan menjaga kepentingan pelanggan-pelanggan. Jadi, mereka tidak diberi apa-apa penjelasan dan dipaksa untuk membayar. Oleh kerana bekalan elektrik adalah satu *business* yang monopoli, maka mereka tidak ada jalan lain tetapi telah mengadu kepada Suruhanjaya Tenaga dan kakitangan-kakitangan suruhanjaya di kawasan tertentu, mereka berkata, "Kita tidak boleh buat apa-apa, bincanglah terus dengan Tenaga Nasional."

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okey, okey. Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Bolehkah kakitangan-kakitangan seperti ini mempertahankan kepentingan pengguna-pengguna? Jadi, saya berharap selepas Suruhanjaya Koperasi ditubuhkan nanti, janganlah ada sikap sedemikian. Seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading kata, mereka mesti betul-betul faham dengan tugas mereka ini dan bukan menolak tanggungjawab mereka ini kepada orang lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Segala apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habiskah, Yang Berhormat?  
[Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Beluran.

**12.05 tgh.**

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini. Saya melihat suatu data pencapaian koperasi di negeri Sabah. Tahun 2001 - 475 koperasi yang berdaftar, Mesyuarat Agung Tahunan - 206; tahun 2002 - 479, Mesyuarat Agung Tahunan - 181; 2003 - 484 koperasi, Mesyuarat Agung Tahunan - 216. Begitulah juga sehingga tahun 2006 -

503 buah koperasi, yang bermesyuarat cuma 266. Kalau kita lihat dari segi pengauditan koperasi, nampaknya begitu juga kelemahan yang kita hadapi. Tahun 2005 - 500 buah koperasi, akaun yang siap diaudit cuma 354; 2006 – 503 buah koperasi, akaun yang siap diaudit cuma 361.

Tuan Yang di-Pertua, apapun yang kita katakan, Jabatan Pembangunan Koperasi ditukar wajah kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Masalah yang saya sebutkan tadi itu merupakan masalah yang akan terus diwarisi oleh SKM. Apa pun namanya koperasi kita tetapi itu merupakan masalah yang akan terus diwarisi oleh SKM. Masalah lain yang akan terus diwarisi termasuk juga:

- (i) kurang tenaga profesional untuk menguruskan koperasi di kalangan koperasi-koperasi yang wujud di negara kita;
- (ii) tahap pendidikan sebahagian Lembaga Anggota Pengarah yang rendah terutama di kawasan luar bandar;
- (iii) anggota koperasi bersikap tidak peduli, tidak aktif dan hanya sebagai pemilik syer minimum;
- (iv) wujudnya koperasi yang dorman dan tidak aktif;
- (v) masalah buku daftar anggota yang tidak dikemas kini menyebabkan berlaku pertikaian tuntutan waris;
- (vi) ada di kalangan anggota lembaga yang tidak membuat penyerahan tugas telah berhenti menjadi lembaga;
- (vii) tidak terpilih semula ataupun telah berpindah; dan
- (viii) kurang penglibatan kaum wanita dalam koperasi sama ada di peringkat pengurusan sebagai anggota lembaga koperasi ataupun anggota biasa akan terus menjadi masalah yang diwarisi oleh SKM.

Kerana itu saya melihat bahawa SKM harus menumpukan masalah-masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi kita ini, yang menggunakan peruntukan-peruntukan baru yang ada dalam SKM itu untuk menangani masalah koperasi yang wujud di negara kita. Kalau masalah itu tidak dihadapi, apa juga namanya, apa juga bentuknya, hasrat kita untuk melihat sektor koperasi sebagai satu sektor yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara tidak akan tercapai, Tuan Yang di-Pertua. Kerana itu, saya ingin tahu adakah SKM akan melihat untuk memperbanyakkan latihan, kursus dan kemahiran dalam semua bidang yang sesuai seperti perakaunan, perniagaan, usahawan dan teknologi maklumat kepada koperasi-koperasi yang sedia ada di negara kita ini.

Adakah SKM akan melihat keperluan untuk memberikan latihan yang secukupnya kepada pegawai dan kakitangan koperasi yang ada? Agar mereka mampu untuk menjadi pegawai penyelia yang berkesan. Adakah SKM akan mewujudkan badan yang boleh membantu koperasi dari segi memberikan perkhidmatan penulisan akaun dan pengurusan secara

profesional? Adakah SKM akan mengenal pasti dan bertindak tegas terhadap koperasi yang tidak aktif, dorman dan gagal dipulihkan untuk pemeriksaan seksyen 64 dan terus dibatalkan?

Adakah SKM juga akan melihat koperasi dalam penubuhan dipastikan hanya yang benar-benar berpotensi untuk diberikan kebenaran penubuhannya. Kita tidak mahu ada pihak-pihak yang menggunakan nama koperasi itu untuk kepentingan mereka sendiri. Banyak berlaku di Sabah memohon tanah atas nama koperasi. Tetapi tanah yang sepatutnya memberi manfaat kepada ahli koperasi, akhirnya mereka yang berada sebagai Jawatankuasa Koperasi di peringkat atas yang mendapat manfaat daripada permohonan tanah.

Tanah bukan sahaja dijual, *di joint venture* dengan pihak swasta yang ahlinya hanya mendapat sebahagian sedikit daripada keuntungan dan manfaat penubuhan koperasi itu. Perkara ini harus dilihat oleh kementerian, oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang dibentuk ini. Saya juga ingin melihat SKM perbanyakkan firma audit swasta bagi mengatasi kelewatan audit di kalangan koperasi-koperasi. SKM juga harus melihat tahun kewangan koperasi diselaraskan supaya tidak menjadi beban untuk urusan-urusan mengaudit.

Adakah SKM dan pihak kerajaan akan menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam bentuk pinjaman, bantuan, tenaga kerja dan pusat latihan untuk koperasi-koperasi dan SKM harus melihat, menggunakan kuasa untuk menguatkuasakan segala kuasa yang diberi seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk bertindak terhadap koperasi yang gagal untuk mematuhi undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, tiba masanya untuk kita melihat koperasi memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara kita. Dalam keadaan demikian, SKM harus melihat koperasi ini sebagai satu badan yang akan menumpu kepada keusahawanan koperasi. Satu elemen yang harus diberi penekanan oleh kementerian kepada gerakan koperasi di seluruh negara agar aktiviti koperasi dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadi sebagai satu sektor ketiga yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi.

Saya juga melihat SKM melihat *rebranding* terhadap koperasi. Koperasi tidak boleh dilihat sebagai satu institusi luar bandar tetapi sebagai satu institusi yang mampu untuk mengubah nasib rakyat secara keseluruhannya. Dalam konteks itu, harus digalakkan penubuhan-penubuhan koperasi-koperasi di kawasan bandar. Contohnya di kawasan rukun tetangga, kawasan perumahan dan sebagainya kerana kita harus lari daripada imej koperasi sebagai satu aktiviti ekonomi luar bandar. Dalam masa yang sama juga kita akan melihat penglibatan mereka yang mempunyai pendidikan, soal koperasi sebagai satu badan yang ahlinya kurang berpendidikan. Sebaliknya jika koperasi ini *diextend* kepada kawasan bandar dan melibatkan aktiviti-aktiviti semasa, perniagaan semasa, ia akan dapat dilihat sebagai satu aktiviti yang ahlinya juga dianggotai oleh mereka yang berpendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan melihat Maktab Kerjasama Koperasi yang ada sekarang ini perlu dinaiktarafkan kepada satu Universiti Koperasi untuk menyemai unsur elemen



koperasi di kalangan generasi muda kita? Adakah Kementerian juga melihat keadaan koperasi kita yang begitu banyak bilangannya ini perlu *dimergekan*, digandingkan dan dibentuk satu koperasi yang lebih kuat? *Merger* di antara koperasi.

Saya juga melihat sama ada Kementerian akan melihat koperasi ditubuhkan lebih terbuka dan tidak berasas kepada kaum; koperasi kaum India, koperasi kaum bumiputera, dan koperasi kaum yang lain. Tetapi merupakan satu gabungan antara kaum-kaum yang ada. Mungkin dalam pendekatan yang sedemikian, kita akan dapat melihat keseluruhannya, akhirnya nanti koperasi ini sebagai satu pertubuhan yang akan dapat membantu menjana ekonomi negara. Dengan kata-kata demikian, saya menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin. Ramai lagi ya.

**12.16 tgh.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk membolehkan saya bersama dengan rakan-rakan untuk membahaskan penubuhan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 yang mana pada hari ini saya ucapkan tahniah kepada Kementerian di kala rakyat Malaysia pada hari ini sudah mula menurun minat dia terhadap gerakan koperasi. Saya percaya dan yakin dengan penubuhan suruhanjaya ini dapat menyemarakkan balik semangat rakyat kita kerana koperasi ini kalau masa lampau kita lihat dalam negara ini, kita ada Jabatan Pembangunan Koperasi yang mengawal selia koperasi-koperasi biasa.

Kita juga ada lagi satu pula, pendaftar koperasi yang bawah industri asas tani. Ia ada pendaftarnya lagi pula. Begitu juga nelayan, daftar yang berlainan. Saya penuh yakin dan percaya dengan penubuhan-penubuhan suruhanjaya ini, kuasa daripada ladang dan juga nelayan itu akan diambil alih oleh suruhanjaya ini.

Saya juga penuh yakin kalau ini dapat digerakkan, semangat dan juga hasrat rakyat kerana pada hari ini sebagaimana yang dinampak oleh kerajaan, apabila kita menubuhkan ataupun melancarkan Dasar Koperasi Negara pada tahun 2004, memang kita yakin dan percaya inilah satu kaedah perniagaan di dalam negara yang boleh kita perembangkan untuk membantu rakyat kita. Ini kerana di bawah JPK sahaja, Jabatan Pembangunan Koperasi sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, kita ada 4,918 koperasi yang berdaftar di bawah JPK yang melibatkan 5.9 juta orang.

Kalau kita campurkan lagi dengan koperasi yang daftar di bawah peladang dan juga nelayan, saya penuh yakin dan percaya lebih daripada enam juta orang dan ini suatu benda yang besar. Negara-negara maju macam Jerman, South Korea dan Jepun. Contohnya, Korea, apabila ia menjalankan Gerakan "Samuel Ulong" pada tahun 70-an, 80-an, dia sudah berjaya

menaikkan taraf hidup dan ekonomi petani-petani dia melalui gerakan koperasi. Tetapi gerakan koperasi kita di mana?

Hari ini kalau kita pergi kepada koperasi yang berdaftar di bawah LPP, Peladang, tidak ada satu pun koperasi-koperasi yang kita tubuhkan pada hari ini yang dapat meningkatkan kehidupan dan ekonomi petani-petani kita. Kita baca balik tentang koperasi nelayan ditubuhkan di seluruh daerah. Adakah koperasi ini berjaya untuk meningkatkan kehidupan nelayan-nelayan kita?

Kata orang Hindustan, Tuan Yang di-Pertua, "*Nahi, nahi, nahi*". Tidak ada. Begitu juga dengan koperasi-koperasi yang kita wujud. Kalau tengok dari segi bilangannya, ya, besar, 4,918 tetapi yang mana yang benar-benar berjaya? Oleh yang demikian saya berharap menteri, penubuhan suruhanjaya ini jangan cakap macam orang Negeri Sembilan, cakap orang Kuala Pilah, "*Nafsu bosar, tenago tidak ado*". Orang Kelantan kata apa? "*Tenaga kure, nafsu besar*."

Jadi yang ini hendak jaga sampai 5,000 lebih koperasi, kalau ada kakitangan yang ada dekat Jabatan Koperasi ini, JPK ini akan diubah nama kepada suruhanjaya, saya penuh yakin dan percaya, apa yang dimatlamatkan dalam Dasar Koperasi Negara ini tidak akan tercapai, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tidak akan tercapai kerana gerakan koperasi ini berlainan dengan perniagaan lain. Prinsip koperasi kalau difahami oleh semua orang adalah perniagaan yang begitu murni, begitu baik. Apatah lagi dalam hendak meninggikan taraf penghidupan orang kampung. Ya, Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Jasin. Saya tertarik tadi fasal lemah semangat. Kita tidak kuat sebab makan tongkat Ali, tidak betul. Saya cadangkan supaya *the spirit of* dengan izin, untuk kemajuan ini kena bagi suntikan modal insan dan *delivery system*, saya tengok dua ini sahaja kalau koperasi ingin maju sebab menteri kita bijak, pegawai kanan bijak, kalau tidak bijak bagaimana boleh menjadi pengarah, timbalan ketua pengarah. Saya jadi timbalan ketua pengarah dulu, bijak. Orang kata tidak bijak, bertanding isytihar kalah menang balik, bijak.

Tapi hendak ceritanya *spirit of* tadi kita kena bina kekuatan ini. *Spiritnya* modal insan ialah modal insan, *delivery system* ini, tapi saya tengok duit tidak ada masalah. Menteri boleh bagi RM1.5 juta berhutang tanpa *interest* bayar balik oleh koperasi. Setuju atau tidak?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih saudara saya. Yang sebenarnya kalau prinsip-prinsip koperasi ini ditanamkan di peringkat awal kepada orang-orang ramai ataupun ahli koperasi yang menyertai koperasi ini, masalah ini tidak timbul.

Tetapi pada hari ini banyak koperasi yang ada dalam negara kita yang berdaftar dalam negara kita tidak mengikut prinsip-prinsip koperasi mahupun melanggar Akta Koperasi tahun 1993, tetapi apa yang telah kita ambil tindakan? Sebagai contoh Yang Berhormat saya pun

hendak tanya kepada Menteri, apakah yang dibuat oleh Jabatan Koperasi dahulu terhadap Koperasi Angkatan Tentera? Yang rugi banyak.

Apakah tindakan Jabatan Pembangunan Koperasi lakukan terhadap koperasi polis yang mana Koperasi Angkatan Tentera keahliannya ialah ahli-ahli anggota tentera kita. Koperasi polis ahlinya anggota-anggota polis kita yang bergantung kononnya pada koperasi supaya dapat membantu mereka jika mereka susah dapat meminjam daripada koperasi dan sebagainya.

Tetapi pada hari ini kita melihat dua koperasi terbesar ini koperasi tentera dan juga koperasi polis dalam perjalanan kehancuran. Sehingga apabila saya dapat tahu sebagai contoh koperasi polis, apabila tiap tahun hendak bayar dividen kepada ahli-ahli terpaksa menjualkan harta Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

**Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Jasin. Itu bercakap koperasi-koperasi di peringkat nasional. Saya lihat pun samalah pendapat dengan Yang Berhormat bagi Jasin kerana tidak ada konsistensi sebab dulu ada di tiap-tiap daerah ditubuhkan Koperasi Pembangunan Daerah. Apa jadi dengan Koperasi Pembangunan Daerah? Pada suatu ketika dulu bagus, cantik, tapi di mana sekarang? Sama jugalah dengan cerita tadi baik tentera, polis dan sebagainya samalah berlakunya. Jadi bersetujukah Yang Berhormat bagi Jasin kalau suruhanjaya ini sebenarnya bagus tapi kena mendapat pemantauan yang begitu rapi daripada pegawai-pegawai. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Kuala Pilah. Ini yang hendak saya tekankan kerana selama ini menteri lain bertukar, lain polisinya. Dahulu Kementerian Luar Bandar kita tubuhkan Koperasi Pembangunan Daerah, kita kena pastikan setiap JKK ditubuhkan dan semua menjadi ahli, potong pula elaun, paksa masuk Koperasi Pembangunan Daerah selepas itu pula projek-projek kecil ini diberi kepada Koperasi Pembangunan Daerah, orang kampung pun seronok. Tetapi bila tukar Menteri Koperasi Pembangunan Daerah pun sudah macam anak tiri. Ada lesen pun tidak boleh dapat projek.

Itulah sebab saya katakan tadi prinsipnya kerana gerakan koperasi Yang Berhormat, berlainan. Ia adalah satu gerakan yang begitu demokrasi, kalau syarikat-syarikat biasa sendirian berhad ataupun berhad, modal menjadi asas orang berkuasa di dalam syarikat. Apabila dia ada modal lebih, dia boleh cakap lebih dan kuasa lebih. Tetapi di dalam koperasi, walaupun berjuta duit dimasukkan sebagai satu saham dia tetap dikira satu undi. Ia bukan berasaskan kepada modal, manusia itu sendiri sebagai modal.

Saham RM100 pun kuasa engkau satu, saham engkau RM1 juta kuasa tetap satu. Ini gerakan koperasi. Tetapi kalau ini dapat difahamkan jadi tidak adalah masalah yang disebutkan oleh rakan-rakan orang ini yang rampas kuasa, mohon tanah, lembaga pengarah pula ambil kesempatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat semasa saya kecil dulu, kampung saya menubuhkan koperasi yang mana ahli-ahlinya

terdiri daripada orang-orang kampung menubuhkan satu syarikat runcit, koperasi kedai runcit pada tahun 60an. Orang-orang kampung berasa seronok, tapi kedai runcit itu hanya wujud pada masa setahun atau setahun setengah selepas itu lenyap.

Modal-modal itu dikutip daripada ahli-ahli. Ada yang beri RM50, RM100 ada yang kaya sedikit bagi RM200 dan sebagainya. Tapi masalahnya soal modal insan Yang Berhormat sentuh tadi. Jadi kalaulah koperasi diwujudkan kembali, saya tidak yakin, tidak yakin bahawa ini sukses.

Tetapi kalau ada pihak kementerian yang serius, yang *hands on management* koperasi-koperasi kecil yang saya sebutkan tadi, saya berharap tinggi bahawa koperasi-koperasi di peringkat akar umbi ini akan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, siapa yang berucap?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan kepada Yang Berhormat bagi Jasin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ayat panjang sangat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Dia tidak faham, dari mata dia, dia tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia faham, dia lebih faham dalam konteks koperasi.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Dia perdagangan luar negeri, dia kastam. Ini koperasi peringkat kampung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat jangan pandang rendah dia.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[ketawa]*. Dia setuju dengan saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa pendapat Yang Berhormat kalau kita cadang kementerian ini, pegawai-pegawai ini diletakkan di peringkat akar umbi. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bersetuju dengan Putatan bahawa Yang Berhormat hanya tahu berkaitan dengan kastam sahaja?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya hendak beritahu dia Tuan Yang di-Pertua, saya kira lapangan koperasi ini bukan asing kepada saya. Saya pernah mengikuti kursus koperasi di Maktab Koperasi di peringkat diploma dahulu yang mana pegawai-pegawai koperasi pun ada di antara rakan-rakan pegawai koperasi, pengarah koperasi pun sama-sama *collegemate* saya dulu. Saya pernah menjadi pengurus besar koperasi pekebun kecil di peringkat wilayah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat apakah yang dikatakan oleh Putatan tidak tepatlah?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tidak tepat. Hanya sekarang bagaimana yang disebutkan oleh Putatan, itulah sebab kalau Menteri tadi cakap gerakan koperasi ini bermula pada tahun 1922 ketika itu disebut sebagai Syarikat Kerjasama kerana ia bermula apabila orang-orang tengah memeras kepada petani-petani orang-orang kampung ketika itu maka orang kampung bersatu menubuhkan Syarikat Kerjasama untuk mengatasi masalah orang-orang tengah ini. Begitu juga dengan tentang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Lipis, Tangga Batu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ramai yang bangun Tuan Yang di-Pertua. Biar saya habis dulu, biar saya habis soalan Yang Berhormat bagi Putatan ini dulu.

Itulah sebabnya apabila mungkin satu orang dia berbelanja RM100 untuk keluarganya tetapi kalau ahli koperasi 100 orang. Kalau satu orang RM100, 100 orang dah RM10,000. Bila beli barang runcit makanan RM10,000 dengan kuasa beli begitu besar, koperasi ini boleh mendapatkan harga borong yang lebih rendah dan dengan cara macam itu bergotong-royong supaya ahli-ahli koperasi apabila melanggan dengan kedai ini tidak ditekan oleh orang tengah. Itulah saya selalu sebut kita ini banyak sudah lari.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri, bila penubuhan Suruhanjaya Koperasi ini, Yang Berhormat kena kerja kuat lebih sikit kerana pada hari ini tidak mendapat manfaat kepada orang ini yang jadi ahli. Apa yang berlaku saya pernah sebut dalam Dewan ini beberapa kali, hari ini melalui gerakan Koperasi Peladang dekat Filipina telah menjadi pengeksporth buah-buahan yang begitu besar. Negara kita pada hari ini sehinggakan nenas, Lembaga Pengerusi Nenas dekat Kuala Lumpur pun hari ini kita dapat beli makanan nenas daripada *Philippines*. Kita juga pada hari ini diletak dalam *supermarket-supermarket* kita. Kita tengok buah mangga dari Filipina.

Di Filipina bukan tanam buah mangga dan nenas besar-besaran. Tetapi oleh kerana gerakan koperasi dia kuat, gunakan lori koperasi mengutip mangga, nenas di tiap-tiap rumah-rumah petani kecil ini, masuk kepada koperasi distorkan, *dipackaging* dan dieksport. Tetapi dekat Malaysia berpuluh tahun. Berpuluh tahun kerajaan keluarkan gaji, gaji-gaji pengurus besar koperasi, bagi bangunan *free*, bagi lori *free* tetapi koperasi masih rugi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Silakan Lipis hendak cakap.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi berkaitan apa yang Yang Berhormat cakap tentang modal insan dalam koperasi tadi. Sejauh manakah modal insan dalam koperasi ini terpaksa kita bangunkan betul-betul supaya ada sikap bertanggungjawab dan amanah terhadap ahli-ahli ataupun terhadap koperasi itu sendiri?

Sebab kita tengok banyak koperasi yang pada mulanya maju tetapi apabila bertukar Lembaga Pengarah, koperasi itu kadang-kadang kena saman pun. Saya pernah terbaca dalam

akhbar di mana ada satu koperasi yang telah dilelong segala asetnya. Dapat perintah mahkamah, lepas itu bukan setakat sekali, koperasi yang sama dua kali kena lelong aset dan di sini apakah peranan kementerian untuk memastikan Suruhanjaya ini nanti untuk memastikan koperasi itu tidak kena lelong dua kali. Ini sudah dua kali kena lelong. Lepas itu apakah peranan Lembaga Pengarah itu sendiri bertanggungjawab? Adakah mereka terpaksa bertanggungjawab atau mereka boleh lepas tangan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis dan saya bagi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya kita akan menyokong sepenuhnya Suruhanjaya Koperasi ini kerana tujuan penambahbaikan. Tadi kita semua telah diperdengarkan tentang koperasi-koperasi yang gagal. Sebenarnya mungkin kalau kita bicarakan mengenai kegagalan sama ada Koperasi Angkatan Tentera, Polis, Kopenas, kalau dalam pendidikan yang berjaya KOSAS, banyak.

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat, daripada segala kelemahan ini yang kita nak bawa sekarang ini hendak bagi tahu menteri yang memang kuat kerja ini, apakah sebenarnya punca pada pandangan Yang Berhormat bagi Jasin punca sebenarnya yang harus kita bagi tahu kepada menteri kita kelemahan-kelemahan kepada koperasi-koperasi ini untuk diberi perhatian supaya akan datang tidak berlaku lagi? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya, dua-dua sahabat. Yang sebenarnya itu tujuan saya tadi supaya biar Suruhanjaya ini ibarat jadi harimau yang mempunyai kuku dan harimau yang mempunyai gigi. Kerana kegagalan-kegagalan banyak Koperasi Belia (Kobena), apa macam? Shamelin, Syarikat Melayu Internasional bila kempen dulu kita sama-sama kempen. Masuk kampung, keluar kampung, tidur di masjid, tidur di surau kempen Syarikat Melayu Internasional. Koperasi tahun 60-an, hari ini?

Tetapi kalau prinsip koperasi ini ditanamkan di peringkat asas dan apa lagi kalau suruhanjaya pula mengawasi ini yang lebih tegas. Saya rasa tidak mungkin boleh jadi susah, bankrap dan sebagainya kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, koperasi ini kalau tengok dalam mesyuarat agung sehinggakan dia nak melabur berapa banyak pun di kena minta kebenaran kepada ahlinya dalam mesyuarat agung.

Kalau mesyuarat agung tahunan lama lagi, dia boleh panggil mesyuarat agung khas untuk minta kebenaran nak melabur. Tetapi kadang-kadang koperasi ini terpulang kepada Lembaga Pengarah hendak melabur. Jadi apabila rugi dan bak kata Yang Berhormat bagi Lipis tadi tidak ada pula tindakan yang diambil. Tindakan tegas tidak diambil kepada lembaga pengarah ini. Akhirnya esok yang dapat bahana, yang dapat cerita yang baik suruhanjaya. Sila Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya nak minta penjelasan tentang pembinaan modal insan dan Yang Berhormat bagi Jasin menyebut beberapa kali tentang sifat koperasi ini yang memulangkan kepentingan kepada ahli-ahli dan saya juga minat apabila Yang Berhormat bagi Jasin menyebut tentang kawalan.

Hari ini kita dapat lihat bahawa ada sekolah-sekolah yang telah menggagas rakan koperasi di peringkat sekolah dan anak-anak ini dilatih, ini modal insan disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadilah, dilatih untuk bersifat bekerjasama di dalam melahirkan masyarakat perniagaan yang berkongsi keuntungan, satu. Jadi di mana nanti peranan suruhanjaya dalam memastikan sifat yang dididik di peringkat sekolah ini akan dapat diteruskan selepas mereka bersekolah.

Yang kedua, saya isytihar kepentingan sayalah Tuan Yang di-Pertua sebagai ahli Lembaga Pengarah Koperasi Belia 4B (Koperasi KOB1) yang tidak ada elaun bulanan. *[Ketawa]*

Saya nak minta Yang Berhormat bagi Jasin untuk komen ringkas, gerakan Belia 4B dulu ada ini koperasi yang kuat dipanggil SEGEMAL. Tetapi apabila tukar pucuk kepimpinan, koperasi ini ikut. Yang melepaskan ini tadi ikut melepaskan jawatan dan kepimpinan yang baru pula terpaksa menubuhkan koperasi baru. Jadi bagaimana peranan suruhanjaya nanti dalam memastikan SEGEMAL yang kepentingannya adalah Gerakan Belia 4B tadi pemegang saham utama daripada Gerakan Belia 4B akan terus di bawah Gerakan Belia 4B, tidak boleh mengikut mana-mana pengerusi koperasi tersebut jika lepas itu dia mengikut pengerusi. Tidak boleh. Kawalan ini, bagaimana Yang Berhormat bagi Jasin, boleh sama-sama mengolah perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Itu sebab saya kata tadi, suruhanjaya ini bukan boleh wujud sebagai nama saja. Kalau tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk mengawal benda-benda yang tadi, kerana ini melibatkan duit orang ramai. Suruhanjaya Koperasi ini kalau nak ditubuhkan Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh menjadi macam Suruhanjaya Syarikat biasa kerana kebanyakan daripada koperasi-koperasi ini perlu bimbingan, perlu pengawasan yang rapi, apatah lagi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi.

Di antara koperasi yang terbesar dalam negara kita adalah Koperasi Pendidikan yang melibatkan budak-budak sekolah. Daripada 1,400 lebih, 1,600 lebih adalah koperasi sekolah, koperasi pendidikan. Anak-anak ini kalau kita dapat wujudkan modal-modal insan berkenaan dengan dasar koperasi dan prinsip koperasi, saya penuh yakin dan percaya gerakan koperasi kita akan lebih berkembang pada masa akan datang dan mengikut manfaat, tujuan dan maksud penubuhan. Kalau tidak ada, kita akan balik cerita lama. Kalau hendak ceritakan tentang kesempatan orang yang ambil...

Saya pernah kemukakan dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana apabila kita sedang menghadapi masalah Along, koperasi pun terlibat dengan Along, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya koperasi ini untuk membantu, hendak wujudkan semangat jimat cermat, tetapi koperasi cara baru ini dia terlibat cara Along, melibatkan kakitangan kerajaan dengan menggunakan *interest* 10% yang dibenarkan oleh Akta Koperasi 10%, walhal dalam *market* pada hari ini kalau kita ambil *loan* bank pun baru 4%, 5%, tetapi koperasi 10% dan dia tidak ada NPL kerana kakitangan kerajaan ini boleh memotong gaji mereka atas pinjaman ini melalui Angkasa. Jadi NPL tidak ada, 'WISPO' tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin sahabat saya. Saya tertarik tadi apabila sudah Along dan koperasi ini terlibat sama. Kita perhatikan rata-rata, kebanyakannya mereka yang duduk di dalam Jawatankuasa Koperasi dan sebagainya mempunyai modal insan. Umpamanya katakan tadi KOBENAKah, Shamelinkah terdiri daripada orang yang mempunyai modal insan. Guru-gurunya kakitangan kerajaannya. Bagaimanakah boleh ini terjadi? Adakah kelemahan modal insan ini? Apa pendapat Yang Berhormat bagi Jasin untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini masalah fulus, dia bukan kira pelajaran. Masalah fulus. Itu sebabnya kita hendak minta supaya suruhanjaya ini memandang benda ini macam ini. Tidak guna kita bagi bantuan begitu banyak, tetapi tidak ada kawalan. Kawalan juga sangat penting kerana pada hari ini kita tengok pada masa yang lepas-lepas. Beberapa koperasi telah lari daripada landasannya kerana tujuan dia koperasi untuk mendapat lesen, untuk menjalankan perniagaan dan lesen untuk membolehkan dia *collect* duit orang atas nama koperasi. Lepas itu pula tanpa mesyuarat agung, tanpa kebenaran daripada pendaftar dia boleh tubuhkan anak syarikat. Ini yang jadi punah ini. Apabila dia tubuhkan anak syarikat sendirian berhad ataupun berhad, bermakna Akta Koperasi kita tidak boleh ambil tindakan.

Dia sudah duduk bawah Akta Syarikat dan dia berkuasa berleluasa. Ini yang berlaku kepada Koperasi KUBB, Multi Purpose MIC punya koperasi, macam-macam saya boleh baca. Kerana dia tubuh anak syarikat, dia membebaskan diri dia daripada Akta Koperasi Tuan Yang di-Pertua. Jadi dia boleh buat apa suka. Akhir yang rugi yang merana adalah ahli-ahli koperasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sila.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat bagi Jasin nampaknya apabila kita membahaskan tentang penubuhan Suruhanjaya Koperasi ini, lebih mirip kepada di mana kita perlu memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk membuat kawalan. Tetapi dalam rang undang-undang yang dibentangkan oleh pihak kementerian, objektif suruhanjaya adalah jelas bahawa penubuhan



suruhanjaya sepatutnya merangsang pembangunan koperasi supaya koperasi dapat membantu untuk ke arah pencapaian objektif sosioekonomi negara kita. Saya lihat kita jangan sebut dahulu banyak tentang kawalan.

Kita hendak lihat bagaimanakah suruhanjaya yang akan ditubuhkan itu yang telah dibincangkan sejak tahun lepas. Bagaimanakah suruhanjaya dapat membantu 5,052 buah koperasi yang ada dalam negara kita untuk menyumbang dalam sosioekonomi negara kita. Saya tertarik kepada ucapan awal Yang Berhormat bagi Jasin yang memetik contoh koperasi di Filipina yang membantu ahli-ahlinya menceburi perniagaan di pasaran antarabangsa. Oleh itu saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Jasin, apakah kita dapat meminta suruhanjaya yang akan ditubuhkan itu supaya membantu koperasi-koperasi di negara itu mewujudkan satu sistem rangkaian yang mampu memberi peluang kepada koperasi untuk berinteraksi ke seluruh pasaran dunia dan bukan hanya mengehendkan perniagaan koperasi di dalam sesuatu kawasan sahaja ataupun satu komuniti sahaja.

Dengan itu untuk mencapai tujuan itu mungkin saya rasa pihak suruhanjaya kalaulah Yang Berhormat bagi Jasin setuju dengan saya membenarkan atau membantu koperasi-koperasi kita untuk terlibat dalam urusan perniagaan perdagangan elektronik. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jasin?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Itulah sebabnya kita kena balik kepada asas. Apa tujuan hendak mengadakan koperasi? Mengapa orang hendak menubuhkan koperasi? Contoh nelayan. Nelayan banyak berselerak dalam negara kita, kita panggil dia orang menjadi Koperasi Nelayan. Apa tujuan Koperasi Nelayan? Supaya dapat membela nasib dia. Jadi daripada nelayan bertindak satu orang-satu orang kita kumpulkan semua nelayan, wujudkan Koperasi Nelayan. Apabila mereka bersatu, mereka menjadi kuat. Dia boleh belikan peralatan-peralatan dengan lebih banyak.

Apabila lebih banyak dia boleh dapat diskaun. Dia boleh dapat harga yang lebih murah ataupun dia boleh import sendiri. Kalau dia mengatakan dia perlukan jaring, dia boleh import daripada pengeluar itu dan nelayan ini mendapat jaring yang murah. Tetapi malang bagi kita pada hari ini, prinsip awal penubuhan Koperasi Nelayan ini sudah lari.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Nanti saya habiskan. Macam Koperasi Pekebun Kecil, Koperasi Pekebun Kecil untuk menyelesaikan masalah pekebun kecil tentang pemasaran getah ataupun bahan-bahan pemasaran pekebun kecil. Yang Koperasi Pekebun Kecil buat syarikat pelancongan buat apa? Sudah lari. Yang asas hendak menyelesaikan masalah pekebun kecil ini tidak ditumpukan. Ini serupa juga dengan Koperasi Nelayan. Nekmat, lepas itu tubuh pula syarikat pelancongan Nekmat. Berapa banyak... saya tidak tahu nelayan dari Kinabatangan hendak pergi Amerika melancong, hendak pergi Australia, hendak pergi Philipine sahaja?

Jadi tumpukan. Barulah apabila tumpuan ini dibuat, kita akan menjadi lebih kuat, lebih besar, barulah kita boleh pergi sampai pasaran antarabangsa dan apabila masalah nelayan ini sudah selesai ataupun satu-satu kelompok itu sudah selesai, barulah modal yang lebih itu kita *invest* di kawasan yang lain yang tidak ada kena-mengena dengan dia. Jadi, yang pokok belum selesai, yang kita kejar yang jauh buat apa. Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat, tiga tahun yang lalu satu koperasi MOCCIS iaitu kerjasama kakitangan kerajaan dengan Angkasa. Kegiatan koperasi ini menipu pekerja-pekerja kerajaan. Sebagai contoh, di kawasan saya di Sandakan, di Kinabatangan, gaji dia lebih kurang RM800. Sehingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, dia terima tinggal RM80 dipotong oleh Angkasa. Dia pinjam cuma RM1,500 dia kena bayar RM7,500. Jadi hilang kawalan daripada kementerian, daripada kerajaan yang bertanggungjawab ke arah bagaimana melihat koperasi ini, memang saya setuju seperti awal-awal tadi pepatah Melayu, "Bersatu teguh, bercerai roboh".

Kalau dia seorang mungkin urusan dia tidak begitu kukuh. Tetapi kalau dia ramai-ramai diumpamakan penyapu lidi kalau satu senang dipatahkan, tetapi kalau dikumpul orang gagah pun tidak boleh mematahkannya. Tetapi persoalannya pemantauan dan kefahaman bagi mereka yang melaksanakan koperasi itu tidak begitu menyerlah, dan mereka ini perlu diberi motivasi dan juga kepakaran bagaimana mengurus koperasi itu sehingga boleh membawa sekelompok masyarakat untuk kita juruskan mereka ke satu dimensi yang baru agar mereka boleh berkembang dan boleh berjaya. Setujukah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya setuju sangat. Kerana sepatutnya gerakan koperasi ini untuk membantu ahli dia. Apa jadi akhir-akhir ini kadang-kadang gerakan koperasi ataupun koperasi ini telah jadi TOTO Tuan Yang di-Pertua, TOTO (Tolong Orang Tipu Orang).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dah jadi TOTO Tuan Yang di-Pertua. Tolong Orang Tipu Orang. MOCCIS yang disebut itu tadi, ini syarikat kakitangan kerajaan. Ketika negara melancarkan pembelian komputer menggalakkan satu keluarga satu komputer, MOCCIS pun ada skim beli komputer. Tapi kebanyakannya engkau sains borang ini kononnya beli komputer harga RM3,000 engkau jangan ambil komputer aku bagi kau RM1,500.

**Timbalan Yang di-Pertua,[Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sampai petang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua,[Datuk Lim Si Cheng]:** Sampai petang pukul berapa?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sampai habis pun tak apa ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Habis bila?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** 5.30 petang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bagi lagi 10 minit Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini cerita MOCCIS Tuan Yang di-Pertua ini pun. Itu sebab saya kata suruhanjaya ini jangan ubah nama aje JPK pergi suruhanjaya, pasal banyak orang tertipu Tuan Yang di-Pertua.

Beli komputer RM3,000 potong gaji, 10% *interest* dia ada dapat duit *cash* RM1,500 sain, bayar? berapa ribu pun tak tahu. Ada yang RM3,000 ada yang RM4,000 ada RM7,000 walhal yang dia dapat duit RM1,500 aje. Itu yang saya namakan gerakan koperasi pun telah jadi TOTO (Tolong Olang Tipu Olang).

Modal-modal insan yang disebut, kalau setakat kita ada pelanggan Yang Berhormat Menteri ahli koperasi dah 5,000 orang, Maktab Koperasi yang ada dekat Petaling Jaya ini kalau semua lembaga pengarah koperasi yang ada dekat 5,000 orang nak kita kursuskan, sampai dunia kiamat pun tak habis Tuan Yang di-Pertua. Kalau benar kita serius untuk mengerakkan tujuan murni koperasi ini, Maktab Koperasi ini selain daripada kita naikkan taraf dia kita kena ada koridor-koridor lain, belah utara ada belah selatan ada Sabah dan Sarawak pun mesti ada Maktab Koperasi dan kita memperluaskan lagi apa jajaran Maktab Koperasi supaya kita dapat memberi pelajaran yang penting kepada lembaga pengarah. Lembaga pengarah koperasi jangan duduk syok aje, dia jadi lembaga pengarah dia pun mula aku AJK kata orang Sabah. Hah, siap pakai *badge* AJK Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

Tapi, tujuan nak duduk koperasi macam tadilah dapat kat dia pun tak tahu apa cerita dia digula-gulakan orang mohon tanah kepada kerajaan atas nama koperasi lepas itu dia jual, AJK dapat sikit dia pun seronok. Tapi kita kena pastikan dalam ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena pastikan bahawa bagaimana yang dibuat oleh Suruhanjaya Syarikat semua lembaga pengarah syarikat paling tidak, kena pergi kursus di bawah Suruhanjaya Syarikat dan koperasi juga kita kena buat kemestian lembaga pengarah koperasi ini mesti menduduki kursus-kursus yang dijalankan oleh Maktab Koperasi supaya mereka faham prinsip dan asas-asas koperasi supaya kita dah berhenti dah kita tak nak dengar lagi.

Walhal negara lain kita tengok pergerakan koperasi berjaya membangunkan masyarakat dia, memberi manfaat kepada ahli-ahli koperasi ini, mendapat keuntungan dividen yang berterusan. Dan hari ini kita bukan kata tak ada koperasi yang berjaya, sebagai contoh sekarang Bank Rakyat yang digerak didaftarkan di bawah koperasi, berjaya! Tidak ada satu syarikat pun hari ini atau bank yang boleh bagi sampai 15% - 20% tinggal lagi Tuan Yang di-Pertua besarkan lagilah modal saham itu. Orang yang kemudian macam saya ini pun nak jadi ahli juga. Tinggal lagi apa yang boleh Kinabatangan kita dah tak dapat, kalau boleh besarkan lagi. Dah berjaya macam itu ini kerana prinsip koperasi ini dijaga. Dan saya penuh yakin dan percaya 5,000 lebih koperasi yang berdaftar ini yang akan duduk bawah suruhanjaya, kalau diawasi-awasi cara betul,

ia juga akan menjadi gergasi-gergasi bermain-permain di dunia membantu ahli-ahli koperasi. Ada lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat bagi Jasin tadi Yang Berhormat ada sebut tentang Bank Rakyat. Sedarkah Yang Berhormat di dalam Bank Rakyat sekarang ini ada lebih kurang RM4.65 bilion yang merupakan aset atau kewangan terkumpul oleh koperasi-koperasi disimpan dalam Bank Rakyat untuk diuruskan oleh Bank Rakyat. Maka bukannya koperasi yang uruskan sendiri diserahkan kepada Bank Rakyat. Tambahan pula ada lagi RM280 juta yang disimpan oleh koperasi-koperasi di dalam akaun semasa di pelbagai bank, yang tidak memberikan pulangan yang baik kepada koperasi untuk dipulangkan kepada ahli-ahlinya.

Oleh itu saya nak tanya untuk penjelasan Yang Berhormat bagaimanakah koperasi ini dengan wujudnya suruhanjaya kelak dapat mentadbir uruskan aset dan kewangannya sendiri tanpa melalui agen-agen tertentu untuk mencari balik pulangan, terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini yang mereka simpan di Bank Rakyat ini bukan menyerahkan begitu sahaja, dia membeli saham Yang Berhormat kerana Bank Rakyat ini koperasi peringkat atas yang mana *shareholder* dia selain daripada orang-orang individu, ia juga menjemput koperasi-koperasi yang kecil-kecil ini sebagai ahli dia dan hari ini koperasi-koperasi yang menyimpan duit sebagai saham di Bank Rakyat dia dapat pulangan yang lumayan.

Yang jadi masalah seperti Yang Berhormat kata tadi banyak koperasi-koperasi dia menyimpan di bank-bank lain dalam dia tidak duduk dalam *fixed deposit* pun, dia duduk dalam akaun biasa yang tak ada *interest*.

Ini yang menjadi masalah kepada kita hari ini kerana ramai orang tidak tahu kadang-kadang lembaga pengarah ini dia syok sendiri. Sebagai contoh ada koperasi yang saya tahu yang begitu banyak dia punyai ahli dia mempunyai modal. Tetapi dia takut kerana hari ini diurus tadbir oleh lembaga pengarah sahaja. Kadang-kadang di peringkat kampung seperti Koperasi Pembangunan Daerah yang menjadi lembaga pengarah dia pengerusi JKK, Tok Sidang, Tok Siak, Tok Imam, Tok Bilal menjadi lembaga pengarah ini. Dia pun sudah syok dengan baju yang saya cakap AJK dia tadi, dia pun naik syok.

Tetapi kalau koperasi ini berpandangan jauh Tuan Yang di-Pertua, dia boleh dengan modal yang ada mengapa tidak gajikan orang-orang profesional untuk mentadbir uruskan koperasi ini. Bila dapat orang-orang profesional ini maka perniagaan dia akan bertambah besar, *mind* dia lebih besar. Tetapi kalau setakat ketua kampung, ketua kampung Kinabatangan, Tok Imam Kinabatangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru nak *start*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah lama.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Mukadimah ini baru prinsip.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah lama.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang supaya menteri tahu saya berpengalaman mengenai koperasi ini jadi kerajaan *aware*. *Aware* apa yang berlaku di peringkat bawah .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah yang mustahak boleh keluarkan semasa Yang Berhormat menggulung.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ok, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya pendedahan kepada lembaga pengarah koperasi dan ahli-ahli ini penting.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tanya kah Tuan Yang di-Pertua, apa pasal mahu cepat-cepat kita tak ada masakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab ramai Ahli Yang Berhormat ingin berucap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tapi dia masih ingin berucap kalau tak cukup hari, tambah hari. Kalau tidak cukup masa kita tambah masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apa boleh, saya telah mengikuti ucapan beliau. Tahap sampai mana saya ikuti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau di negara, Parlimen-Parlimen di United Kingdom boleh bercakap sampai enam tahun, enam bulan apa pasal dia tak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh,boleh satu hari kita pinda Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerana modal macam cakap Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tadi, kita sayang kat modal yang banyak itu tidak di *utilize* dengan izin dengan betul. Jadi kita nak mengharap supaya itu sebab saya katakan tadi kita kena perbesar, kita kena perbesar Maktab Koperasi ini nak jadikan Universiti Koperasi pun tak apa Tuan Yang di-Pertua. Asalkan kita boleh beri pendedahan sebaik mungkin, seramai mungkin kepada lembaga pengarah, kalau boleh ahli-ahli, supaya minda mereka terbuka.

Ini kita ada modal, modal orang ramai kita kumpul tetapi pengurusan koperasi ini tidak cukup cekap dan dia nak gajikan orang lain pun dia takut. Tetapi kalau koperasi-koperasi ini dengan modal-modal yang ada daripada tersimpan dalam bank tak dapat *interest*. Tetapi kalau dia dapat menggajikan paling tidak pun anak-anak mereka, anak-anak ahli yang mempunyai kelulusan, yang mempunyai kelulusan profesional yang boleh membawakan lagi koperasi ke arah maju yang lebih luas, mengapa tidak? Tetapi oleh kerana mereka tidak ada pendedahan akhirnya koperasi pun takut, takut duit yang ada dan akhirnya apabila akhir tahun dalam mesyuarat agung nak *declare* dividen tidak dapat nak *declare* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa cukup untuk Yang Berhormat sudah selesai.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *Sentence* pun belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua, saya sambung pukul 2.30 petang sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, boleh habiskan ayat

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** 2.30 saya sambung setengah jam ada benda yang saya nak sampai penting Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ramai yang nak berucap. Boleh saya benarkan Yang Berhormat 15 minit lagi.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ok, Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.31 petang.***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat ada lagi 15 minit.

**2.32ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Tuan Yang di-Pertua sudah makan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, takkan Yang Berhormat belum makan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Ketawa]*. Sebelum saya sambungkan ucapan saya lagi, saya mengalu-alukan kedatangan ramai jururawat-jururawat, pelajar dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat di belakang galeri ini. Oleh sebab ucapan saya panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya pendekkan, ini akan timbulkan masalah kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat fikir panjang sangat boleh pilih tidak mahu cakap, duduk.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Ketawa]*. Jadi oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya yang akan kita tubuhkan ini saya berharap kepada kementerian jangan sekadar syok tukar nama sahaja. Kerana pada hari ini saya lihat banyak suruhanjaya kita tubuhkan. Kalau dahulu kita ada Pendaftar Syarikat, hari ini sudah Suruhanjaya Syarikat. Kalau

dahulu ada Jabatan Koperasi, esok akan menjadi Suruhanjaya Koperasi. Kalau sekadar tukar nama sahaja kita buang masa sahaja Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali jadi macam cerita P.Ramlee Tuan Yang di-Pertua. "Mahu mati pun susah, mahu hidup pun susah. Pasang bendera", yang ini kita tukar nama sahaja.

Tetapi kalau kementerian Tuan Yang di-Pertua pimpin ini dengan rancangan-rancangan yang diatur dengan satu kawasan satu produk dan juga dalam usaha kementerian untuk mewujudkan usahawan-usahawan serta memperkenalkan produk-produk pengeluaran orang-orang kampung dan juga pengeluaran tempatan, saya penuh yakin 5,000 koperasi yang berdaftar kemudian esok di bawah Suruhanjaya Koperasi ini, kalau disuntikkan modal, diberikan sedikit pengajaran kementerian Tuan Yang di-Pertua akan lebih maju lagi.

Ini kerana platform sudah ada. Modal hari ini yang terkumpul, aset sahaja RM38.4 bilion Tuan Yang di-Pertua. Kita juga dengar sekarang banyak koperasi ada duit hanya *parking* sini, *parking* sana yang mana tidak memberi penghasilan kepada koperasi. Seharusnya koperasi kalau mengikut prinsip koperasi ialah untuk mengajar orang berjimat-cermat dan untuk menggerakkan lagi semangat gotong-royong di kalangan ahli-ahli koperasi. Tetapi sekarang koperasi macam saya sebutkan tadi, nama sahaja tolong orang tapi kadang-kadang dia tipu orang juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini apa lagi...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dan saya berharap Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** TOTO lagi?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** TOTO Tuan Yang di-Pertua hendak mengingatkan balik menteri ini... berapa penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah maksud Yang Berhormat, yang ditolong itu juga tipu orang?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah maksud itu?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dia pakai motor sahaja Tuan Yang di-Pertua yang kononnya koperasi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata TOTO iaitu tolong orang tipu orang. Adakah maksud itu?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah maksud yang ditolong itu juga tipu orang?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kadang-kadang ada juga Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Kadang-kadang ada Tuan yang di-Pertua. Apa yang saya hendak sekarang,

ialah gerakan koperasi di bawah suruhanjaya ini yang diberi kuasa yang cukup ini, saya berharap kementerian *overhaul* balik. Beberapa koperasi jangan sebut nama sahaja. Kena *over haul* balik. Apatah lagi macam yang saya sebut tadi. Koperasi yang melibatkan petani-petani yang akan datang ke bawah suruhanjaya ini.

Koperasi Nelayan, walhal kalau dia betul-betul mengikuti dalam prinsip koperasi lama sudah kita dapat selesaikan masalah petani-petani, lama sudah kita dapat selesaikan masalah nelayan-nelayan kalau prinsip-prinsip koperasi ini diikuti. Tetapi apa yang kita dapat lihat pada hari koperasi ditubuhkan di kalangan masyarakat ini hanya memberi kesenangan kepada segelintir pemimpin-pemimpin koperasi sahaja. Jadi kita minta *check* balik. Kita minta *check* balik. Walhal kekuatan kita ada. Macam saya sebut tadi pertanian. Orang kampung, peladang-peladang perlu baja.

Kita ada koperasi di tiap-tiap daerah dan kita ada lagi koperasi di peringkat menengah, di peringkat negeri dan kita ada pula koperasi peladang ini di peringkat pusat. Mengapa tidak yang sudah bergerak dengan modal yang ada kita bantu, tunjukkan kepada saya Yang Berhormat, mana ada koperasi peladang yang dapat wujudkan kilang baja yang mana baja ini diperlukan di ladang-ladang, tidak ada. Tetapi di negeri maju benda ini wujud. Mengapa kita tidak boleh buat macam ini? Tunjukkan saya mana satu koperasi yang kita wujudkan di kalangan nelayan yang pada hari ini ada kilang atau pun bengkel membuat bot kegunaan nelayan, tidak ada. Nelayan memerlukan jaring. Tunjukkan saya mana satu koperasi di kalangan nelayan yang mampu membuatkan jaring-jaring yang hendak digunakan oleh nelayan. Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Saya telah mendengar ucapan Yang Berhormat tadi kita ada banyak koperasi, kita ada banyak jentera-jentera kerajaan. Tetapi masalah pertanian, masalah penternakan tapi masih tidak dapat diselesaikan. Lepas itu timbul pula *middleman* atau orang tengah yang sentiasa mengeksploitasikan keadaan. Kerajaan juga telah banyak beri peruntukan dan juga pelbagai jenis panduan dan juga galakan telah diberikan.

Tetapi pada hari ini masalah ini masih berlaku dan ada sesetengah sektor, masalah ini semakin hari semakin bertambah. Bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian bahawa bukan sahaja koperasi sepatutnya di *overhaul* kan tetapi saya ingat mengenai pengurusan sumber manusia yang menguruskan sesuatu koperasi itu, manusia yang membuat dasar-dasar yang tertentu untuk menyelesaikan masalah-masalah dan ini adalah puncanya. Apakah pendapat Yang Berhormat bahawa kita mesti mempunyai satu perancangan yang bersungguh-sungguh khasnya untuk pembangunan manusia yang betul-betul boleh menguruskan koperasi ini demi kepentingan nelayan-nelayan dan petani-petani kita. Apa pandangan Yang Berhormat?



**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya dari Puchong, mungkin Puchong pagi tadi tidak ada, jadi perkara ini saya sudah sentuh pagi tadi. Saya minta maaf kerana kita hendakkan prasarana, modal-modal insan, *training* dan untuk *co-operators* ini dengan lebih banyak lagi. Hari ini setakat adanya Maktab Koperasi di Petaling Jaya. Kita hendaklah di kawasan lain pun ada supaya mereka-mereka yang menjadi lembaga pengarah ini apatah lagi ahli-ahlinya mendapat pengetahuan yang lebih mendalam terhadap prinsip-prinsip koperasi. Kalau prinsip koperasi ini dapat ditanamkan lebih awal, sebelum mereka ...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tengah sedap Tuan Yang di-Pertua, dah masuk gear 4, gear 5 ..[*Ketawa*], sila Yang Berhormat bagi Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya tertarik dengan pandangan dan juga hujah-hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya juga menganggotai lebih kurang 4, 5, 6 koperasi walaupun dari segi undang-undangnya salah tetapi oleh sebab minat saya kepada koperasi kerana matlamat yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, ke arah perpaduan, ke arah melatih ahli berniaga..

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*] Jimat cermat..

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** ...jimat cermat dan sebagainya. Tetapi pengalaman saya Yang Berhormat bagi Jasin, saya perhatikan, sebahagian besar koperasi-koperasi yang kita terlibat ini menghadapi banyak masalah terutamanya dalam kepimpinan. Apabila koperasi-koperasi ini sudah *start* berniaga, ada duit dan sebagainya mereka mula berebut. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah ini di antara sebab-sebabnya yang menyebabkan koperasi-koperasi ini tidak maju dan matlamat-matlamat yang hendak dicapai oleh koperasi ini tidak berjaya. Kerana kadang-kadang ada masalah-masalah dalam kepimpinan ini mereka membawanya ke mahkamah sehingga membelanjakan wang berjuta-juta ringgit kerana hendak berebut dalam urusan koperasi ini. Apa pandangan Yang Berhormat, minta penjelasan supaya kita dapat berkongsi maklumat menyelesaikannya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih. Ini oleh kerana kefahaman. Kalau mereka betul-betul faham prinsip koperasi macam saya sebut pagi tadi, apa yang nak direbutkan? Kerana saham ataupun kuasa di koperasi ini tiap orang satu undi. Sama sahaja. A modal RM100, B modal RM1 juta, undinya tetap satu. Maknanya modal itu tidak akan mempengaruhi dalam segi pemilihan lembaga pengarah dan sebagainya. Tetapi, kadang kala orang memanipulasikan keadaan ini dan kurang pengawasan daripada Pendaftar Koperasi. Kalau ini dapat kita tegaskan, jadi masalah koperasi yang pada hari ini yang adanya tinggal nama

sahaja dan menimbulkan masalah, tidak timbul. Kalau hendak ikutkan dulu, pegawai-pegawai kerajaan seperti saya, saya kahwin dulu pun pinjam duit koperasi Tuan Yang di-Petua. Kalau tidak ada duit koperasi saya pun tidak boleh kahwin.

Memang betul kita cakap!..apa yang hendak segankan? Tetapi malangnya ...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]* Dah bayar habis?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sudah bayar. Habis. *[Ketawa]*. Malangnya kita pernah adakan satu undang-undang supaya kakitangan kerajaan dia hanya boleh meminjam koperasi dan *take home pay* itu kita sekat. Tetapi akhir-akhir ini kita lihat, ada kakitangan kerajaan yang gajinya dua tiga ribu, dia ambil pinjaman perumahan, kenderaan, pinjam berbagai-bagai koperasi dan gaji RM2,000 kadang-kadang *take home pay* dia tinggal RM80. Mengapa ini boleh berlaku? Walhal tujuan koperasi ini kita bagi dia pinjam ataupun dia jadi ahli koperasi hendak menanamkan semangat jimat cermat untuk membantu masa depannya. Kita berharap kerajaan dapat melihat perkara ini semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dan akhirnya Tuan Yang di-Petua, ini akhir..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh? *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Jasin]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Baru nak akhir.. ini Yang Berhormat bagi Larut dia hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak beri nanti dia marah, dia Pengerusi *backbencher*. *[Ketawa]*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasihlah. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat baru balik dari Amerika...berapa hari Yang Berhormat pergi Amerika?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat itu tidak kena mengena..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Penjelasan, kena mengena dengan koperasi Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanya koperasi di sana macam mana dengan koperasi di sini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dibandingkan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kalau dibandingkan. Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat apakah Yang Berhormat lihat dengan adanya suruhanjaya ini akan lebih memudahkan perjalanan koperasi atau bagaimana? Ini penting. Kalau setakat kita buat suruhanjaya ini semata-mata hendak memuaskan kepentingan pegawailah katakan ..minta maaf. Ini kalau, kalau ya. Tetapi sepatutnya dilihat bagaimana kedudukan koperasi pada masa ini. Kata orang sebelah utara 'entah dah lahir' Tuan Yang di-Pertua.

Saya baru-baru ini berjumpa dengan Pengurus Besar Koperasi Gabungan Pekebun-Pekebun Kecil Negeri Perak, dia bagi tahu, mengadu, mujurlah ada tanah kelapa sawit yang boleh mendatangkan mata pencarian. Menurut pandangan dia, sepatutnya modal atau modal pusingan atau apa sahaja yang ada pada hari ini ditambah bagi membantu ahli koperasi yang ramai, beribu-ribu anggotanya.

Jadi, apakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju supaya ini dilihat di samping kita memperbetulkan kedudukan koperasi dengan adanya suruhanjaya ini dan pada masa yang sama juga pinjaman dan modal untuk koperasi ini ditambah lagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Larut. Kadang-kadang kita ini macam 'hangat-hangat tahi ayam', panas sekejap sahaja. Macam dulu kita tubuh koperasi pembangunan daerah di kalangan JKK dan ketua kampung kita. Kita bantu, bagi lesen, modal tetapi akhir sekali kita tinggalkan dia. Begitu juga dengan Koperasi Pekebun Kecil. *On paper* memang cantik Tuan Yang di-Pertua. Semua pekebun-pekebun kecil di tiap-tiap daerah itu disatukan di bawah satu gabungan dinamakan Koperasi Pekebun Kecil.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Eh, belum jawab habis lagi!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sikit...sekali jawab. Saya rasa mungkin Yang Berhormat bersetuju kalau koperasi ini tidak dibantu dengan cara apa sekalipun tidak ada makna adanya suruhanjaya ini kerana banyak koperasi-koperasi yang akan gulung tikar, yang akan tutup. Bayangkan kalau ini tidak ditangani segera dan sudah tibalah masanya saya fikir Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang muda ini dapat menjanakan lagi kerana dia mempunyai *vision* Tuan Yang di-Pertua. Dia membuka dengan izin *Restaurant Malaysia Kitchen* di Tokyo, Jepun baru-baru ini. Ini satu pandangan yang baik. Kita berharaplah supaya tidak guna kita, seperti kata Yang Berhormat bagi Jasin tadi, dengan penjelasan yang saya pohon kita buka hari ini dan besok kita tutup. Ini akan menjatuhkan imej bukan sahaja imej masyarakat kita tetapi juga imej kerajaan yang hendak melihat pergerakan koperasi berjalan dengan baik. Apa kata Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Hasrat Yang Berhormat itu sama dengan hasrat saya. Jadi apa ucapan dia jadi sebahagian daripada ucapan saya.

Saya hendak terangkan tadi Yang Berhormat bagi Larut, sebagai contoh Koperasi Pekebun Kecil, memang tujuan kita murni hendak menaikkan taraf hidup pekebun kecil. Kita galakkan mereka bersatu di bawah koperasi di peringkat daerah. Lepas itu kita ada pula gabungan koperasi di peringkat daerah-daerah seperti di negeri Perak kita ada pula gabungan di

peringkat negeri dan di peringkat negeri pula kita ada National Rubber Smallholder Association (NESCO) di peringkat pusat.

Kita harap di peringkat pusat, macam yang saya sebutkan tadi untuk bergiat di dalam lapangan yang diperlukan oleh pekebun kecil sebagai contoh kilang baja. Pekebun kecil hendak baja, benih pokok kita minta mereka buat *nursery* dan keuntungan-keuntungan daripada kerja-kerja ini dapat kepada pekebun kecil. Tetapi malangnya sekarang ini dalam RISDA mereka tubuhkan pula syarikat di bawah RISDA yang bersaing dengan koperasi dan syarikat ini pula *chairmannya*, macam kata syarikat di bawah RISDA ini pula ialah Ketua Pengarah RISDA menjadi *chairman* syarikat ini. Bersaing pula tender baja dengan Koperasi Pekebun Kecil.

**Beberapa Ahli:** [*Riuh*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini benar Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua boleh siasat.

**Seorang Ahli:** Koperasi kalahlah!

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Jawabnya koperasi kalahlah!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik ungkapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia kata "GLC dan syarikat agensi-agensi kerajaan jangan mengujudkan anak-anak syarikat di bawah syarikat induk untuk bersaing dengan vendor-vendor di bawah iaitu dengan syarikat-syarikat kecil seperti koperasi ini". Bermakna mereka tidak mengikut arahan Perdana Menteri. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Itulah sebabnya saya hendak minta supaya anak-anak syarikat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, GLC-GLC ini, kita mesti kaji semula. Yang mana agak bersaing dengan syarikat-syarikat tempatan ataupun koperasi yang kita tubuhkan dengan tujuan murni ini agak bersaing, patut kita batalkan syarikat tempatan, kalau diberi peluang kepada koperasi kerana keuntungannya esok akan memberi faedah kepada rakyat ramai yang menjadi ahli kepada koperasi. Yang ini kita pegang, ini asas. Sekiranya asas atau prinsip ini tidak kita kawal Tuan Yang di-Pertua, lingkup kita Tuan Yang di-Pertua. Sudah bertahun kita bercakap mengenai perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Puteh.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Pasir Puteh pula?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sebab Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin ada sebut nama Che Min tadi [*Dewan riuh*][*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia ...

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** .....saya terpanggil dan saya hendak bagi satu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan rujuk kepada.....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ah...tidak ada. Tidak rujuk, saya hendak beri pandangan. *[Dewan riuh][Ketawa]* Saya lihat objektif suruhanjaya ini Yang Berhormat bagi Jasin ialah merancang pembangunan koperasi. Apakah kita bersetuju, *check* semua syarikat-syarikat yang timbul di bawah GLC, ataupun tidak GLC, yang ditubuh bersaing dengan koperasi ini, kerana kita sudah tubuhkan suruhanjaya. Bersetuju atau tidak? Kalau bersetuju, kita minta pihak berkenaan ambil tindakan segera. Kita boleh buat, *we have power, we have knowledge, we have money*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin tidak perlu sebut Che Min lagilah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, *chairman*, dia tidak dengar. *[Ketawa]* *Chairman* syarikat, pengerusi syarikat, bukan Che Min .

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Walau bagaimanapun,.... ada, ada yang dikatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata, pada akhirnya ....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Bukan Tuan Yang di-Pertua, jawab soalan sahaja, belum dapat akhir ini, hendak gulung pun tidak dapat lagi ini.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat bagi Jasin, boleh mencelah sedikit?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Hah! Hendak mencelah lagi Tuan Yang di-Pertua. Sila.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar, adanya bekas pegawai kanan yang semasa dia memegang jawatan kanan di agensi berkenaan, membimbing pekebun-pekebun kecil, meminta mereka maju dalam koperasi dan sebagainya tetapi apabila mereka bersara, akhirnya mereka mengambil alih pula.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Waw!

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Ini merupakan satu sikap yang cukup mengecewakan kita. Saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat supaya bukan setakat, kalau boleh, kita minta supaya kementerian batalkan terus ini dan pastikan ini supaya diberikan kepada koperasi, pengerusi-pengerusi yang terlibat. Terima kasih. Minta pandangan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Maran. Memang itu tujuan kita. Kita hendakkan supaya peluang dan luang ini, tujuan koperasi yang kita hendak mempergiatkan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu rakyat ramai. Hari ini ahli koperasi telah meningkat seramai 5.4 juta orang dan kalau ini berjaya Yang Berhormat Menteri ..../ *say man*....lebih lima juta orang akan dapat manfaat. Tetapi kalau syarikat macam yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Maran tadi, yang mendapat manfaat siapa? Ketua Pengarah? Yang dapat

Pengarah-pengarah.....tetapi orang ramai tidak dapat Tuan Yang di-Pertua. Orang ramai tidak dapat! Yang kita hendak memperjuangkan ini, supaya orang ramai yang menjadi ahli-ahli koperasi ini, dia menjadi ahli, dia menabung modal, dia juga.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** .... menjadi saham, dia dapat nikmat. Akhirnya untuk menggulung Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri, sebagaimana yang saya katakan tadi, tubuh sahaja Suruhanjaya Koperasi ini, *you* kena tambah pegawai. Kalau ikut daripada pengalaman saya, apa yang saya amati, kalau setakat yang ada di JPK ini untuk melaksanakan yang ini Tuan Yang di-Pertua, [*Sambil mengangkat bill*], saya kira tidak sampai matlamatnya.

Yang kedua, macam mana yang disebutkan tadi. Yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, koperasi kita ini banyak fungsinya. Yang terlibat dari segi perbankan hanya tiga, yang menonjol Bank Rakyat. Bank Rakyat telah menunjukkan prestasi yang baik Tuan Yang di-Pertua. Mengapa tidak, disekatnya Bank Rakyat ini hanya sekadar modal sebanyak itu. Mengapa tidak diperbesarkan lagi supaya lebih ramai lagi rakyat Malaysia, menjadi ahli Bank Rakyat, buat modal saham di Bank Rakyat dan mendapat manfaatnya. Kalau itu tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, tubuhkan 'Bank Orang Ramai' pula. [*Ketawa*] Alternatif kepada Bank Rakyat supaya ramai lagi rakyat Malaysia mendapat peluang dan dapat menikmati sebagaimana yang dinikmati oleh ahli-ahli Bank Rakyat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

## 2.57 ptg.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi yang sedang dibincangkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini objektifnya adalah untuk mengganti Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia yang sekali gus akan menggabungkan 52 koperasi di seluruh negara dengan aset yang bernilai lebih kurang RM25.1 bilion. Saya boleh bersetuju dengan falsafah dan matlamat asal penubuhan suruhanjaya ini yang akan berperanan untuk menyelaraskan dan mengambil satu sikap supaya insiden-insiden yang buruk dan tragedi-tragedi ngeri yang sedang berlaku kepada koperasi-koperasi dalam negara kita ini dapat diselamatkan dan dapat dianjak paradigmanya untuk menjadi suatu aset penting dalam rakyat negara ini untuk mempelajari dan juga mendapat nikmat daripada ekonomi negara kita sekarang ini.

Saya rasa adalah adil untuk saya Tuan Yang di-Pertua, supaya kita tidak lupa bahawa falsafah dan matlamat asal penubuhan koperasi ini adalah idea yang telah dicetuskan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz, dan beliau masih hidup pada hari ini. Kalau kita meneliti dalam

wawancara terkini yang beliau sendiri memberikan banyak pandangan dan komen tentang prestasi dan *performance* koperasi-koperasi di dalam negara kita ini, beliau tidak menolak berlakunya suatu keadaan di mana koperasi-koperasi ini apabila sampai pada suatu tahap di mana mereka menikmati kedudukan kewangan yang kukuh, mula lari daripada matlamat asal penubuhan koperasi itu sendiri.

Secara objektifnya Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya melihat sejenak bagaimana negara-negara maju seperti Jepun, sebagai contoh; yang telah berjaya mengangkat paradigma koperasi-koperasi di dalam negara mereka sehingga menjadi salah satu daripada institusi yang menyumbang ke arah kejayaan Jepun yang mengangkat diri mereka sebagai negara maju di dunia ini. Peranan koperasi juga dan aset yang terkumpul dalam koperasi-koperasi Jepun ini tidak dinafikan menyumbang kepada pemilikan aset Jepun itu sendiri yang bernilai pada hari ini hampir USD3 trilion.

Jepun bermula dengan bagaimana mereka menjana apa yang dikatakan *cottage industry* iaitu industri-industri kecil yang mereka bangunkan dalam masyarakat mereka dan sebahagiannya adalah dibiayai oleh koperasi-koperasi di dalam negara ini. Apabila semua koperasi-koperasi ini diselia dengan baik, tidak lari daripada matlamat asal, maka kita menyaksikan kejayaan dan kecemerlangan koperasi-koperasi ini sehingga mereka memberikan sumbangan yang cukup besar ke arah kenikmatan ekonomi yang lebih baik di negara Jepun itu sendiri.

Jadi saya merasakan kita perlu ada suatu gagasan dan wawasan yang jelas dan menteri muda ini kita mengharapkan dengan nafas baru dan semangat baru supaya dapat memberikan sumbangan idea dan tindakan-tindakan yang lebih proaktif. Saya mengharap menteri muda ini tidak hanya fotostat menteri-menteri yang sebelumnya, tidak duduk dalam status quo ataupun paradigma lama tetapi melihat dan mengambil kesempatan daripada penubuhan suruhanjaya ini untuk melakukan suatu anjakan setelah kita merdeka 50 tahun ini.

Pastinya kita mahu melihat peranan institusi koperasi dalam negara kita ini akan dapat sama-sama menjana ke arah pembangunan dalam negara kita. Kalau sekadar fotostat sahaja tukar nama daripada 'J' Jabatan Pembangunan Koperasi kepada suruhanjaya, tambah kuasa dan seumpamanya, menambah kuasa menteri. Ini tidak akan memberikan apa-apa implikasi dan sumbangan besar pada masa depan koperasi dalam negara kita.

Kita perlu melihat pada gambaran yang lebih luas. Kita mesti melihat *at the big picture* bagaimana sumbangan yang telah diberikan oleh koperasi-koperasi yang berjaya. Paling tidak pun kita melihat bagaimana yang dilakukan oleh seorang tokoh masyarakat di Bangladesh, Mohd Yunus yang baru-baru ini diberikan, dinobatkan untuk menerima hadiah Nobel oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mungkin konsepnya tidak 100% koperasi tetapi kegigihan beliau untuk membantu golongan-golongan petani, golongan-golongan miskin untuk mendirikan perniagaan kecil-kecilan

kerana beliau telah berjaya untuk menubuhkan institusi mikro kredit ini sehingga usaha beliau itu telah dapat menyelamatkan sebahagian besar daripada petani-petani dan golongan-golongan miskin di Bangladesh ini untuk mendirikan perniagaan mereka dan mereka boleh berdikari dengan konsep ini.

Jadi lebih banyak koperasi-koperasi yang berorientasikan kebajikan ini mesti diberikan pembelaan dan mesti diberikan nafas baru dan diberikan idea baru, gagasan baru supaya koperasi-koperasi ini dapat berperanan untuk membangunkan jiwa masyarakat, membangunkan jiwa manusia ke arah menghayati falsafah bagaimana perlunya koperasi itu ditubuhkan. Dengan adanya koperasi yang berkembang baik ini akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka terutama pada rakyat Malaysia keseluruhannya yang tinggal di kawasan luar bandar.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan satu soalan kepada pihak menteri yang ada di hadapan saya pada hari ini tentang suruhanjaya ini siapakah mereka yang akan dilantik untuk menganggotai suruhanjaya ini? Adakah ia hanya semata-mata lantikan politik diambil mereka-mereka yang dianggap orang politik pada hari ini bergelar Tan Sri, Datuk Seri dan seumpamanya?

Tetapi saya lebih mengharapkan supaya mereka yang akan menganggotai suruhanjaya ini mestilah suatu badan dan individu-individu yang dilantik ini benar-benar mereka yang faham. Dan bukan sekadar faham mereka yang punya minat dan punya suatu inovasi yang tinggi untuk menganjak dan saya sudah sebut tadi untuk melihat pembangunan koperasi ini bagi satu aset yang penting dalam masyarakat.

Jadi saya mengharapkan mereka yang akan duduk dalam suruhanjaya ialah mereka yang benar-benar faham, punya inisiatif yang tinggi, kemahuan yang tinggi dan punya minat yang tinggi untuk melihat koperasi-koperasi ini dipulihkan, dibangunkan, diberikan *value added*, diberikan nilai tambah, diberikan suatu pendekatan-pendekatan baru supaya koperasi ini akan benar-benar menjadi satu institusi yang penting dalam pembangunan negara kita.

Kita perlu belajar daripada pengalaman yang lalu bagaimana terdapatnya mereka-mereka yang diberikan amanah ini telah melakukan salah guna kuasa lalu koperasi yang diharapkan untuk membantu golongan petani dan nelayan ini tidak dapat berfungsi dan akhirnya kita melihat nelayan-nelayan, petani-petani di kawasan luar bandar tidak dapat melepaskan diri mereka daripada hidup di bawah paras kemiskinan. Kita perlu melihat golongan ini yang perlukan bantuan kewangan, memerlukan pinjaman-pinjaman yang lebih mudah dengan kadar bayaran yang mereka boleh bayar dengan baik.

Ada koperasi yang saya pernah berpengalaman berurusan seperti Koperasi Guru-guru Melayu Johor sebagai contoh. Ini koperasi yang bagus yang membantu guru-guru yang tidak berijazah ini membeli kereta, membeli rumah dengan suatu pinjaman yang sangat mudah. Ada koperasi yang baik seperti ini yang saya melihat koperasi yang seperti inilah yang pemimpinnya,



pengurusannya yang begitu baik diberikan galakan-galakan yang lebih baik daripada pihak kementerian untuk terus subur.

Macam Koperasi Polis, Koperasi Angkatan Tentera bagi saya inilah dia koperasi-koperasi yang mesti dibantu supaya mereka dapat terus hidup dan membantu bekas-bekas perajurit dan anggota tentera yang berkhidmat. Kerajaan ada banyak ruang dan kesempatan untuk membantu mereka. Projek-projek yang kerajaan rasa boleh untung saya rasa telah sampai masanya kerajaan melihat koperasi-koperasi yang berorientasi kepada rakyat ini diberikan projek-projek ini. Mereka boleh untung dengan banyak bukan lagi kepada individu-individu, amalan *direct nego* ini mesti dihapuskan. Amalan-amalan memberikan projek-projek kepada orang tertentu ini perlu dihapuskan dengan memberikan kepada koperasi-koperasi ini. Pemberian AP sebagai contoh daripada diberikan kepada 25,000 AP, 10,000 AP pada golongan tertentu, orang tertentu berikan kepada koperasi tentera, berikan kepada koperasi peladang.

Apa salahnya, dan mereka boleh untung. Dan keuntungan itu akan dapat disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Ini sangat penting bagi kita melihat supaya agihan kekayaan negara ini akan dapat disalurkan dengan adil dan saksama kepada rakyat di peringkat bawahan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Cakap lagi?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya seronok mendengar kata Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyokong usaha kerajaan. Saya penuh yakin dan percaya kalau Suruhanjaya Koperasi ini menjalankan tugas dengan baik mengawal koperasi, koperasi PAS, Kohilal pun tidak akan rugi RM40 juta. Itu yang pakai serban itu, yang tidak serban tidak tahu macam mana. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya apa yang kita, Yang Berhormat cakapkan tadi supaya kementerian ambil berat berkenaan dengan koperasi ini supaya duit orang ramai ini tidak akan menjadi ataupun tidak habis begitu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Saya setuju masalah amanah, masalah ketelusan, masalah *accountability*, masalah tanggungjawab ini masalah manusia yang mesti memegang amanah ini. Serban tidak serban, guru, tok guru tidak tok guru ke yang melakukan kesalahan ini harus didakwa. Saya difahamkan Kohilal pun hari ini telah diletakkan di bawah JPK dan saya menggesa siasatan segera dibuat. Kalau tidak betul yang pakai serban ke tidak pakai serban ke, harus didakwa. Jadi saya bersetuju dengan pandangan itu. Jangan kita *bias* kita jadi *double standard* di dalam kita menegakkan keadilan dan kesaksamaan dalam negara kita. Terima kasih sahabat saya.

Oleh itu saya melihat suruhanjaya ini akan lebih berperanan sekiranya ianya dapat menepati falsafah asal penubuhan koperasi tersebut. Jadi saya mengharapkan ini akan menjadi suatu... *bottom linenya* adalah rakyat. Ini mesti diambil suatu perkiraan yang sangat penting. Dan pengalaman masa lalu sama ada berlaku pada mana-mana koperasi mesti diambil sebagai suatu iktibar. Dan mereka yang melakukan kesalahan ini mesti dihukum, jangan dibiarkan. Kalau dibiarkan tanpa ada hukuman, kalau dibiarkan sahaja bagai angin yang berlalu, siapa-siapa esok yang memegang koperasi ini, memegang amanah ini, akan rasa *complacent*, akan rasa orang dahulu buat tidak pernah diambil tindakan.

Maka dengan ini, saya mengharapkan suatu tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak tanpa mengira parti kerajaan kah, parti pembangkang kah dan seumpamanya. Mereka yang bersalah ini seharusnya diheret ke muka pengadilan.

Kemudian saya difahamkan daripada ucapan Yang Berhormat Menteri sendiri dalam satu seminar yang saya ikuti dengan dekat iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan bahawa suruhanjaya ini akan mewujudkan suatu Dana Mudah Tunai (CLF) dengan menetapkan semua koperasi menyumbang sejumlah tertentu wang dalam tabung berkenaan. Idea ini sangat bagus dan saya mengharapkan supaya perjalanan ini juga mesti telus dan juga mesti dapat sampai kepada matlamat.

Kalau semua koperasi dalam negara kita ini maju dan boleh memberikan faedah kepada semua rakyat dan boleh menyumbang kepada tabung ini, dan tabung ini juga sebagai suatu dana yang boleh menyelamatkan mana-mana koperasi ataupun mana-mana institusi demi kepentingan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama, ini satu perkara yang saya rasa dapat kita jadikan sebagai contoh.

Tetapi dengan satu syarat bahawa kita mesti memastikan semua koperasi, jangan pilih kasih. Semua koperasi sama ada yang ditubuhkan oleh kaum Melayu, bumiputera ataupun orang Cina, ataupun orang India kalau atas nama koperasi, kita akan mendapat suatu nikmat pembangunan yang semua rakyat akan dapat mengecapnya.

Oleh itu, saya juga sebagai akhirnya dalam ucapan ini ingin merujuk kepada beberapa faktor yang akan membantu suruhanjaya antaranya saya mengharapkan bahawa ada suatu *blue print* yang dapat dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin tidak pada sesi ini supaya kita akan dapat melihat dan dapat mengkaji dan dapat menganalisis dan membahaskan dengan matang secara terperinci bagaimanakah suruhanjaya ini akan berperanan.

Saya tidak mahu melihat penubuhan ini hanya sebagai “melepaskan batuk di tangga” sahaja tetapi penubuhan suruhanjaya ini daripada JPK akan memberikan suatu era baru di dalam membangun keseluruhan institusi koperasi di negara kita agar segala cita-cita dan impian Profesor Diraja Ungku Aziz akan dapat menjadi suatu kenyataan dalam kita menggalakkan rakyat Malaysia untuk menjadikan institusi koperasi ini suatu budaya yang subur dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3.13 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahas dan menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sektor koperasi seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi adalah amat penting dalam pembangunan ekonomi dan pembangunan negara kita. Dalam hal ini penubuhan suruhanjaya ataupun apa yang kita boleh katakan sebagai satu naik taraf daripada jabatan, jabatan koperasi dinaik taraf kepada suruhanjaya sebagai satu lagi *milestone* dalam pembangunan koperasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh. Saya ingat seluruh rakyat Malaysia akan menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan begitu juga seluruh gerakan koperasi akan memberi sokongan penuh. Kita amat yakin apa juga isu-isu yang berbagai-bagai cabaran yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin yang begitu berpengalaman dalam soal koperasi telah pun diambil kira dalam Rang Undang-undang ini iaitu ia akan menjadi kuasa dan fungsi suruhanjaya.

Cuma bila kita lihat dari komposisi lembaga pengarah suruhanjaya ini, saya lihat bahawa hanya enam orang yang bukan daripada anggota pentadbiran yang akan dilantik. Dinyatakan juga di sana, daripada enam orang ini sekurang-kurangnya dua orang yang bergiat dalam koperasi. Enam oleh ini akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin mencadangkan supaya semua enam orang ini hendaklah orang yang bergiat dalam koperasi. Ini kerana sekiranya satu suruhanjaya yang melindungi gerakan koperasi, nanti dibawa pula orang-orang yang tidak bergiat dalam gerakan koperasi. Bagaimana pula mereka dapat melindungi kepentingan koperasi.

Dalam hal itu, saya ingin mencadangkan supaya daripada enam orang yang dilantik itu, sekurang-kurang seorang hendaklah dilantik daripada Sabah dan seorang lagi dilantik daripada Sarawak. Ini bukan satu cadangan parokial. Tetapi kita berbangga kerana koperasi ini adalah salah satu kegiatan, salah satu daripada sektor yang sudah pun diterima sebagai suatu tanggungjawab Persekutuan dan bukan seperti bidang tertentu di mana ada juga kuasa negeri dan sebagainya. Ini adalah kuasa Persekutuan.

Tetapi apabila nanti kita berfungsi, tentu sekali dia akan beroperasi di Kuala Lumpur. Walau pun pada hari ini kita mempunyai Jabatan Koperasi Cawangan Sabah sebagai contoh, dan esoknya barangkali akan dinaiktarafkan sebagai suruhanjaya di Sabah. Tetapi paling elok, oleh sebab ini berjauhan dan sebagainya; salah seorang atau sekurang-kurangnya seorang daripada orang itu hendaklah daripada Sabah dan seorang lagi daripada Sarawak dalam Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi sumbangan pendapat tentang pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh pergerakan koperasi dari dahulu sampai sekarang dalam negara kita. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, semuanya sebenarnya berakar umbi kepada kefahaman tentang nilai-nilai koperasi, kefahaman tentang prinsip-prinsip koperasi, kefahaman tentang konsep dan falsafah koperasi itu sendiri. Iaitu sesuatu kegiatan ekonomi yang amat bertentangan, amat berbeza dengan konsep atau entiti ekonomi yang lain seperti syarikat-syarikat biasa.

Itu antara yang paling penting saya lihat Tuan Yang di-Pertua. Di kampung saya sendiri pun ada koperasi. Saya sendiri pun telah membawa Yang Berhormat Menteri ke kawasan saya untuk merasmikan satu bangunan koperasi peringkat kampung. Kita lihat walaupun ramai yang rakyat kita ingin menjadi anggota koperasi, tetapi rata-ratanya mereka ini tidak dapat membezakan di antara koperasi dengan syarikat biasa.

Oleh sebab itu apabila mereka melihat sesuatu entiti peniagaan, maka yang terfikir dan yang dijangkakan daripada ahli-ahli ini atau anggota-anggota ini ialah tiada lain tiada bukan ialah untung atau dividen. Tetapi dalam gerakan koperasi, sebenarnya yang kita perolehi, manfaatnya ialah perkhidmatan. Tetapi anggota koperasi tidak dapat menilai apakah perkhidmatan itu. Akhirnya jika sekiranya dalam kes sebagai contoh yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Putatan, Koperasi Serba guna di mana beliau terlibat dalam peruncitan sebagai contoh.

Akhirnya dia meminjam, melanggan dan tidak membayar dan dia tidak membayar hutang-hutang. Sebab mereka mengatakan dan beranggapan bahawa itu sahaja yang mereka dapat sebab mereka tidak akan mendapat keuntungan, mereka tidak akan dapat dividen.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya suruhanjaya ini nanti akan mengadakan suatu gerakan pendidikan koperasi yang berbentuk kemasyarakatan secara besar-besaran. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya pendidikan kemasyarakatan ini dalam konsep atau falsafah, dalam nilai-nilai koperasi, dalam prinsip-prinsip koperasi. Tujuh prinsip koperasi tadi melibatkan media massa. Media massa elektronik dan media massa cetak.

Kita ambil contoh, lima prinsip Rukun Negara. Walau pun tertulis, walau pun dihebahkan, di sebut berkali-kali di sekolah tetapi pada hari ini kalau ditanya masih ada lagi tidak faham, tidak dapat menyebut apa itu lima prinsip Rukun Negara. Apa lagi kalau kita mengolah lima prinsip Rukun Negara.

Ini ada tujuh prinsip koperasi. Apakah pernah telah memuatkan ataupun mengadakan suatu kempen melalui RTM sebagai contoh dari segi tujuh prinsip ini. Adakan satu kempen secara besar-besaran, tujuh prinsip koperasi dan yang paling penting di sini ialah nilai-nilai koperasi. Kita ambil nilai pertama koperasi, sebagai contoh, *self-help*, berdikari. Kalau segolongan manusia ingin menubuhkan satu koperasi, mengadakan satu kegiatan perniagaan, satu kegiatan ekonomi secara berdikari, maka mereka hendaklah akur kepada ketujuh-tujuh

prinsip koperasi sebagai contohnya. Dan, banyak lagi seperti soal demokrasi, soal sama hak, boleh atau tidak dan sebagainya.

Oleh sebab itu, perkara ini haruslah diberi pendidikan secara kemasyarakatan, *they have to be a public education*, dengan izin, dalam hal ini sebab nilai-nilai koperasi ini kita bercerita tentang sistem nilai dalam kemasyarakatan. Sistem nilai dalam kemasyarakatan kita pada hari ini sudah sekian lama dengan budaya konsumerisme, dengan budaya untungnya, dengan budaya diri sendiri dan bukan untuk kepentingan umum, kepentingan bersama dan sebagainya.

Kita harus menekankan perkara ini sebab kalau kita tengok sejarah bagaimana koperasi ini bermula di England dahulu, bermula dahulu, gerakan koperasi telah dimulakan akibat daripada perubahan perindustrian. Dan, adanya golongan di dalam masyarakat yang merasakan diri mereka tersisih daripada perubahan perindustrian tersebut, perubahan daripada satu era ekonomi tradisi kepada era perindustrian dan adanya yang tersisih dan sebagainya, dan mereka merasakan bahawa mereka ini mempunyai kesamaan. Bersama-sama tersisih dan sebagainya, ada persamaan.

Pada hari ini apabila kita mengadakan koperasi yang bergerak ini, mereka sebenarnya mempunyai kepentingan dan keperluan yang berlainan, tetapi masih lagi mahu menggunakan prinsip-prinsip koperasi sebagai satu gagasan dalam berniaga. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya amat mengalu-alukan walaupun ada dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi tentang beberapa cabaran dan kegagalan apabila koperasi ini diperkenalkan di peringkat sekolah menengah.

Tetapi sebenarnya di peringkat sekolah menengah amat berjaya. Malah pada hari ini kalau kita tengok bilangan koperasi yang berdaftar, saya ingat yang paling banyak ialah di peringkat sekolah menengah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kita mulakan gerakan koperasi ini di peringkat sekolah rendah supaya di peringkat sekolah rendah anak-anak kita, generasi muda dapat didedahkan dengan nilai-nilai koperasi, prinsip-prinsip koperasi, konsep-konsep dan falsafah koperasi dari mula lagi.

Barangkali ini sesuatu yang boleh diterapkan sebagai sebahagian daripada gagasan pendidikan kemasyarakatan dalam soal koperasi ini. Saya juga ingin mencadangkan supaya dalam usaha untuk menerapkan kefahaman terhadap prinsip-prinsip, nilai-nilai serta konsep dan falsafah koperasi ini, saya mencadangkan supaya diwajibkan setiap ahli koperasi untuk menghadiri kursus sama ada kursus yang dijalankan oleh badan koperasi itu sendiri ataupun kursus yang diadakan oleh Suruhanjaya Koperasi ataupun badan-badan yang terlibat dalam mendidik hal-hal koperasi.

Saya fikir tidaklah munasabah bagi saya, seseorang itu menjadi anggota koperasi jika sekiranya dia sendiri tidak memahami, tidak menghayati nilai-nilai, prinsip-prinsip serta konsep dan falsafah koperasi. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya diwajibkan setiap ahli diwajibkan untuk menghadiri sekurang-kurangnya satu kursus kefahaman sekurang-kurangnya

dalam hal-hal prinsip ini. Kalau boleh ditambah lagi satu, iaitu dalam soal perundangan koperasi, sebab prinsip itu satu, nilai-nilai itu satu, konsep dan falsafah itu satu. Satu lagi ialah dari segi perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang juga disentuh oleh rakan tadi ialah dalam soal pengurusan koperasi itu sendiri. Tentu sekali Lembaga Pengarah mempunyai pekerjaan dan aktiviti yang lain selain daripada koperasi, mereka memerlukan pekerja sepenuh masa untuk menjalankan pentadbiran dan pengurusan koperasi sehari-hari. Tetapi dalam hal ini, setakat ini belum lagi diwajibkan supaya ada orang yang mentadbir ini, sedangkan jika sekiranya tidak ada orang yang mentadbir ini, yang terlatih ini, orang yang diberi gaji dan orang yang memahami, menghayati nilai-nilai, prinsip-prinsip serta konsep dan falsafah koperasi. Oleh sebab itu, banyak koperasi gagal begitu sahaja.

Banyak juga koperasi-koperasi, malah sebahagian besar daripada koperasi, malah semua barangkali gerakan koperasi yang mahukan supaya mereka mempunyai pengurus sepenuh masa, tetapi kadang-kadang mereka ini tidak mempunyai dana atau kewangan yang mencukupi untuk menggaji kakitangan mereka. Dalam hal ini, pihak suruhanjaya hendaklah memikirkan bagaimanakah kita dapat menangani soal pengurusan sehari-hari gerakan koperasi ini, sebab di sinilah sebenarnya letaknya kepincangan dalam keseluruhan gerakan koperasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali sekian lama Jabatan Koperasi telah mengadakan pelbagai program dan juga aktiviti untuk memperkasakan lagi koperasi. Sebagai contoh diberi anugerah, hadiah kepada koperasi yang dikatakan *compliance*, mengikut peraturan-peraturan, undang-undang dan sebagainya dan pelbagai lagi bentuk anugerah yang sudah sekian lama telah dibuat. Tetapi yang menghairankan dalam pengamatan saya, di kawasan saya sebab banyak juga koperasi-koperasi kecil-kecilan di sana, saya melihat, anugerah-anugerah seperti ini sudah tidak diadakan lagi. Anugerah-anugerah tentang koperasi. Tidak kisah walau sekecil mana pun koperasi, jika sekiranya koperasi itu ditadbir dengan baik hendaklah diberikan *appreciation*, sekurang-kurangnya.

Dan, begitu juga dengan penggerak-penggerak koperasi yang telah berkorban. Sebenarnya di negeri Sabah ini salah satu koperasi yang sudah banyak memberi bakti dan telah banyak berkorban telah tidak mengirakan ganjaran dan sebagainya adalah satu koperasi yang telah memperkenalkan sayuran-sayuran *temperate* di negeri Sabah. Pada hari ini, sebagai contoh Kundasang ini pengeluar kubis dan pelbagai sayur-sayuran *temperate*. Sebenarnya sayur-sayuran ini telah diperkenalkan oleh sebuah koperasi dahulu, iaitu koperasi yang dipanggil, kalau tidak silap saya Unit Kinabalu, yang beroperasi di Beluran suatu ketika dahulu dan koperasi ini begitu berjaya.

Di mana koperasi ini terlibat dalam pertanian dan sehinggakan penduduk-penduduk di kampung itu dapat dibantu dan mendapat pendidikan yang tinggi. Orang-orang yang memperkenalkan ini adalah orang-orang yang sebenarnya berasal daripada Eropah. Secara

kebetulan mereka juga terlibat dalam keagamaan dan mereka beroperasi di sana memberi sebagai satu koperasi pemasaran kepada hasil-hasil pertanian di sana dan begitu berjaya.

Malang sekali pemimpin ini sudah beredar ke negara yang lain dan setelah pemimpin ini beredar gerakan koperasi itu hancur begitu sahaja. Sebab tidak ada kesinambungan dari segi orang yang mempunyai nilai-nilai yang memang sekian lama dituntut oleh sesuatu koperasi, iaitu pemimpin yang amanah, yang telus, mempunyai kebertanggungjawaban sosial dan prihatin terhadap masyarakat.

Memang sukar mencari orang yang macam ini. Jadi oleh sebab itu, saya ingat di antara tugas, di antara kewajipan dan tanggungjawab suruhanjaya ini jika sekiranya untuk menjalankan fungsi dalam seksyen 23(d) ini iaitu untuk memelihara nilai dan prinsip koperasi ialah untuk melahirkan orang-orang yang seperti ini.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menyebut tentang Profesor Ungku Aziz. Beliau adalah seorang penggiat koperasi di peringkat paling atas di Angkasa, tetapi bagaimana pula mereka yang bergerak di *grassroots* yang kita tidak kenal. Bagaimanakah kita dapat melahirkan orang-orang seperti ini di peringkat *grassroots*? Oleh sebab itu sekali lagi, saya tidak tahulah apabila kita lihat balik kepada yang asal apa yang kita lihat tadi, komposisi Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya ini semuanya orang-orang daripada perkhidmatan awam, orang-orang yang mempunyai apa yang kita katakan *civil servant mentality*. Bukan orang-orang yang mempunyai pemikiran kemasyarakatan dan bukan orang-orang yang terikat kepada hanya peraturan-peraturan ataupun dari segi keuntungan dan sebagainya.

Sebab itu dalam memilih yang enam itu, ini pandangan saya sahaja kepada pihak menteri, supaya pemilihan enam orang itu hendaklah dibuat dengan teliti, cari orang-orang yang benar-benar bergiat dalam kegiatan koperasi dan orang-orang yang betul-betul mempunyai keprihatinan kemasyarakatan yang tinggi dan yang sudah terbukti.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian khususnya kepada menteri yang telah membawa perubahan yang besar dalam gerakan koperasi ini. Mudah-mudahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini akan berjaya dalam misinya untuk meningkatkan lagi dan menjadikan sektor koperasi ini sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang terbaik. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ledang.

### **3.32 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana berjaya membentangkan Rang Undang-undang yang baru ini. Saya yakin ia akan dapat mencapai sasaran dan hala tuju dalam menghadapi

situasi dalam dunia yang global ini. Seperti yang disebutkan tadi, dengan jumlah harta terkumpul sebanyak RM38 bilion, jumlah ahli satu perlima daripada penduduk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin juga Rang Undang-undang ini akan dapat menyelesaikan segala kemelut yang berlaku terutamanya setelah sekian lama koperasi semacam tersasar arah, ia bergerak daripada satu kementerian kepada satu kementerian. Banyak juga kementerian yang menguruskan koperasi. Jadi akta ini akan dapat mengatasi segala persoalan tersebut.

Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, setelah berada di bawah kementerian selama tiga tahun ini, rakyat pasti menunggu-nunggu ataupun mengharapkan sesuatu yang drastik berlaku ke atas semua koperasi dari segi impak dan sebagainya. Jadi saya ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan beberapa perkara sahaja.

Jika dahulu keahlian koperasi lebih terbuka kepada orang ramai atas sebab yang tertentu seperti hendak meminjam duit yang ada dalam koperasi atau lain-lain sebab. Tetapi sekarang mungkin fungsi itu boleh diperluaskan lagi ataupun minat itu boleh diperluaskan lagi dengan perkara-perkara baru yang saya yakin ada dalam akta ini. Mungkin boleh dikembangkan lagi.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya – ini datangnya daripada kawan-kawan di luar, kalau dahulu, keahlian koperasi kekal kepada tidak kurang 100 orang, mungkin dalam situasi sekarang oleh kerana hendak mempercepatkan pertumbuhan koperasi-koperasi baru ini, mungkin keahlian boleh dikurangkan daripada 100 orang kepada kurang daripada 100, mungkin 50 dan sebagainya.

Kedua, bagi koperasi profesional, mungkin boleh dikurangkan, kalau dahulu mungkin 50 kepada 25. Yang paling penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah mungkin juga boleh diberikan pertimbangan khas kepada kumpulan tertentu untuk menubuhkan koperasi dengan keahlian yang bawah daripada yang ditetapkan. Misalnya bagi sebuah kampung, ahlinya tidak kurang 100, mungkin boleh diberikan pertimbangan khas. Mungkin daripada satu pakatan di kampung hendak mengubah peralatan gotong-royong kepada sebuah koperasi, tetapi ahlinya kurang daripada 100, mungkin boleh diberikan pertimbangan khas dan sebagainya.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang modal insan. Ada dua perkara sahaja. Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita hendak menggalakkan graduan-graduan universiti ini melibatkan diri dengan koperasi, bukan sebagai ahli sahaja, tetapi untuk mereka terlibat secara terus dan melengkapkan diri dalam bidang keusahawanan. Tetapi bagi koperasi-koperasi di luar bandar yang tidak mampu ini, mereka tidak mampu menggaji pegawai-pegawai yang baru *graduate* ini.

Jadi saya hendak cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh bagi tempoh dua tahun ataupun mungkin lebih sedikit, kalau boleh ada satu peruntukan di mana kerajaan menaja (*sponsor*) gaji graduan-graduan universiti yang berkhidmat dengan koperasi-koperasi terutamanya di luar bandar. Sebab mereka ini banyak idea, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak



dikembangkan dalam bentuk yang lebih realistik kerana mereka masih mencari-cari di mana peluang yang ada.

Sebenarnya di tempat saya, Tuan Yang di-Pertua, pun banyak koperasi. Di Kulai pun banyak koperasi. Di Pasir Gudang, apatah lagilah. Tetapi di Pasir Gudang berbeza dengan tempat saya. Di tempat saya masih mencari-cari pegawai-pegawai yang sudi, graduan-graduan diploma atau ijazah, ada MBA dan sebagainya yang sudi hendak bekerja dengan koperasi, tetapi koperasi tidak mampu sedangkan idea mereka sangat baik. Kalaulah ada satu peruntukan kerajaan taja dua tahun, cukuplah. Sebab mungkin dengan idea yang bernas itu, koperasi boleh menambahkan pendapatan dan keuntungannya dengan mereka mampu untuk membayar gaji pegawai yang dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kedua tentang modal insan tadi ialah saya menerima banyak aduan daripada kawan-kawan di mana nampaknya kepimpinan koperasi tertentu ini seperti juga kepimpinan belia, susah hendak bertukar. Sama ada kerana monopoli ataupun tidak ada yang sanggup. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya akta ini, boleh dibuat satu peraturan di mana syarat-syarat menjadi pemimpin boleh dihadkan kepada tempoh masa yang tertentu, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Silakan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kalau boleh, sekejap ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya terpanggil, Tuan Yang di-Pertua, pasal menyebut kepimpinan belia tadi. Dia kata kepimpinan koperasi ini macam kepimpinan belia tetapi saya sangkallah kenyataan itu kerana kita dapati bahawa kepimpinan belia ini sebenarnya sentiasa berubah dan menepati kehendak semasa.

Yang Berhormat bagi Ledang, penjelasan. Koperasi - kita pun tahu sebenarnya ia meletakkan pelaburan keahlian itu sebagai faktor utama kejayaan sesebuah koperasi. Jadi jika ada koperasi yang gagal dalam mentadbir urus koperasi mereka (pengurusan koperasi yang gagal) saya kira ia tidak seharusnya diletakkan kepada kerajaan dan koperasi seharusnya memikirkan bagaimanakah mereka boleh menjana dana dengan melibatkan keseluruhan ahli-ahli.

Yang penting di sini ialah penglibatan massa. Biar ramai ahli dan caruman mereka itu berpatutan dan berkadar dengan kemampuan ahli. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Ledang tentang itu?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangatlah dan masuk dalam sebahagian ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya tentang galakan. Kita hendak mengembangkan koperasi-koperasi ini terutamanya di luar bandar kerana mereka takut hendak melabur dengan lebih besar dan sebagainya. Jadi saya hendak cadangkan kalau boleh mungkin ada satu peruntukan yang tertentu untuk memberi bonus ataupun dana

kepada koperasi yang mengaut ataupun yang menghasilkan keuntungan. Ini sebagai galakan kerana saya tengok keuntungan koperasi terutama di luar bandar ini sangat sedikit.

Mungkin ada satu peruntukan diberikan khas kepada sesebuah koperasi. Umpamanya diberikan geran khas RM10,000 bagi setiap keuntungan RM1 juta, misalnya begitulah. Jadi ini akan memberikan galakan kepada koperasi ini untuk mereka terus maju pada masa akan datang. Tetapi untuk tempoh yang tertentu sahaja supaya mereka ada usaha ke arah itu.

Pada masa yang sama juga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya syarikat-syarikat GLC memainkan peranan mereka di mana mereka mungkin boleh menubuhkan anak-anak syarikat yang boleh bergabung dengan koperasi-koperasi tertentu dalam negara Malaysia terutamanya di luar bandar.

Sebab mereka ini perlu diberikan panduan, diberikan bimbingan. Mereka perlu dibimbing, diberi suntikan, diberikan galakan, mungkin mereka boleh menaja pegawai-pegawai tertentu, graduan-graduan tertentu untuk membela koperasi-koperasi dan inilah masanya Tuan Yang di-Pertua GLC memainkan peranan yang penting...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah 3.40.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ya, betul sikit lagi. Memainkan peranan yang penting dalam menunaikan tanggungjawab mereka. Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah seperti juga suruhanjaya-suruhanjaya yang lain. Kami mengharapkan supaya suruhanjaya ini akan memainkan peranannya yang penting terutamanya di dalam menguatkuasakan aktanya supaya kepentingan ahli-ahli koperasi akan sentiasa terjamin dan setiap ahli koperasi akan menerima impak yang besar terutamanya dari segi keuntungan satu masa nanti setelah mereka menunggu sekian lama terutamanya bagi ahli-ahli koperasi di luar-luar bandar. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada empat ya, saya hanya pilih dua, Yang Berhormat bagi Seputeh sahaja.

### 3.41 ptg.

**Datuk Seri Dr. Haji Syafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bercakap tiga perkara sahaja dan ringkas. Pertamanya saya melihat bahawa koperasi ini merupakan satu *movement* yang begitu kuat. Jika dapat digemblengkan tenaga dia ke arah satu saluran yang tertentu. Ini akan dapat dibuat oleh Suruhanjaya Koperasi jika ini dapat kita sumbangkan kepada saluran tadi.

Keduanya ialah imej koperasi itu sendiri. Dulu imejnya ialah untuk pinjam duit sahaja. saya teringat masa saya muda-muda dahulu bila masuk PTD kita pun pinjam duit koperasi MOCCIS kerana masing-masing hendak kahwin. Selepas itu kita pun bayar bulan-bulan, masuk MOCCIS kerana hendak pinjam duit. Kita harapkan bahawa imej ini akan sedikit demi sedikit kita dapat bersihkan.

Saya cuma hendak bertanya kepada kementerian sama ada sudah atau tidak dibuat satu kajian, bahawa dalam pemerhatian saya koperasi yang dipimpin oleh wanita lebih berdaya tahan dan berdaya maju jika dibandingkan dengan koperasi-koperasi yang dipimpin oleh lelaki. Jadi apakah kriteria-kriteria yang menyebabkan daya tahan, daya saing, daya maju ini dapat dikendalikan oleh koperasi yang dipimpin oleh wanita.

Yang ketiganya kita berharap bahawa Institut Latihan Koperasi yang ada di Petaling Jaya ini dapat kita rancakkan lagi, kalau boleh ramai daripada peserta-peserta koperasi dapat dilatih mengikut tahap masing-masing dan mengikut *career path* masing-masing.

Jadi kita harapkan kalau boleh, koperasi-koperasi ini dapat menghantar pegawai-pegawai seperti menghantar askar ke latihan untuk naik pangkat. Jadi kalau dapat kita tahapkan dia tahap satu, tahap dua, tahap tiga supaya mereka ini dapat menjalani proses latihan ini supaya dapat mereka mengendalikan koperasi mereka dengan cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Seputeh.

### **3.43 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia kita mempunyai lebih daripada lima ribu koperasi dengan keahlian yang melebihi 5.2 juta. Sekiranya kita memasukkan ahli keluarga semua ahli koperasi ini, jumlah orang yang terlibat adalah lebih kurang 13 juta orang. Ini bermaksud koperasi di Malaysia secara tidak langsung melibatkan 50% daripada jumlah kependudukan negara kita.

Bolehlah dikatakan bahawa pergerakan koperasi Malaysia telah pun menjadi sektor ketiga besar dalam ekonomi kita. Koperasi telah bermula di Malaysia selama 87 tahun walaupun negara kita mencapai kemerdekaan selama 50 tahun sahaja. Sektor ini telah lama diabaikan dan wujudnya banyak kelemahan yang dikehendaki perhatian serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, media telah melaporkan bahawa ramai pegawai kerajaan tidak mampu membawa gaji balik ke rumah selepas menjelaskan semua bayaran keperluan dan hutang-piutang mereka. Jadi sesetengah pegawai kerajaan perlu mencari jalan baru untuk menambah pendapatan mereka.

Kalau kita meneliti Laporan Tahunan Angkasa, kita mendapati Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi dibayar elaun sebanyak RM1,200 manakala pegawai koperasi yang lain menerima elaun daripada pertubuhan Koperasi Kebangsaan. Walaupun Presiden Angkasa telah pun menafikan beliau menerima elaun, tetapi laporan tahunannya menunjukkan dia menerima elaun sebanyak RM25,382. Sebagai pemantau yang tertinggi dalam sektor ini, pegawai kementerian tidak harus mengambil apa-apa ganjaran daripada mana-mana koperasi. Ini kerana ia akan menjejaskan kebebasan kementerian sebagai pemantau dalam urusan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu koperasi telah pun luput pendaftaran dan banyak di antaranya tidak mengadakan mesyuarat tahunan mereka. Saya ingin tanya apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kementerian terhadap koperasi yang telah menjadi telah dorman ini.

Prinsip "satu orang, satu undi" juga telah dicabuli dalam sesetengah pemilihan koperasi. Dalam pemilihan tahunan Angkasa, kehadirannya dimonopoli oleh para guru yang mana bukan ahli kepada koperasi sekolah. Begitu juga dengan koperasi MCIS itu *Malaysian Co-Operative Insurance Society*. Ia menjalankan proses pengundian secara berkelompok ataupun *voting in bulk* dalam pemilihannya. Kesemua ini adalah bercanggah dengan prinsip "satu orang, satu undi" dalam pemilihan sesebuah organisasi.

Telah menjadi amalan bagi *auditor* koperasi untuk berdaftar dengan *Institute of Cooperative Auditors*. Masalahnya ialah institut yang berdaftar di bawah akta syarikat ini telah pun menjadi tidak sah ataupun *defunct*. Jadi apakah ini menunjukkan akaun bagi semua koperasi juga akan menjadi tidak boleh dipakai kerana *Institute of Cooperative Auditors* ini telah pun menjadi tidak sah. Adalah sedih bahawa *Institute of Cooperative Auditors* yang tidak sah ini masih dibiayai oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, *Cooperative Central Bank* tumbang pada tahun 1996, koperasi telah pun diarahkan untuk *write off* ataupun menghapuskan pelaburan saham mereka daripada akaun koperasi mereka. Soalannya ialah, bangunan CCB ini masih wujud di nombor 29, Lebu Ampang, Kuala Lumpur. Apakah kegunaan bangunan tersebut? Mengapakah kerajaan tidak menjual aset ini dan memulangkan hasil jualan kepada para pemegang saham. Bolehkah kerajaan memberi jaminan kepada penyimpan bahawa simpanan mereka akan dipulangkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Koperasi Kebangsaan yang diperkenalkan dalam Februari tahun 2004, Perdana Menteri dalam ucapannya kepada Koperasi Kebangsaan ini telah pun mengkritik masalah kekurangan profesionalisme dan keperluan bagi pergerakan koperasi untuk mengatasi masalah kekurangan penyertaan, kekurangan profesionalisme dan kekurangan produktiviti.

Saya ingin bertanya apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menambahbaikkan prestasi koperasi di negara kita. Ada pihak yang mendapati bahawa kerajaan akan menggunakan RM50 juta setiap tahun untuk menanggung perbelanjaan Suruhanjaya Koperasi ini adalah satu bentuk pembaziran. Kebanyakan koperasi di seluruh dunia adalah berkaitan dengan sektor pertanian. Tetapi di Malaysia, koperasi dalam sektor pertanian bukan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, tetapi mereka diletakkan di bawah kementerian yang lain? Mengapakah ini berlaku?

Saya difahamkan bahawa 70% daripada aset koperasi dipunyai oleh Bank Rakyat yang mana dikawal dan dipantau oleh aktanya sendiri. Apakah wajar bagi kerajaan untuk

menubuhkan Suruhanjaya Koperasi dan dibiayai dengan RM50 juta untuk memantau aset yang 30% yang tertinggal bagi koperasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menunjukkan percanggahan yang wujud dalam Rang Undang-undang ini. Sekiranya kita rujuk Fasal 3 (2) dalam Rang Undang-undang ini, ia menyatakan suruhanjaya adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya.

Tetapi kalau kita lihat Fasal 60(1) dalam rang undang-undang ini ia berbunyi seperti berikut:

*“Tidak ada tindakan guaman, pendakwaan atau apa-apa juga prosiding boleh dikenakan, diambil, dimulakan atau dikekalkan di dalam mana-mana mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain terhadap Kerajaan Malaysia atau kerajaan negeri, Suruhanjaya, dan lihat mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja mana-mana kerajaan atau Suruhanjaya sama ada secara peribadi atau atas sifat-sifat rasminya atau, mana-mana orang yang dengan sah bertindak bagi pihak kerajaan, Suruhanjaya, pegawai atau pekerja sama ada secara peribadi atau atas sifat orang yang melakukan bagi pihak tersebut”.*

Jadi kita lihat kedua-dua fasal ini sebenarnya saling bercanggah. Fasal 3(2) yang menyatakan guaman di atas Suruhanjaya. Tetapi yang di belakang ia menyatakan Suruhanjaya dan pegawainya mempunyai imuniti. Jadi saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, kenapakah percanggahan seperti ini berlaku dalam rang undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua, koperasi merupakan organisasi individu yang sama seperti syarikat dalam Akta Syarikat. Ia membayar cukai dan mereka juga dipaksa untuk menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Pusat Koperasi di bawah kawalan kerajaan. Sekiranya kita lihat Fasal 41(3) dalam rang undang-undang ini, kita mendapati bahawa koperasi dipaksa untuk memberi sumbangan kepada lima tabung ataupun lima dana lagi iaitu Akaun Deposit Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, Akaun Penglikuitasian Koperasi, Kumpulan Wang Likuititi Pusat dan juga fasa 41(3G). Apa kumpulan wang lain yang ditubuh oleh Suruhanjaya dengan kelulusan Menteri?

Saya berpendapat fasal ini memang merupakan satu bentuk eksploitasi bagi koperasi kerana ia menunjukkan bahawa kerajaan ingin mengeksploitasi dana dalam koperasi dan mengurangkan keuntungan yang sepatutnya dinikmati oleh koperasi dan akhirnya ia akan mengurangkan dividen yang akan diperolehi oleh ahli-ahli dalam koperasi. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri jelaskan kenapa Kumpulan Wang Amanah ini diwujudkan?

Tuan Yang di-Pertua, koperasi telah pun memberi sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi selama 35 tahun. Ia juga telah menyumbang kepada Kumpulan Wang Pusat Koperasi sejak tahun 1994. Soalannya, di manakah transparensi dan ketelusan kedua-dua wang amanah ini? Pihak berkenaan tidak pernah mengumumkan akaun tentang bagaimana mereka menggunakan wang dalam Kumpulan Wang Amanah tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengumumkan akaun kedua-dua Kumpulan Wang Amanah ini kepada pihak media, kepada semua koperasi di negara kita dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini supaya kita tahu bagaimana sumbangan Kumpulan Wang Amanah ini telah pun digunakan?

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika kerajaan telah menyuntik berjuta-juta ringgit dalam Koperasi KOPENA dan Koperasi KOPENA sekarang berhutang RM6.5 juta kepada Storage Enterprise dan RM9.5 juta kepada Koperasi REAL. Selain itu, KOPENA masih hutang Koperasi KOPEMA. Saya ingin tanya apakah sebab yang menyumbang kepada masalah kewangan Koperasi KOPENA dan juga apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian dalam koperasi ini. Pelan tindakan daripada *National Economic Action Council* (NEAC) telah mendedahkan banyak kelemahan dalam sektor koperasi tetapi pihak kerajaan termasuk rang undang-undang ini, kelihatan tidak mengambil apa-apa tindakan untuk mengambil kesemua kelemahan ini. Akhirnya, saya gulung, gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Panjang lagi, baik... baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pergerakan koperasi pengambilan simpanan pernah tumbang pada tahun 1988 dan pergerakan koperasi kita memang mempunyai banyak kelemahan. Apakah Kementerian pernah membincangkan kesemua cadangan dalam rang undang-undang ini dengan para pengurus koperasi dan konsultan koperasi? Bukankah penting bagi kementerian untuk menjalankan kajian yang mendalam dan juga berdialog dengan para pengurus koperasi sebelum kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Koperasi dan membuat pindaan dalam Rang Undang-undang Koperasi yang akan datang. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebelum saya minta menteri jawab, saya membenarkan lagi dua orang Ahli Yang Berhormat berucap. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan selepas itu Rembau.

**3.56 ptg.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas bijaksana memberi pertimbangan dua orang. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi, walaupun masa yang singkat saya telah meneliti Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 ini mempunyai tujuh bahagian, 63 Fasal, 52 muka surat ini, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang masih muda, berfikiran jauh

mewujudkan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi ini kerana untuk membela meningkatkan perancangan pembangunan ekonomi koperasi. Bagi saya, saya akui bahawa saya kahwin dulu tahun 1975, tahun 1976 saya ambil koperasi sama dengan Jasin. Isteri, rumah saya, perabot semua daripada koperasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bayar balik tak selepas itu?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya. Jadi saya rasa terhutang budi. Koperasi membenarkan pinjaman tetapi koperasi bukan berbentuk pinjaman sahaja, kita nak ia berbentuk lebih jauh Tuan Yang di-Pertua. Berbentuk *commercial life*, ekonomi yang berkembang sebab saya melihat kepada dasar-dasar yang disebut dalam Islam Hadhari. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dalam prinsip yang kelima ada disebut, saya cuba tengok kalau silap sikit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Apa kata prinsip kelima?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang kelima ialah pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, bukan sahaja kita meminjam tetapi kita hendak mengembangkan ekonomi secara komprehensif. Oh, Tangga Batu baru nak naik minyak, tidak apa terpaksa bagi.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sebelum dia naik minyak Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Yang Berhormat dapat mengaitkan tentang usaha Kementerian Kerajaan di dalam membela nasib masyarakat di negara kita. Ini menampakkan yang kerajaan kita benar-benar membela nasib rakyat. Yang Berhormat saya hendak minta komen pasal Yang Berhormat banyak sebut dalam Islam Hadhari dan sebagainya.

Semalam dalam Harakah *Daily* Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertua PAS ada menyebut tentang UMNO tunggak kerajaan hari ini sebagai musuh negara nombor satu mengambil tempat dadah dan komunis suatu ketika dahulu. Apa komen Yang Berhormat? Ini penting ini. Presiden PAS kata UMNO musuh negara nombor satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tidak ada hubung kait dengan parti.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ada hubung kait Tuan Yang di-Pertua. Ada. Menteri kita daripada UMNO, orang kuat membela orang muda dan hari ini orang PAS kata UMNO musuh negara nombor satu dan Yang Berhormat Pasir Puteh memang pakar dalam bidang ini. Cuba Yang Berhormat jelaskan ini. Kenyataan ini betul ke tidak betul ke? Macam mana? Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ini kenyataan serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kenyataan ini adakah ada hubung kait dengan koperasi?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Dia tidak ada hubung kait koperasi Tuan Yang di-Pertua, tetapi hubung kait dengan menteri dengan saya, dengan Tangga Batu. Tetapi saya akan bincang di luar tetapi saya *highlight* Islam Hadhari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu boleh bawa balik sama ada di Perhimpunan UMNO atau...

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, di Perhimpunan UMNO insya-Allahlah akan berapi.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat komen kenyataan itu.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tetapi ini Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Hadhari, masyarakat yang maju, masyarakat yang tamadun, masyarakat yang berfikiran jauh. *World class mentality* dengan izin. *World class* Parlimen, *world class mentality* kalau seorang pemimpin mengatakan pemimpin kita tidak bagus sebab dia sendiri tidak bagus sebab orang kata kita gila, dia gila. Itu saja saya jawab. Mesti dia adalah musuh parti, bukan musuh politik. Kalau politik dia tidak akan bermusuh sebab Hadhari politik sama. Berbeza parti, politik sama. Betul tidak? *Correct, right or wrong* dengan izin. Jadi saya teruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Menyampuk*].

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertua PAS itu..., PAS itu betul tetapi individu itu yang bawa PAS tidak betul. *Correct?* Yang bawa PAS itu tidak betul. Kereta sudah bagus, *driver* tidak bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh bawa perkara ini bincang.....Cukup untuk malam ini.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya saya bawa di luar saja, fasal semangat Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua apabila prinsip yang kelima Islam Hadhari membangun ekonomi, kita tengok pula dalam misi nasional. PM nyatakan yang pertama meningkatkan ekonomi dalam ringgit nilai yang lebih tinggi, erti yang lebih cemerlang, lebih *excellent*. Ini yang kita hendak, prinsip yang ada dalam misi nasional pun begitu, dalam [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] ia ada menyebut Tuan Yang di-Pertua. Ia menyatakan mesti jaga harta ... Ini bahasa Arab tidak boleh terjemah. Mesti jaga harta. Ertinya tiga prinsip ini telah disatukan dalam prinsip Islam Hadhari yang boleh diterima oleh semua. Parti pembangkang pun boleh terima, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pun boleh terima.

Saya menyokong idea dia tadi, tetapi masa itu saya tidak boleh sokonglah, sekarang saya sokong idea dia. Siapa salah dalam parti atau koperasi, ambil tindakan. Nabi kata "hatta Fatimah potong tangan anakku kalau dia bersalah". Siapa sanggup potong tangan anak? Inilah Hadhari sahaja yang sanggup.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meng*highlight*kan Hadhari dalam semua aspek supaya sejajar dengan koperasi. Maka dengan sebab itu bagi saya undang-undang yang



diwujudkan ini untuk Suruhanjaya Koperasi satu lagi kekuatan, satu lagi idea baru yang dicetuskan oleh Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan daripada Kabinet beliau. Daripada jabatannya, kementeriannya telah mencetuskan idea supaya koperasi ini benar-benar baik. Saya hendak supaya halakan koperasi di Kelantan supaya petani-petani PPK persatuan-persatuan peladang gunakanlah koperasi kalau kita hendak maju, hendak bela rakyat petani-petani.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Kita hendak jadikan petani kampung apa salahnya kita buat *feed lot* pelihara lembu dengan cara berkelompok, secara berkelompok jangan individu. Buatlah koperasi, kita sudah berjaya hari ini sejak saya balik Pasir Puteh ekonomi nampaknya meningkat. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian ada di sini. Sudah hadir Pasir Puteh Ubi *wood*, kita akan tubuh kilang, kenal kita akan tubuh kilang, jagung madu, kita akan tubuh kilang, cuma jangan tubuh bermadu. Itu pahit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ubi *wood* tidak boleh makan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ubi *wood* tidak boleh dimakan, babi makan babi mampus, lembu kembung perut mampus. Hanya orang tidak boleh makan, ia dibuat plastik dan boleh buat macam-macam untuk *commercialize*. Jadi saya rasa saya baru seminit, Tuan Yang di-Pertua masuk. Ini minit yang kedua.

[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada rekod Yang Berhormat. Hadhari tidak boleh berbohong.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya akan bercakap benar. Sebelum saya gulung saya hendak bercakap di sini ialah saya tertarik dengan apa yang dipersembahkan oleh Jawatankuasa Penggubalan Rukun Negara. Sebenarnya prinsip Rukun Negara kita belum amal semua. Kita belum memahami, faham sudah faham tetapi belum mengamalkan semua. Kalau kita tengok prinsip Rukun Negara bukan hendak bersyarah bab Rukun Negara, percaya kepada Tuhan ertinya kepercayaan kepada agama masing-masing kepercayaan kepada *God*. *God knows*, kalau kita buat dalam koperasi menyeleweng *God knows*. Tetapi *God knows* inilah yang kita tidak fahamnya. Kerajaan tidak tahu, audit tidak tahu, BPR tidak tahu, polis tidak tahu, kita boleh menyeleweng. Itu mana pergi KUB, mana pergi koperasi dalam PAS. Ke mana pergi koperasi CCB? Saya juga RM5 ribu hilang, mana pergi CCB? Siapa Australia, kenapa bawa duit berbilion-bilion? Ini adalah penipuan kerana dia tidak tahu *God knows*. Dia mati besok dibakar, *go to hell* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Menyampuk]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Jangan sampuk Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya pun tidak bangun tadi. Saya bersemangat ini. Sebab itulah saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, hendak cakap banyak pun tidak berguna. Apa pun undang-undang, apa pun peraturan....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan sebelum digulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Allah, terpaksa bagi kepada Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Memang saya mengikuti ucapan Yang Berhormat begitu bersemangat sekali dan kita pun sokong Suruhanjaya Koperasi ini. Tetapi kalau setakat semangat sahaja, Jabatan Koperasi hendak minta tambah pegawai pun JPA tolak, apa yang hendak dibuat? Jadi hanya tukar nama sahajalah. Daripada Jabatan Pembangunan Koperasi pergi Suruhanjaya dan masalah-masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu banyak dan kemungkinan kalau Suruhanjaya ini dapat tambah pegawai, saya kira masalah yang dihadapi yang mana syarikat-syarikat koperasi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi tidak akan berlaku kerana kita ada cukup pegawai untuk mengawas perjalanan koperasi mengikut daripada prinsip-prinsipnya. Ini minta JPA, 'No' Macam mana ini? Hadhari macamana ini Yang Berhormat?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat abang saya Yang Berhormat bagi Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita setiap *planning*, ia hendak *organizing* mesti ada *man power*. Mesti ada mekanisme. *Man power* mesti cukup. Yang Berhormat menteri akuriah cakap abang saya Yang Berhormat bagi Jasin tadi jadikan sebahagian ucapan saya. Mesej dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat mana abang mana adik tidak tahu Yang Berhormat ?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tidak tahulah, tetapi nampak rambut uban dia.

[Ketawa]

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri jangan takut, jangan bimbang. *We have knowledge, we have power, we have money we can do anything.* Tetapi kena buat dengan izin Tuan Yang di-Pertua, buat yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Jangan kita menyalahi. Maka saya hendak gulungnya ialah apa pun rang undang-undang, apa pun akta, apa pun enakmen yang ada di jabatan-jabatan agama negeri, apa pun peraturan, apa pun *circular*, apa pun pekeliling

dari perbendaharaan, mesti kita akur. Ini adalah untuk kebaikan kita. Maka amanah menjadi tunjang Tuan Yang di-Pertua.

Kalau tidak ada amanah, pecah amanah. *Corrupt-corrupt* itu pecah amanah. Tetapi saya sedih apabila Ketua Pembangkang banyak kali *corrupt* saya sedih sebab saya Hadhari. Dia dok sebut *corrupt* sana *corrupt* sini memang *corrupt* sungguh. Tetapi janganlah kita tuduh *corrupt* kalau dia belum *corrupt*. Itu salah. Jangan kita mendahulukan mahkamah kita menghukum lebih daripada mahkamah. Kita kena *slow* sedikit sebab *corrupt-corrupt* ini. Kalau-kalau sama-sama kita bisik di kedai kopi jangan buat *corrupt*, undang-undang berat. Lebih baik.

Jangan buka keaiban seseorang di dalam Dewan ini Allah buka keaiban kita besok. Ini untuk mengingati diri saya dalam Hadhari Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan sebab itu saya hendak kementerian di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri kita, hendaklah kita jalankan betul-betul koperasi ini kita biar sampai kepada *grass root level*, sampai ke akar umbi. Kita tidak hendak peringkat atas, peringkat bandar peringkat desa, tetapi kita hendak sampai ke peringkat kampung. Inilah yang boleh kita laksanakan, tidak cukup *man power* tambah, duit sudah ada RM38 bilion bukan sedikit RM38 ribu juta, bukan RM38 juta, RM38 ribu juta bagaimana?

Besar Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sejuta letak dalam Tabung Haji saya boleh pergi Mekah setiap tahun. Modal tidak habis untung bertambah. Bubuh dalam Bank Rakyat lagi banyak 11%. Jadi sebab itulah saya amat menyokong penuh sebagai seorang yang muda dalam Dewan selepas kalah diisytiharkan menang saya tidak perlu bercakap dengan lebih kuat, tetapi semangat saya itu semangat koperasi ini ada dalam diri saya, insya-Allah saya akan menjadi apa-apa pendukung pendorong kuat apabila koperasi berjalan di Parlimen saya. Insya-Allah itulah harapan saya semoga rang undang-undang ini diluluskan dan saya menyokong penuh supaya dapat diimplementasikan dengan sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rembau kemudian kementerian jawab.

#### **4.08 petang.**

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri yang akhirnya dapat membentangkan satu rang undang-undang yang saya rasa akan dapat memberangsang pembangunan koperasi di negara kita dengan lebih baik lagi memandangkan koperasi merupakan sektor ketiga pembangunan negara. Dengan penubuhan suruhanjaya ini juga kita berharap kesemua koperasi yang sekarang ini terletak di bawah dua kementerian yang berasingan iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan dapat digabungkan dan dengan itu usaha-usaha untuk membangunkan koperasi akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, 70% daripada 5,000 koperasi ini adalah terletak di luar bandar dengan modal daripada RM37 bilion tadi, RM18 bilion atau 48% dimodali oleh koperasi di luar bandar. Cuma masalahnya sebahagian daripada besar koperasi di luar bandar ini masalah yang dihadapi ialah masalah kekurangan modal kerana sumbangan modal yang rendah, kekurangan aktiviti ekonomi yang boleh membawa manfaat kepada anggota. Anggota lembaga kurang aktif, dan kurang minat untuk menguruskan koperasi, kurang penglibatan sepenuh masa anggota dalam aktiviti yang dijalankan, kurang tenaga profesional dan juga kurang golongan pelapis yang berminat untuk meneruskan aktiviti koperasi.

Jadi maknanya tadi dua perkara pokok iaitu soal modal dan soal pembangunan modal insan. Saya nak cadangkan sekarang ini kita sudah ada Maktab Koperasi yang telah wujud agak lama. Jadi untuk menunjukkan keseriusan pihak kerajaan melatih modal insan untuk sektor koperasi ini, saya cadangkan supaya Maktab Koperasi ini dinaikkan tarafnya kepada sebuah universiti, mengadakan kemudahan-kemudahan latihan yang lebih banyak seperti di peringkat sijil, di peringkat diploma juga peringkat pasca ijazah, supaya dengan itu latihan yang lebih khusus dan lebih menyeluruh dapat diberikan kepada anggota-anggota koperasi khususnya di luar bandar.

Sebab kita perhatikan sekarang ini di luar bandar kadang-kadang lembaga pengarahnya jugalah yang menjadi tenaga pengurusnya. Yang sebaik-baiknya seperti yang diamalkan di sektor korporat lembaga pengarah diasingkan dengan tenaga pengurusan sesuatu badan itu supaya dengan itu akan ada *check and balance*.

Jadi dalam masa yang sama juga saya nak cadangkan supaya pengurus-pengurus koperasi tadi, di mana boleh hendaklah disyaratkan sekurang-kurangnya memiliki diploma yang dikeluarkan oleh Maktab Koperasi yang telah dinaikkan taraf tadi.

Dalam masa yang sama juga tentulah kita berharap JPA juga akan memberi pengiktirafan kepada sijil-sijil, diploma yang dikeluarkan dan juga ijazah yang dikeluarkan oleh Maktab Koperasi yang telah dinaikkan taraf tadi.

Ahli Yang Berhormat semua dan Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama juga saya berharap pihak kerajaan akan dapat menimbang supaya soal keanggotaan lembaga-lembaga pengarah tadi diperbesarkan sedikit.

Sekarang ini dicadangkan ada 12, saya cadangkan supaya ditambah menjadi kepada 15 atau 16 orang. Dengan 10 orang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dengan sekurang-kurangnya lima orang daripada mereka yang berpengalaman dalam pergerakan koperasi.

Inilah untuk memberi peluang yang lebih luas kepada mereka yang telah berkecimpung di dalam bidang koperasi yang terdapat pelbagai koperasi supaya boleh sama-sama memberikan sumbangan dan idea untuk suruhanjaya ini supaya dapat berjalan dengan lebih baik dan berkesan.

Dalam masa yang sama juga saya mencadangkan supaya koperasi dapat bergerak dengan lebih cergas supaya lebih banyak hub koperasi, iaitu lebih banyak diwujudkan pusat membeli belah untuk koperasi usahawan di peringkat negeri.

Dalam masa yang sama juga diberi lebih banyak ruang niaga bersama-sama dengan kementerian untuk dijadikan hub koperasi dan usahawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Tangga Batu, sila.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minat pasal saya tahu Yang Berhormat Rembau ini adalah mantan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Gerakan Belia 4B.

Apakah komen Yang Berhormat tentang aktiviti koperasi hari ini yang tumbuh seperti cendawan yang lebih cenderung kepada projek-projek yang berbentuk *one off* daripada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri berbanding dengan kegiatan-kegiatan harian yang sebenarnya kekuatan koperasi selama ini, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tangga Batu, jadi kalau tanya pandangan saya koperasi ini seharusnya wujud sebagai satu institusi yang menjadi tulang belakang ekonomi negara. Khususnya di luar bandar sebab di negara-negara lain yang lebih maju koperasi juga memiliki bank, memiliki syarikat yang besar-besar dan sebagainya.

Dalam usaha untuk membudayakan koperasi di peringkat lebih awal saya cadangkan supaya semua sekolah, sekolah menengah walaupun kita sudah ada sekarang seribu lebih koperasi di sekolah menengah.

Kita cadangkan semua sekolah menengah dan institusi-institusi pengajian tinggi menubuhkan koperasi. Di sekolah kita harap peranan yang lebih luas diberi kepada koperasi untuk bukan sahaja mengendalikan pembelian atau penjualan buku-buku sekolah tetapi juga untuk mengendalikan kantin di sekolah. Supaya dengan itu budaya keusahawanan akan dapat diwujudkan dengan lebih awal dan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga melihat kita ada lebih kurang 112,000 ibu tunggal di seluruh negara mengikut bancian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Mereka ini sebahagian besarnya mempunyai anak yang masih bersekolah malah ada yang 13 orang satu keluarga. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya usaha yang berterusan dan terancang dilakukan untuk membela nasib golongan ibu tunggal ini.

Dalam hubungan ini saya cadangkan supaya lebih banyak lagi kalau boleh di tiap-tiap daerah ditubuhkan koperasi wanita daerah. Saya lihat ada beberapa daerah ditubuhkan dan sangat berjaya sebab wanita ini dia sangat komited. Dalam UMNO sendiri pun kalau tak ada wanita mesyuarat cawangan tidak ada korum.

Jadi saya harap saya dah lihat, saya pun selaku Pengerusi Majlis MAYANG di peringkat daerah memang ramai wanita yang *underemployed*, maknanya tadi anak dia dah besar dan juga yang masih ada anak sekolah yang sangat-sangat memerlukan bimbingan daripada pihak kerajaan, untuk menjalankan perniagaan.

Saya rasa koperasi inilah salah satu cara yang paling berkesan supaya tenaga wanita yang ada di luar bandar ini tadi dapat kita gembengkan dan dalam yang sama bagi mereka yang masih muda yang masih berkemampuan kita boleh jadikan mereka sebagai *entrepreneur*. Dalam masa yang sama kita menyelesaikan masalah ibu tunggal di luar bandar dan juga di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga berharap dengan adanya suruhanjaya ini lebih banyak juga kemudahan tabung modal pusingan dan juga Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi akan ditambah modalnya, untuk memberi pembiayaan dan pinjaman kepada koperasi-koperasi menjalankan projek-projek berdaya maju dengan syarat-syarat yang mudah dan bayaran perkhidmatan yang munasabah.

Selain daripada itu saya juga setuju dengan cadangan rakan-rakan tadi, kalau boleh dilonggarkan sedikit syarat-syarat penubuhan koperasi tadi, sebab sekarang ini syaratnya mestilah sekurang-kurangnya 100 ahli. Saya cadangkan supaya diturunkan kepada 50 orang supaya dengan itu, di tiap-tiap kampung atau di tiap-tiap JKK kita boleh wujudkan koperasi.

Dalam masa yang sama kita harap koperasi akan jadi pembekal bahan-bahan keperluan penduduk kampung dan dalam masa yang sama juga koperasi akan jadi *marketing* ejen kepada produk-produk yang dikeluarkan sama ada oleh KPW (Kumpulan Pembangunan Wanita) ataupun oleh badan-badan lain di kampung itu.

Jadi dengan cara itu saya percaya penduduk luar bandar yang tidak mampu, jadi seorang usahawan sekurang-kurangnya dia boleh jadi ahli koperasi dan dia juga dapat manfaat dari segi pembekalan barang-barang keperluan yang lebih murah dan dalam masa yang sama juga dia akan dapat dividen dan bonus yang dikeluarkan oleh koperasi tadi jika mendapat keuntungan dari masa ke semasa. Dengan itu saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk memulakan jawapan.

#### **4.17 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada hari ini, yang mana terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Sri Gading, Beluran, Jasin, Kubang Kerian, Tuaran, Ledang, Kuala Langat, Seputeh, Pasir Puteh dan juga Rembau.

Sememangnya bagi pihak kementerian kita menghargai pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam perbahasan ini, yang meliputi bukan sahaja memberi sokongan terhadap penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia tetapi yang lebih penting ialah sama-sama memahami dan meletakkan harapan yang tinggi terhadap sektor ini.

Sama ada dalam soal menjadikan sektor ini sebagai sektor ketiga menjana pertumbuhan ekonomi negara mahupun sebagai satu institusi yang diharapkan dapat mengubah nasib rakyat dan sebagainya.

Berasaskan kepada pandangan-pandangan itulah pihak kementerian sejak daripada tahun 2005 lagi, dalam bulan Mac telah mengambil pendekatan untuk memberi kefahaman dan kesedaran khususnya kepada orang ramai. Termasuklah pemimpin khususnya pemimpin dan anggota-anggota koperasi mengenai usaha yang hendak dilakukan oleh kerajaan dalam soal memperkenalkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi negara ini.

Kita telah mengadakan pelbagai bentuk program penerangan sama ada melalui kursus, seminar, taklimat, bengkel dan sebagainya di mana sepanjang tahun 2006 sejumlah 53,000 koperator telah menghadiri program yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pembangunan Koperasi. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai usaha kerajaan untuk mewujudkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini bagi menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi. Berasaskan kepada pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dalam Dewan ini, bagi pihak kementerian sememangnya kita menyedari dan mengakui kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sektor koperasi, kita sedar akan cabaran-cabaran yang ada untuk sektor ini serta kita tidak menafikan harapan dan keyakinan semua termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap sektor ini.

Maka berasaskan kepada itu, maka pada hari ini ia menjadi antara sebab mengapa kita membentangkan fakta ini yang membolehkan Jabatan Pembangunan Koperasi diubah menjadi sebuah suruhanjaya. Sebabnya ialah kerana skop dan fungsi yang dicadangkan bagi suruhanjaya ini adalah jauh lebih besar dan mencabar daripada fungsi yang ditangani oleh pihak Jabatan Pembangunan Koperasi. Sekali gus dengan tindakan yang diambil itu iaitu meningkatkan lagi keberkesanan dan kemampuan suruhanjaya itu maka segala masalah, isu, cabaran dan kelemahan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi sedikit-sebanyak kita mengharapkan dapat kita sama-sama atasi. Dan seterusnya kita membantu menyumbang kepada usaha untuk kita mengukuhkan lagi kedudukan sektor koperasi dalam negara kita di samping kita dapat memenuhi matlamat sektor koperasi itu sebagai sektor yang ketiga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara kita.

Oleh itu, saya berharap dan ingin memberi jaminan bahawa soal perubahan Jabatan Pembangunan Koperasi ini kepada sebuah suruhanjaya ianya bukanlah hanya sekadar untuk menukar nama dan untuk tidak melakukan apa-apa bagi mengatasi segala kelemahan yang selama ini dihadapi dalam sektor koperasi semasa kewujudan Jabatan Pembangunan Koperasi.

Antara perkara-perkara yang sememangnya akan dilakukan seperti yang terdapat dalam peruntukan-peruntukan yang ada di dalam akta ini ialah dengan adanya peruntukan-peruntukan undang-undang yang akan meningkatkan lagi kuasa suruhanjaya dan juga memberi pengawasan yang rapi oleh suruhanjaya terhadap koperasi-koperasi dalam negara kita.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang mengalu-alukan penubuhan suruhanjaya ini. Cuma apa yang saya hendak persoalkan di sini ialah dapatkah Yang Berhormat sebutkan di sini kelemahan-kelemahan yang dianggap begitu dengan izin *peculiar*, yang kita anggap yang tidak dapat kita elakkan.

Walhal pihak jabatan yang dulu iaitu Jabatan Pembangunan Koperasi, ia ada maktab untuk kita bagi latihan dan pegawainya turun padang, buat lagi penerangan dan penjelasan. Tetapi apakah kelemahan yang sebenarnya dan apakah dengan adanya suruhanjaya ini dapat mengatasi kelemahan tadi? Saya masih percaya dalam pergerakan koperasi. Saya pun ahli koperasi dan saya tahu keuntungan serta kehebatannya. Malah kalau kita lihat dengan kenaikan harga barang juga, koperasi-koperasi kita tidak begitu berperanan dalam mencari jalan supaya ahli-ahlinya mendapat barangan yang murah. Terima kasih kalau Yang Berhormat dapat beri penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih Yang Berhormat. Antara dua perkara yang dirasakan dapat diatasi apabila kita mewujudkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini ialah dalam soal untuk melahirkan kestabilan dalam sektor koperasi. Yang keduanya ialah dalam menentukan koperasi dengan kita menggalakkan mereka menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi, mereka tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan dana bagi membiayai usaha-usaha pelaburan mereka dan sebagainya. Ini merupakan dua perkara yang sektor koperasi pada ketika ini menghadapi masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa dengan pembentukan suruhanjaya ini akan memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk menentukan ataupun memastikan kelancaran koperasi-koperasi yang ada. Saya cuma hendak tanya kuasa yang bagaimana? Adakah mereka selama hari ini pun mereka tidak ada suruhanjaya ini, sudah ada campur tangan daripada pihak pendaftar?

Tentang pemilihan Lembaga Pengarah - adakah dengan adanya suruhanjaya ini akan membuatkan mereka lebih berkuasa untuk menentukan siapa yang duduk dalam koperasi tersebut. Kalau inilah yang terjadi, saya tidak nampak bahawa wujudnya suruhanjaya ini akan



memantapkan lagi perjalanan koperasi ini. Kita tidak mahu campur tangan dalam pemilihan Lembaga Pengarah, kita serahkan kepada ahli-ahli. Biar siapa pun yang mereka hendak lantik.

Jangan oleh kerana ada kegarangan, misal katalah di kalangan ahli-ahli Lembaga Pengarah itu boleh bercakap, yang boleh menegur pejabat pendaftar umpamanya, boleh menegur pihak atasan dalam sesebuah pertubuhan itu. Ada campur tangan orang lain pula hendak menentukan siapa yang layak duduk dalam koperasi ini. Jadi kalau inilah yang berlaku, saya nampak ini satu perbuatan yang tidak sihat.

Jadi kalau ada suruhanjaya ini semata-mata hendak menentukan perjalanan yang betul di atas landasan yang betul supaya mereka hendak menteri yang ada *vision*, kita terima dengan tangan yang terbuka. Tetapi kalau ini satu kuasa yang semata-mata diberikan kepada mereka yang boleh menyebabkan rasa yang tidak puas hati kepada mana-mana Lembaga Pengarah Koperasi yang ada, saya mintalah supaya dipastikan tidak berlaku. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Mengenai perkara yang pertama iaitu bukanlah tujuan suruhanjaya itu untuk mengganggu ataupun mengacau pentadbiran dan perjalanan koperasi-koperasi kerana kita memahami prinsip demokrasi dalam koperasi. Tetapi lebih untuk menentukan wujudnya kestabilan dalam sektor ini iaitu seperti yang kita sedia maklum, ada di antara koperasi-koperasi yang melibatkan diri sebagai koperasi kredit yang mempunyai risiko yang tinggi di mana jika mereka gagal, maka akan membawa kepada ketidakstabilan dalam sektor dan menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil tindakan sebagainya. Jadi ini semua untuk mengelakkan perkara itu daripada berlaku. Ini kerana kalau perkara itu berlaku, maka akan terhakis keyakinan orang ramai terhadap sektor koperasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih yang terhormat. Penjelasan itu saya rasa cukup tepat sekali. Cuma saya hendak tanya kerana bila kita sebut sesetengah koperasi yang bermasalah, kemudian *distigmakan* dengan izin, sebagai satu koperasi yang orang sapu duit, misalnya. Jadi orang hilang kepercayaan macam Yang Berhormat kata, *confident* dia habis. Jadi saya hendak tanya di sini, apakah Yang Berhormat rasa ANGKASA misalnya akan menduduki di dalam suruhanjaya ini? Di mana saya memang saya bagi tabiklah kepada Profesor Diraja Ungku Aziz yang selama ini berperanan dan ada imej sebagai orang yang menjadi harapan kalau dia yang mengepalai koperasi itu. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Saya fikir biarlah budi bicara itu dilaksanakan bila sampai masanya. Pertimbangan itu akan dibuat secara kesemuanya dan kita akan buat pelantikan secara berimbang mewakili semua pihak yang kita percaya wajar duduk untuk menjadi Lembaga Pengarah. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dikatakan bahawa peruntukan

undang-undang yang disediakan untuk SKM adalah untuk meningkatkan kuasanya di mana sama ada dari segi penyiasatan, pengeledahan dan penyertaan. Tindakan-tindakan ini boleh diambil dengan kerjasama pihak polis.

Kita juga meminda Akta Koperasi 1993 untuk memberi penekanan kepada tadbir urus yang baik. Sebagaimana yang kita sedia maklum dalam kita menentukan dan mewujudkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini ia bukanlah semata-mata untuk melihat kepada soal-soal penguatkuasaan tetapi juga ia akan memberi perhatian kepada isu untuk membangun dan memantapkan sektor koperasi dalam negara ini.

Oleh itu melalui SKM kita akan memudahkan perjalanan koperasi melalui langkah-langkah seperti mengadakan inisiatif khas, menyediakan dana tertentu, mengembangkan aktiviti koperasi, memberi insentif tertentu seperti membolehkan SKM mengambil deposit daripada bukan anggota tertakluk kepada peraturan, menyediakan garis panduan bagi memudahkan koperasi-koperasi, menyediakan latihan khusus kepada anggota lembaga dalam aspek pengurusan, perniagaan dan perundangan dan memberi peluang yang lebih luas dalam bidang perniagaan baru seperti program pembangunan vendor, francais, rantai nilai serta perniagaan yang mempunyai nilai tambah. Perniagaan-perniagaan yang banyak tadi telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Selain daripada kita juga akan tentukan seperti yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dilihat soal modal insan suruhanjaya ini supaya apa sahaja keperluan yang perlu untuk meningkatkan keberkesanan dan kemampuan suruhanjaya perlulah dicapai dan antaranya ialah dengan adanya suruhanjaya menggantikan JPK, kita akan buat penyusunan semula organisasi yang telah pun kita kemukakan kepada agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Kita telah memohon pertambahan jawatan baru melebihi 200 jawatan dan kita akan meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan melalui kursus dan latihan dan program *re-skilling* iaitu meningkatkan kemahiran pegawai.

Mengenai soal komposisi lembaga pengarah tadi, pelbagai cadangan telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja dari segi dari mana patut ia datang, bukan sahaja dari segi jumlahnya dan sebagai, kita akan mengambil perhatian mengenai perkara-perkara itu.

Tetapi walau apa pun komposisi yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini adalah akan kita tentukan wujudnya keseimbangan dari pelbagai bidang termasuk koperasi kerana kita bercakap mengenai soal hendak membangunkan koperasi sebagai suatu sektor ekonomi yang terpenting.

Oleh itu kita perlukan lembaga pengarah yang juga mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang lain seperti perakaunan, perbankan, perundangan dan ahli-ahli perniagaan yang lain yang boleh membantu, membimbing koperasi melalui kehadiran mereka dalam Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai modal insan anggota koperasi itu juga. Dalam soal ini sebagaimana kita sedia maklum, bahawa kejayaan sesebuah koperasi sememangnya bukan sahaja bergantung kepada berjayanya kita untuk mewujudkan sebuah suruhanjaya ataupun undang-undang dan sebagainya tetapi kita perlu menerima hakikat bahawa kejayaan sektor koperasi dalam negara kita juga bergantung kepada ahli lembaga pengarahnya, pengurusannya yang profesional dan juga anggota-anggotanya.

Di sinilah kita akan memberi penekanan kepada soal untuk meningkatkan tahap akauntabiliti dan ketulusan lembaga pengarah koperasi-koperasi melalui pelbagai kursus yang akan diadakan. Hari ini kursus-kursus untuk anggota lembaga dan juruaudit dalam sememangnya telah diwajibkan dan sehingga sekarang melalui Maktab Kerjasama Malaysia kita telah melatih seramai 43,836 ahli anggota-anggota lembaga koperasi.

Seperti yang telah dinyatakan tadi bahawa sememangnya adalah tidak mencukupi jika pendedahan dan latihan itu hanya meliputi lembaga pengarah dan juga pengurusan. Pihak kementerian dan juga JPK dan diharapkan apabila kita telah berjaya mewujudkan SKM, kita juga perlu memberi pendedahan dan juga latihan kepada anggota-anggota kerana akhirnya anggota itulah yang akan memilih dan melantik lembaga pengarahnya.

Hari ini kita dapati bahawa tahap anggota terhadap kefahaman mengenai falsafah dan prinsip koperasi peranannya untuk menyokong usaha-usaha koperasi-koperasinya sendiri dan hubungannya dengan koperasinya sendiri adalah pada tahap yang boleh diperbaiki.

Berasaskan kepada itu dan juga supaya mereka tidak lari dari matlamat asal maka kementerian telah pun mengarahkan kepada Maktab Kerjasama Malaysia untuk melihat supaya program-program latihan dan pendedahan dapat dibuat yang boleh turut dihadiri oleh anggota-anggota koperasi kerana akhirnya mereka juga berperanan menentukan sama ada koperasi mereka boleh berjaya ataupun tidak.

Sehubungan dengan itu, memandangkan pihak kementerian juga telah mewujudkan Majlis Pembangunan Usahawan di peringkat daerah maka kita juga bersedia untuk meminta pihak Majlis Pembangunan Usahawan Daerah untuk memainkan peranan bagi memberi kursus kesedaran dan juga pendedahan kepada anggota-anggota koperasi supaya mereka memahami falsafah dan prinsip koperasi dan mereka sentiasa memberi sokongan kepada koperasi mereka dan mereka meningkat ...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tuaran, Yang Berhormat hendak bagi jalan.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini soal penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah, saya ingin tahu di seluruh negara ada berapa daerah sudah beroperasi majlis tadi khususnya negeri Sabah sudah berapa daerah yang sudah dilaksanakan. Kalau belum

bagaimana dengan Yang Berhormat Menteri menyatakan majlis ini berperanan dalam hal koperasi, kalau belum dimulakan bagaimana pula. Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Setakat ini kita baru mewujudkan lebih kurang 60 daerah dan kalau tidak silap saya di Sabah baru dua dan kita sedang menilai keberkesanan dan kejayaan MPUD yang telah kita wujudkan di daerah-daerah yang lain dan hari ini syukur alhamdulillah kerana nampak adanya keberkesanan dan kerana kejayaan itu kita akan dengan segera mewujudkan di tempat-tempat yang lain termasuk di Sabah supaya mereka boleh memainkan peranan untuk membangunkan usahawan dan koperasi di daerah-daerah yang diwujudkan itu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sungai Petani, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, cuma saya tanya tadi ada Yang Berhormat sebutkan berkenaan dengan Maktab Kerjasama Malaysia yang memberi latihan ini. Adakah pihak kementerian sekarang bercadang untuk mengadakan pusat latihan seperti maktab itu di tempat yang lain dengan segala macam kemudahan serta juga *trainer* ataupun *instructor* dia lebih berpengetahuan. Misalnya kemudahan itu yang saya sebut seperti ICT, makmal komputer dan sebagainya ini harus kita lihat dari segi itu.

Adakah pihak kementerian hendak bercadang untuk hendak mengadakan maktab latihan sama ada masih dikekalkan di Petaling Jaya ataupun di tempat yang lain. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita belum ada perancangan untuk memperluaskan lagi kemudahan infrastruktur maktab itu tetapi apa yang kita lakukan ialah supaya program maktab itu turun ke akar umbi. Maknanya di setiap daerah boleh dianjurkan program latihan untuk turut disertai oleh anggota kerana kita kena faham bahawa anggota ini terdiri daripada orang kebiasaan yang mungkin kursus yang dibuat di maktab yang memakan masa yang panjang tidak sesuai untuk mereka.

Bagi memudahkan dan supaya mereka turut hadir, mungkin dibuat di kawasan mereka kerana yang penting ialah mereka mendapat pendedahan, kesedaran dan kefahaman apakah sebagai anggota peranan dan juga tanggungjawab mereka. Ini yang akan kita lakukan.

Selain daripada itu sebagaimana yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga sememangnya telah mengambil tindakan untuk menentukan supaya di peringkat sekolah kita dapat mewujudkan koperasi bagi tujuan untuk menanam prinsip-prinsip koperasi di kalangan anak-anak muda kita dan kementerian menyambut baik saranan supaya prinsip-prinsip koperasi ini juga dapat dimulakan, diperluaskan, di peringkat sekolah rendah lagi.

Dalam soal ini, sukalah saya maklumkan bahawa di kementerian dalam pembangunan keusahawanan kita memang sudah memulakan usaha untuk mendedahkan pelajar kita di

peringkat sekolah rendah terhadap keusahawanan dan kemungkinannya tidak ada masalah jika dalam masa yang sama kita kembangkan kepada soal-soal berkoperasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan antara perkara yang dibangkitkan ialah mengenai kewangan koperasi, seperti yang telah saya nyatakan tadi ialah perkara yang dibangkitkan untuk menentukan supaya kita dapat menambah modal pusingan koperasi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut.

Buat masa ini Jabatan Pembangunan Koperasi mengendalikan tabung pinjaman kepada koperasi yang boleh memberi pinjam sehingga RM5 juta. Dengan penubuhan SKM maka ia membolehkan dua buah tabung baru diwujudkan dan juga boleh dipinjamkan kepada koperasi, iaitu Kumpulan Wang Likuiditi Pusat dan Akaun Deposit Koperasi.

Di samping itu, perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, yang membangkitkan mengenai sama ada wujud percanggahan peruntukan undang-undang antara (32) dan juga Fasal 60, dan penjelasan yang ingin dinyatakan ialah di bawah Fasal 3, ia adalah peruntukan undang-undang bagi SKM untuk mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana pihak dan juga sebaliknya pihak-pihak yang lain yang mempunyai hubungan undang-undang boleh mengambil tindakan terhadap SKM. Misalnya dalam soal pecah kontrak dan lain-lain.

Manakala, bagi Fasal 60, ia merupakan peruntukan imuniti bagi SKM sekiranya apa sahaja yang dilakukannya itu adalah dengan suci hati, maka adanya niat jahat ataupun kecuaiian dan sebagainya, maka dengan itu maknanya SKM boleh diambil tindakan. Maka, atas sebab itulah tidak adanya percanggahan peruntukan undang-undang tersebut di antara Fasal 32 dan juga Fasal 60.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Saya masih kurang faham tentang penjelasan Yang Berhormat Menteri. Apakah maksudnya sekiranya yang suruhanjaya dibuktikan ada niat jahat, jadi tindakan undang-undang boleh diambil atau macamana?

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Jika kita baca Fasal 60 di dalam rang undang-undang itu ianya menyatakan bahawa dengan syarat tindakan yang diambil oleh suruhanjaya dalam menjalankan tanggungjawabnya dibuat dengan suci hati, maka di situlah imuniti itu terpakai. Tetapi jika boleh dibuktikan bahawa ia tidak dibuat dengan suci hati dan sebagainya maka Fasal 3, maknanya boleh diambil tindakan terhadap pegawai ataupun suruhanjaya. Itu sahaja.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi kita untuk menentukan sama ada apa yang dilakukan itu suci hati ataupun tidak. Kalau saya

adalah bagi pihak Suruhanjaya, apa yang saya lakukan adalah secara suci hati, jadi ianya termasuk Fasal 32, yang Suruhanjaya boleh didakwa itu memanglah tidak wujud.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Saya ingat tidak ada masalah, kita akan terus masukkan peruntukan itu supaya ia memberi peluang. Maknanya, bukannya tidak boleh ambil tindakan ataupun terus ada imuniti, maknanya, ia akan terpakai. Maknanya, menunjukkan bahawa boleh diambil tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, khususnya dari segi soal jumlah untuk menubuhkan koperasi dan sebagainya sememangnya kita akan pinda melalui pindaan kepada Akta Koperasi. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai beberapa koperasi yang khusus, sebagai contoh dalam perbahasan kita pada hari ini, sukalah saya nyatakan bahawa semua koperasi itu memang kita ada mengambil tindakan.

Koperasi Al-Hilal misalnya, kita telah menggantung lembaga pengarahnya; Koperasi MOCCIS, pihak kerajaan telah pun melantik syarikat membuat kajian melihat kedudukan kewangan koperasi. Manakala koperasi tentera yang dibangkitkan sebagai sebuah koperasi juga yang bermasalah sebenarnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, koperasi tentera buat masa ini tidak mempunyai masalah khusus, ia merupakan salah sebuah koperasi yang terbaik di negara kita pada ketika ini dan koperasi ini telah memberi dividen sebanyak 12% pada tahun 2006. Jadi, adalah tidak benar bahawa koperasi ini ada masalah.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Lipis.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, bagaimana dengan Koperasi Pekebum Getah Daerah Mersing Berhad, dahulu namanya Koperasi Pekebum Kecil Daerah Mersing Berhad, sekarang dia tukar kepada Koperasi Pekebum Getah Daerah Mersing Berhad, yang telah dua kali diisytiharkan mufliis. Adakah tindakan diambil terhadapnya?

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Saya jawab secara bertulis, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama turut membahaskan. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, saya percaya pihak Jabatan Pembangunan Koperasi dan seterusnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan memberi perhatian dan mana yang baik akan kita ambil sebagai satu dasar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Nanti, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri akan mendedahkan akaun Kumpulan Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Pusat Koperasi yang saya tanya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah habis, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini kerana selama 35 tahun semua tidak diumumkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh bagi dia jawablah. Bagi Yang Berhormat Menteri jawab. Saya minta akaun ini . *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah. Yang Berhormat hendak jawab?

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Tidak. Kita akan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi, ini membuktikan pendakwaan saya tidak ada transparensi bagi Kumpulan Wang Amanah Koperasi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal 1 hingga 63** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD  
(PERUNTUKAN KHAS) (PINDAAN) 2006**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Rakyat diluluskan pada bulan September 1954 di bawah Ordinan Koperasi 1948 berikutan perkembangan gerakan koperasi di negara ini. Dengan perkembangan yang pesat ini, keputusan telah dibuat untuk menubuhkan masing-masing yang dikenali sebagai Bank Persatuan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan kewangan anggota-anggota.

Pada 28 September 1954, 11 daripada Bank Persatuan tersebut bersetuju untuk bergabung dan membentuk Bank Agong (Apex Bank). Dalam tahun 1967, Bank Agong telah menukar namanya kepada Bank Kerjasama Malaysia Berhad dan keahliannya diperluas kepada individu selain daripada koperasi.

Pada 6 Januari 1973, namanya ditukar sekali lagi kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau lebih dikenali sebagai Bank Rakyat sebagai sebuah koperasi. Pengurusan dan aktiviti perniagaan Bank Rakyat adalah seperti yang terkandung dalam undang-undang kecilnya yang dibentuk mengikut Akta Koperasi 1948 (kini Akta Koperasi 1993).

Namun berikutan dari krisis kewangan yang melanda Bank Rakyat pada tahun 1976, Bank Rakyat telah menjadi tidak *solvent*. Bagi menyelamatkan Bank Rakyat dan kepentingan anggotanya, kerajaan telah menyuntik modal dalam bentuk pinjaman sebanyak RM155 juta dengan kadar faedah 4% setahun diberi secara berperingkat sejak 1957 hingga tahun 1980.

Bayaran balik pinjaman adalah secara ansuran berjadual. Bank Rakyat telah berjaya menjelaskan pinjaman tersebut pada 17 April 2001 iaitu tiga tahun lebih awal daripada tempoh yang dijadualkan, 29 Disember 2004. Sehubungan dengan pemberian pinjaman tersebut, satu Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 telah dikuatkuasakan pada 16 Februari 1978. Tujuan penguatkuasaan akta ini adalah supaya Bank Rakyat dapat menyusun semula operasinya dan memperoleh keuntungan. Akta ini meletakkan Bank Rakyat di bawah kuasa dan tanggungjawab menteri yang bertanggungjawab atas kemajuan koperasi dan Menteri Kewangan.

Cadangan pindaan kepada Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1973 adalah pindaan-pindaan berbangkit yang perlu berikutan daripada penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Cadangan pindaan adalah bertujuan untuk menyeragamkan istilah-istilah supaya selaras dengan istilah-istilah yang diguna pakai dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Rang Undang-undang Koperasi bagi menyelaraskan perkataan-perkataan yang terdapat dalam teks bahasa Inggeris dan teks bahasa kebangsaan.



Bagi menyelaraskan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) 2006, pindaan telah dibuat ke atas Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978, Akta 202 yang meliputi pindaan konsekuen iaitu:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk membuat pindaan am kepada seluruh akta untuk menggantikan perkataan "Ordinan" dengan perkataan "Akta Koperasi 1993 (Akta 502)".

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan suatu takrif baru "Suruhanjaya". Pindaan ini adalah berbangkit daripada pembuatan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006.

Fasal 4 bertujuan untuk membuat pindaan am kepada seksyen 3 akta bagi menggantikan perkataan "Pendaftar Besar" dengan perkataan "Suruhanjaya" di mana-mana jua gelaran perkataan itu terdapat. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, jawatan "Pendaftar Besar" akan digantikan dengan "Suruhanjaya Koperasi Malaysia".

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 7(2) akta dalam teks bahasa kebangsaan bagi menggantikan perkataan "dan tanggungan" dengan perkataan "tanggungan dan obligasi" untuk diseragamkan dengan teks bahasa Inggeris.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 24(1) akta dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan perkataan "dan Menteri Kewangan" untuk diseragamkan dengan teks bahasa Inggeris.

Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan sub perenggan 1(2) Jadual Pertama Akta untuk memudahkan pelantikan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga.

Apa-apa pindaan yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit. Cadangan Rang Undang-undang Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2006 akan diperkukuhkan kedudukan bank sebagai perbankan Islam. Dengan adanya pindaan rang undang-undang ini, Bank Rakyat akan terus mempelbagaikan dan mewujudkan produk pembiayaan barunya mengikut keperluan semasa pelanggan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **5.02 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah memberikan persetujuan secara prinsip pada 2 Mac 2005 bagi penukaran Jabatan Pembangunan Koperasi kepada Suruhanjaya Koperasi. Sehubungan dengan persetujuan ini satu cadangan rang undang-undang pindaan ke atas Akta Koperasi 1993 perlu dibuat bagi tujuan bagi menyelaraskannya dengan cadangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006.

Cadangan rang undang-undang ini akan membolehkan urusan pengawalseliaan dan pemantauan ke atas sektor koperasi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan ke arah memperkukuhkan sektor koperasi supaya ia lebih mapan, stabil dan teratur dalam urusan pentadbiran, aktiviti dan perniagaan.

Di samping itu pindaan ini akan dapat mengekang kelemahan-kelemahan sektor koperasi di peringkat awal sesuai dengan konsep mengelak penyakit lebih baik daripada mengubati, dengan izin, *prevention is better than cure*.

Tuan Pengerusi bagi tujuan pelaksanaan undang-undang yang lebih berkesan, rang undang-undang ini perlu dikuatkuasakan serentak dengan Rang Undang-undang Tubuh (SKM). Secara ringkas, ciri-ciri pindaan yang dibuat ke atas Akta Koperasi 1993 adalah seperti berikut.

Pertama, meningkatkan tadbir urus koperasi - Beberapa peruntukan pindaan dibuat bagi maksud tersebut seperti berikut;

- (i) memansuhkan keperluan pelantikan jawatankuasa audit dalam oleh anggota-anggota koperasi dalam mesyuarat agung. Sebaliknya pelantikan jawatankuasa audit dalam akan dibuat oleh anggota lembaga pengarah kerana jawatankuasa ini hanya merupakan satu jawatankuasa kecil berdasarkan kepada undang-undang kecil Koperasi;
- (ii) Memberi kuasa kepada anggota-anggota koperasi untuk melantik anggota lembaga di Mesyuarat Agong Khas dan mereka yang dilantik mempunyai kuasa, fungsi dan tugas yang sama seperti anggota lembaga yang dilantik dalam Mesyuarat Agong biasa;
- (iii) Anggota lembaga dan ketua eksekutif koperasi dikehendaki untuk mendedahkan kepentingan mereka dengan sesuatu pembiayaan atau kemudahan kredit yang dicadang untuk diberikan kepada seseorang yang dia mempunyai hubungan;
- (iv) Anggota lembaga dan ketua eksekutif koperasi dikehendaki untuk menzahirkan kepentingan bercanggah mereka jawatankuasa jawatan yang dipegang dalam Koperasi bertentangan dengan kewajipan atau kepentingan peribadi mereka;
- (v) Mengemukakan maklumat dan dokumen mengenai hal ehwal dan perniagaan koperasi seperti statistik berkala apabila dikehendaki oleh Suruhanjaya.

Kedua, meningkatkan keperluan-keperluan berhemah untuk dipatuhi oleh koperasi-koperasi. Suruhanjaya akan diberi kuasa untuk mengenakan keperluan-keperluan berhemah *prudential requirements* ke atas koperasi kelas atau kategori koperasi tertentu untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan operasi mereka. Antara keperluan berhemah tersebut adalah;

- (i) keperluan menyelenggarakan aset cair minimum bagi memastikan koperasi mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan anggota-anggota Koperasi pada bila-bila masa;
- (ii) keperluan menyelenggarakan kumpulan wang ahli minimum bagi memenuhi keperluan operasi mereka dan sebagai pelapis dalam menghadapi kerugian;
- (iii) sekatan ke atas pelaburan dalam harta tidak boleh alih oleh Koperasi;

- (iv) sekatan ke atas pelaburan dalam subsidiari dan pemberian pendahuluan kepada subsidiari;
- (v) penetapan had maksimum ke atas pinjaman yang boleh diberikan kepada seseorang peminjam, pemberian pembiayaan Islam atau kemudahan kredit oleh koperasi; dan
- (vi) penetapan bentuk dan kandungan penyata kewangan piawaian perakaunan dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Koperasi dalam menyedia dan membentangkan penyata kewangan.

Ketiga, meningkatkan kuasa pengawalseliaan ke atas koperasi. SKM diberi kuasa pengawalseliaan ke atas koperasi-koperasi bagi menjadikan ia lebih efisien dan berdaya saing dengan sektor kewangan yang lain. Justeru peruntukan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) kuasa bagi SKM untuk memantau penubuhan subsidiari koperasi dan pergerakan wang atau aset dalam apa-apa bentuk daripada koperasi kepada subsidiarinya;
- (ii) koperasi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran bertulis daripada SKM sebelum membuka cawangannya sama ada dalam atau di luar Malaysia;
- (iii) SKM diberi kuasa untuk menyekat pinjaman koperasi daripada bukan anggota kecuali apabila kebenaran diberikan melalui arahan atau garis panduan;
- (iv) tiap-tiap Koperasi dikehendaki untuk menyelenggara kumpulan wang rizab statutori sebelum mengisytiharkan apa-apa dividen daripada untung bersih terauditnya bagi tiap-tiap tahun selepas peruntukan yang wajar telah dibuat untuk cukai;
- (v) kuasa koperasi untuk membuat pelaburan bagi kumpulan wangnya dalam bon dan debenture mana-mana koperasi, cagaran dalam mana-mana syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang berdaftar di Malaysia.

Keempat, meningkatkan peruntukan penalti atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah rang undang-undang. Hukuman kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dinaikkan menurut berat kesalahan. Hukuman denda diperuntukkan di antara RM100 ribu ke RM5 juta. Hukuman penjara bagi tempoh 6 bulan hingga 5 tahun dan hukuman denda harian ditingkatkan di antara RM100 sehingga RM5 ribu.

Pelanggaran kesalahan akan dikenakan bukan sahaja kepada koperasi, tetapi juga anggota lembaga, pengerusi, setiausaha, bendahari dan juga pegawai koperasi berkenaan.

Koperasi dilarang daripada menanggung kerugian akibat salah tindakan mana-mana pegawainya bagi apa-apa liabiliti berikutan pelanggaran undang-undang yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Koperasi 1993 sebagai pindaan berbangkit dan juga menambah beberapa peruntukan baru yang perlu bagi meningkatkan kuasa pengawalseliaan dan penguatkuasaan SKM ke atas sektor koperasi.

Sehubungan di atas butiran terperinci mengenai rang undang-undang adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta.

Fasal 2 bertujuan meminda tajuk panjang untuk mengadakan peruntukan bagi nilai-nilai kejujuran, kebolehpercayaan dan ketelusan koperasi sebagai prinsip yang menggerakkan koperasi. Objektif akta juga diperluas untuk memasukkan sumbangan ke arah mencapai objektif sosioekonomi negara.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan tarif baru dan meminda tarif istilah tertentu yang digunakan dalam akta.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 5, Akta 502 untuk mengurangkan jumlah minimum anggota koperasi daripada 100 orang kepada 50 orang anggota.

Fasal 7, untuk menetapkan kehendak yang berlainan bagi pendaftaran koperasi asas, koperasi menengah dan juga koperasi atasan.

Seksyen baru 10B menggantikan Seksyen 89 Akta 502 dan menjadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang selain koperasi untuk menggunakan perkataan 'koperasi', 'koperatif', '*ko-operatif*' atau *ko-op*.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 13 Akta 502 untuk memastikan pengawalseliaan yang lebih rapi terhadap koperasi dan untuk menggalakkan ketelusan dalam pengurusan koperasi. Ia juga menjadikannya satu kesalahan bagi kegagalan untuk mematuhi peruntukan seksyen ini.

Fasal 17 bertujuan untuk mengadakan satu peruntukan baru mengawasi penubuhan subsidiari koperasi dan pergerakan dana dalam apa-apa bentuk daripada koperasi kepada subsidiarinya. Ia juga menjadi satu kesalahan bagi kegagalan untuk mematuhi peruntukan seksyen ini.

Fasal 78 bertujuan memasukkan seksyen baru 86(a) dan 86(b) ke dalam Akta 502 untuk memberi suruhanjaya kuasa untuk membuat perintah dan mengeluarkan arahan atau garis panduan bagi membantu suruhanjaya untuk mengawal selia koperasi dengan lebih berkesan. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Saya mohon menyokong,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Larut.

**5.11 ptg.**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyahut tentang pindaan ini. Cuma saya hendak menyentuh apabila ada suruhanjaya ini sudah tidak ada lagi Jabatan Pembangunan Koperasi, kuasa diberikan kepada Suruhanjaya Koperasi. Namun demikian, saya masih lagi hendak mengulangi ingatan saya supaya tidak berlaku campur tangan di atas pemilihan Lembaga Pengarah di peringkat koperasi kerana ini amat mendukacitakan. Apabila pada masa ini di mana pihak pendaftar datang turun. Kalau pendaftar tidak dihubungi, tidak boleh adakah mesyuarat Lembaga Pengarah. Habis kalau pendaftar pun sibuk, siapa yang datang hendak *supervise* atau hendak mengawasi perjalanan mesyuarat lembaga. Tidak mengapalah, bagus kalau ada, kalau mereka tahu apa yang berlaku.

Masalahnya apabila pihak tertentu tidak berpuas hati dengan ahli lembaga yang mungkin bercakap banyak atau sentiasa menegur kakitangan dan pegawai, mereka tidak senang hati. Apabila tiba dalam pemilihan mesyuarat, mereka mengambil kesempatan mempengaruhi ahli-ahli perwakilan dengan kempen-kempen memburuk-burukkan ahli lembaga. Kalau ini berterusan, bagaimanakah kalau kita hendak melicinkan memberi ketelusan kepada perjalanan koperasi kalau ada pihak tertentu yang cuba menentukan kepimpinan di peringkat koperasi?

Kerana kita lebih percaya kepada pendaftar yang menggambarkan bahawa segala-galanya adalah dirujuk kepada pendaftar. Ini kerana ada yang boleh menegur sewaktu pemilihan Mesyuarat Agung sebelum pemilihan Lembaga Pengarah. Jadi kalau berterusan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak walaupun suruhanjaya ini telah kita luluskan dan kita hendak laksanakan. Lebih-lebih lagi Yang Berhormat Menteri katakan tadi kita hendak melihat supaya perjalanan koperasi itu berjalan dengan hebat, dapat berdiri atas kaki sendiri dan dapat mencerminkan inilah koperasi yang berada dalam negara kita ini kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain. Tetapi kalau inilah keadaannya dan kita tidak dapat mengatasi perkara yang telah saya sebutkan tadi dengan kuasa yang diberikan, saya bimbang peranan suruhanjaya ini tidak akan kesampaian dan merealisasikan impian pihak Yang Berhormat Menteri terutamanya.

Maka sebab itu, saya bersetuju sekiranya pindaan-pindaan itu dibuat demi kepentingan. Tetapi kita mesti juga melihat supaya campur tangan pihak pengurusan menentukan kepimpinan kalau mereka ada orang yang mereka tidak suka, ini tidak seharusnya berlaku. Kerana kita mahu supaya perwakilan ahli-ahli koperasi itu sendiri menentukan siapa yang sepatutnya memimpin mereka. Walaupun mereka ini barangkali yang sentiasa menegur, memberi pandangan-pandangan mereka dan apabila tiba tidak ada sekata dengan pihak pengurusan,

pengurus besar atau pengurus misal kata dan ada pandangan supaya mereka ini ditukarkan.

Tidak bermakna bahawa sudah timbul satu kebencian di kalangan Lembaga Pengarah yang menyebabkan ada yang rasa tidak senang hati dan boleh mempengaruhi pihak pengurusan untuk menentukan jika ada pemilihan, orang-orang ini perlu dijatuhkan.

Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan yang dibuat ini kalau pun ada pindaan, tetapi penguat kuasa tidak boleh kita lalukan, saya rasa ini masih lagi tersasar dengan matlamat dan tujuan yang hendak kita laksanakan. Maka sebab itu saya berseru kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana kita hendak pergi lebih jauh dalam melihat imej koperasi kita, tidak mahu ada lagi koperasi kita yang masih lagi dalam keadaan mundur, yang terpaksa gulung tikar serta yang masih lagi mengharapkan bantuan dan pertolongan. Saya berharap juga supaya koperasi dalam pindaan ini mencerminkan kehendak keahlian itu sendiri. Jika tidak, tidak ada makna kita meminda akta ini kalau kita masih tidak boleh melangkah lebih jauh ke hadapan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

#### 5.16 ptg.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini. Namun, saya juga ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh mengenai rang undang-undang ini. yang pertama, objektif rang undang-undang ini memanglah baik dan memuaskan lebih-lebih lagi bahawa koperasi boleh menyumbang ke arah mencapai objektif sosioekonomi negara. Yang Berhormat Menteri, setakat ini saya ingin tahu berapa banyakkah koperasi di Malaysia dan berapakah sumbangan semua koperasi ini terhadap sosioekonomi negara kita yang membuat negara kita lebih maju lagi?

Selepas itu, saya nampak sekarang bahawa anggota-anggota koperasi yang sudah dikurangkan daripada 150 orang anggotanya. Adakah ini bermakna lebih banyak lagi koperasi yang akan ditubuhkan di negara kita? Jika anggota ini dikaitkan dengan penyumbangan kepada objektif sosioekonomi negara, bilangan yang kecil iaitu 50 orang ini, berapa besarkah perniagaan yang mereka boleh jalankan? Jadi kalau kita melihat dari segi hanya untuk menubuhkan koperasi...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya dari Mambong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal penyumbangan dalam koperasi ini saya terheret untuk berbahas sama. Ada koperasi yang hampir-hampir bankrap, hampir-hampir jatuh tidak

dapat beroperasi. Tiba-tiba ada seorang yang berkepentingan diri dalam koperasi ini supaya ia tidak mahu koperasi ini gagal dan seterusnya memberi sumbangan secara wang tunai pada koperasi tersebut. Tetapi dalam undang-undang koperasi yang ada pada hari ini, yang kita lihat ini tidak dibenarkan. Ini boleh dianggap sebagai salah dalam perenggan ini. Jadi *the maximum fund* ialah RM500 juta. Jadi ini adakah kementerian untuk melihat perkara yang memberi proviso yang sesuai di mana perseorangan ini dengan ikhlas membantu koperasi yang agak kurang berkemampuan untuk maju ke hadapan. Minta pendapat daripada Yang Berhormat.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Sebenarnya daripada pengalaman saya, ini sudah pun berlaku bahawa ada koperasi yang sudah separuh bankrap ataupun memang sudah hampir-hampir bankrap. Maka tiba-tiba timbullah seorang yang ingin menyelamatkan koperasi ini. Ini memang saya sendiri tahu bahawa kes-kes seperti ini sudah pun berlaku. Tetapi sekarang, dalam perundangan ini memang tidak dibenarkan untuk begitu. Kerana kalau kerajaan membenarkan seorang untuk menyelamatkan koperasi, ini bermakna bahawa dia akan ada kawalan di dalam koperasi tersebut. Dia juga akan ada kepentingan di dalam koperasi tersebut.

Akhirnya koperasi ini juga akan digulung, atau pun gulung tikar dan orang yang berkepentingan ini nanti akan membina lagi koperasi ini sebagai syarikat, mungkin sebagai syarikat yang besar. Oleh sebab rekod koperasi ini mungkin ada baik tadi atau mungkin selama ini rekod koperasi ini baik. Jadi bolehkah ia berlaku seperti ini? Ini kita ajukan soalan ini kepada menteri nanti kalau beliau sudah menjawab. Ya silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Pengerusi. Secara dasarnya kita lihat bahawa koperasi ini dibentuk akibat daripada persetujuan secara sukarela beberapa anggota bertujuan untuk menubuhkan koperasi. Tetapi kadang-kadang Yang Berhormat, terdapat beberapa perkara dalam Akta Koperasi itu sendiri yang begitu mengongkong setiap pergerakan koperasi. Misalnya hingga kepada peringkat bahawa pembelian harta misalnya, pelupusan harta, pengisytiharan dividen atau keuntungan daripada koperasi-koperasi yang berjaya membuat hasil keuntungan yang tinggi terpaksa mendapat kelulusan daripada pengawal atau pendaftar koperasi berkenaan.

Kadang-kadang keadaan ini menyebabkan orang-orang perseorangan yang berminat untuk berusaha membangunkan koperasi sebagai sebuah badan perniagaan yang baik, menjadi tidak begitu berminat kerana mereka tidak dapat pulangan yang terbaik hasil daripada kerja keras mereka. Dividennya dikawal dan pelbagai bayaran pinjaman juga perlu kawalan yang ketat.

Tidakkah boleh dalam negara kita yang sudah mencapai 50 tahun ini dan saya rasa pergerakan koperasi di negara ini juga sudah matang. Boleh atau tidak kita cadangkan supaya kementerian melonggarkan sedikit beberapa sekatan-sekatan ini supaya lebih ramai lagi



pedagang, orang yang berniaga secara sukarela bergiat dalam bidang koperasi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pernah terlibat diri dalam koperasi dahulu semasa saya bertugas dengan kerajaan. Kita menubuhkan sebuah koperasi, pada permulaannya koperasi kami iaitu Koperasi Hijau Berhad yang timbul daripada kakitangan-kakitangan Jabatan Perhutanan Sarawak. Saya pada masa itu menjawat jawatan Setiausaha Agung koperasi tersebut.

Tetapi kalau kita lihat daripada kawalan kerajaan memanglah ketat. Kita mengadakan mesyuarat mesti ada seorang pegawai daripada Jabatan Koperasi, dia mesti hadir. Lepas itu dia pun mengawasi agenda kita, agenda di dalam Mesyuarat Agung. Inilah satu kawalan ketat oleh kerajaan ke atas koperasi. Walau pun koperasi ini tidak gagal, mempunyai lapan buah rumah kedai.

Pada dahulunya kami juga berjaya untuk membangunkan kawasan perumahan, perundangan atau pun peraturan oleh kerajaan ini yang amat ketat juga menyekat perkembangan *business* koperasi seperti pegang syer di dalam koperasi. Tiada seorang yang boleh memegang lebih daripada satu syer kerana kerajaan tidak mahu orang yang memegang syer yang besar nanti *control* koperasi itu. Ini sudah jadi masalah dan susah untuk koperasi menjalankan *business* mereka supaya koperasi itu lebih maju lagi.

Oleh itu, saya mohon kepada kerajaan, mungkin ada kawalan tetapi janganlah terlalu ketat. Kerana nanti kalau kawalan terlalu ketat lebih-lebih lagi koperasi kecil di kawasan luar bandar mereka tidak ada *leeway* atau pun pilihan untuk memperkembangkan koperasi mereka, supaya mereka ini boleh berkembang lagi dan justeru menyumbang kepada sosial ekonomi negara.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang pendaftaran koperasi ini. Sekarang sudah tiga taraf koperasi iaitu koperasi asas, menengah dan atasan. Ini saya nampak seperti pendidikan juga. Ada yang asas di mana ahli-ahli atau pun anggota-anggota koperasi mungkin belajar apa yang asas di dalam menjalankan koperasi.

Yang kedua peringkat menengah. Apakah ini? Adakah *capital* di dalam koperasi itu lebih tinggi lagi di dalam peringkat asas. Dan yang ketiga adalah peringkat atasan. Apa ini peringkat atasan? Sama ada anggota-anggota koperasi daripada orang-orang yang lebih kaya daripada orang-orang peringkat asas ataupun lebih kaya daripada peringkat menengah dan ingin menceburi dalam bidang *business* yang mungkin lebih tinggi lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang pendaftaran koperasi, ya? Jadi saya hendak dapat pandangan Yang Berhormat, di dalam akta ini 10A(1) dengan 10B(1) seksyen 10, 12 dan sebagainya. Menetapkan bahawa setiap koperasi mesti didaftarkan dan tidak boleh ada penggunaan perkataan koperasi kalau

tidak didaftarkan dengan akta ini. Apakah Yang Berhormat fikir akta ini terlalu ketat? Kerana koperasi-koperasi yang dijalankan sekarang melibatkan juga koperasi sekolah. Misalnya di sekolah rendah ada Kedai Buku Koperasi Sekolah. Bermakna selepas ini kedai buku koperasi sekolah mengikut akta ini tidak boleh menggunakan perkataan koperasi. Ini kerana ianya tidak didaftarkan di dalam akta ini.

Menurut seksyen 10 pindaan yang baru 10A(1) dan juga 10B yang tidak membenarkan sesiapa menggunakan perkataan koperasi kalau tidak didaftarkan dengan akta ini. Jadi apakah Yang Berhormat fikir terlalu ketat sehinggakan banyak sekolah-sekolah yang menggunakan perkataan koperasi dan sebagainya terpaksa ditukarkan, tidak dibenarkan menggunakan perkataan ini lagi.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Bera. Apabila saya lihat sekarang seksyen 10A yang mengatakan tidak ada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai satu koperasi atau menyatakan bahawa dia atau mana-mana orang lain menjalankan urusan suatu koperasi mengikut apa-apa bentuk atau cara melainkan jika dia atau orang lain mengikut mana-mana yang berkenaan berdaftar di bawah akta ini. Sudah tentu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat hendak habiskan ke atau hendak sambung esok.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Saya hendak habiskan sekarang. Saya hendak habiskan. Saya hendak habiskan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Di bawah akta ini kalau sebuah badan sudah pun mendaftar sebagai koperasi sudah tentu ia menjalankan fungsi-fungsi koperasi. Apa lagi? Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Bera, larangan dan penggunaan perkataan 'Koperasi' Akta 10B, 10B(1), saya memang setuju. Kenapa diketatkan? Kerana banyak lagi koperasi sekolah, koperasi kampung yang kecil-kecil, di kampung di kawasan luar bandar, koperasi amat penting bagi mereka untuk menjalankan *business* dan sebagainya.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sungai Petani.

### 5.31 ptg.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak rehatkah?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Boleh sambung besok?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sambung besoklah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Sungai Petani boleh sambung besoklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Yang Mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.***